AKHBAR RASMI KERAJAAN * NEGARA BRUNEI DARUSSALAM *

ڤليتا بروني

# Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

TAHUN 32 BILANGAN 26 | RABU 1 JULAI, 1987. | رابو 4 ذوالقعده 1407 | PERCUMA





## MESYUARAT MENTERI-MENTERI LUAR ASEAN:

# Dua dokumen ASEAN ditandatangani di S'pura

BANDAR SERI BEGAWAN. – Menteri-Menteri Luar ASEAN yang mengadakan mesyuarat tahunan di Singapura baru-baru ini telah menandatangani dua dokumen. Dokumen pertama ditandatangani oleh keenam menteri luar itu pada 16 Jun 1987 sebelum Mesyuarat Menteri-Menteri yang ke-20 berakhir. Perjanjian ini dipanggil Perjanjian Tambahan untuk Meminda Perjanjian Asas Mengenai Usahasama Perindustrian ASEAN.

Perjanjian asas ini ditandatangani oleh jemaah menteri luar ASEAN pada 7 November 1983. Ianya menyediakan landasan di mana sektor swasta ASEAN boleh mewujudkan kerjasama di bidang perutusan serantau.

Perjanjian asas ini menyatakan bahawa usahasama Perindustrian ASEAN atau ringkasnya AIJV ialah mana-mana badan yang:

a) Menghasilkan barangan AIJV di mana-mana negara

**LAPORAN JOHARI ACHEE**

ASEAN yang mengambil bahagian; dan

b) Mempunyai ekuiti penyertaan rakyat dari sekurang-kurangnya dua negara yang mengambil bahagian.

Pemilikan ekuiti minimum di pihak ASEAN sebanyak 51% adalah dikehendaki bagi sebarang usahasama perindustrian ASEAN (AIJV) yang dicadangkan.

Sejauh ini terdapat sembilan jenis barangan AIJV yang telah diluluskan oleh Menteri-Menteri Ekonomi ASEAN. Antaranya ialah kertas keselamatan, daging yang disembelih, lampu-lampu kenderaan dan alat-alat elektrik bagi motosikal.

Perjanjian yang ditandatangani di Singapura baru-baru ini akan meningkatkan

Lihat muka 24

## DITERIMA MENGADAP

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Saleha telah berkenan menerima mengadap Tengku Khadijah binti Tengku Abd. Rahman Putra Al-Haj, Isteri Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke negara ini, Tuan Yang Terutama Tuan Syed Hussein bin Syed Abu Bakar.

Istiadat mengadap tersebut telah berlangsung di Istana Nurul Iman di sini pada 23 Jun lepas.

Sementara itu, Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam, juga telah berkenan menerima mengadap Tengku Khadijah di Istana Nurul Izzah, Jerudong pada 25 Jun. Gambar-gambar oleh Pg. Abu Bakar PHO.

# Lawat Republik Korea dan Filipina

BANDAR SERI BEGAWAN. – Yang Mulia Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Zakaria bin Datu Mahawangsa Haji Sulaiman, Timbalan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, hari ini meneruskan lawatan muhibah ke Republik Korea, setelah menghabiskan lawatannya ke Republik Filipina.

Yang Mulia Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Zakaria yang dalam rangka lawatan suai-kenal itu juga akan melawat Jepun dari 5 hingga 9 Julai depan. Timbalan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri berlepas meninggalkan negara ini ke Republik Filipina pada 28 Jun lalu.

Lawatan tersebut juga untuk membincang pekara-perkara dua hala dan bertukar-tukar pendapat mengenai dengan isu-isu politik serantau dan antarabangsa. Ia juga diharapkan akan dapat membantu meningkatkan lagi bidang kerjasama selain mengeratkan hubungan baik yang sedia ada di antara negara kita dengan negara-negara yang dilawati.

Menyertai lawatan tersebut ialah beberapa orang pegawai dari Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam.

## PETIKAN TITAH

**"Dengan keadaan ekonomi kita yang mantap dan stabil, Kerajaan Beta akan berterusan merancang projek-projek yang akan benar-benar memberikan manfaat dan faedah kepada semua rakyat Beta di negara ini, iaitu seperti di bidang pelajaran, kesihatan, perhubungan dan perkhidmatan sosial yang meliputi infrastruktur perindustrian dan perniagaan dengan menurut keupayaan dan keutamaan jua."**

*Dititahkan sempena Hari Kebangsaan yang disiarkan melalui Radio dan Televisyen Brunei pada 22 Februari, 1987.*

## MANISNYA IMAN

"APAKAH orang-orang yang telah mengerjakan kejahatan itu mengira, bahawa Kami akan menjadikan mereka seperti orang-orang yang beriman dan orang-orang yang beramal salih, bersamaan saja hidup mati mereka? Ialah seburuk-buruk hukuman yang mereka tetapkan." — Makna ayat 20 Surah Al Jatsiah.

**Berdisiplin Di Jalan Raya**
**Elakkan Diri Dari Bahaya**

Pelita Brunei
DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

1 JULAI, 1987

*Dengan nama Allah yang pemurah dan maha penyayang*

## MENGHORMATI PENGUATKUASAAN DAN MEMATUHI UNDANG-UNDANG

**PENGGUBALAN dan penguatkuasaan sesuatu undang-undang bukanlah untuk menyekat kebebasan atau merupakan suatu halangan, tetapi adalah bertujuan sebagai peringatan dan panduan kita bersama agar sebarang tindak-tanduk dan keolahan dalam kehidupan harian tidak bertentangan atau bercanggah dengan kehendak serta amalan bermasyarakat dan bernegara.**

**Ada di antara undang-undang yang digubal itu mungkin menjejaskan beberapa perkara kecil di kalangan individu-individu tertentu yang melihat dari sudut kepentingan diri sendiri tetapi jika dihalusi dan diteliti secara keseluruhan berpandukan fikiran rasional terutama manfaatnya dalam hidup bernegara, maka jelas betapa sesuatu undang-undang itu harus wujud malah perlu dipatuhi oleh semua orang.**

**Kemakmuran dan keharmonian yang selama ini kita nikmati bersama sebahagiannya berpunca daripada sikap rakyat dan penduduk negara ini yang sentiasa menghormati keadilan dan mematuhi undang-undang. Masyarakat yang berdisiplin dan berhemah tinggi tahu menilai dan memanfaatkan erti keadilan di samping bersedia mematuhi undang-undang.**

**Disiplin sukar dipelihara dan dikawal tanpa rasa penghormatan kepada keadilan dan tanpa undang-undang yang secara langsung menjejaskan keharmonian bermasyarakat yang akhirnya membawa keadaan yang tidak tenteram dan bahagia. Bila sudah keadaan jauh daripada mematuhi undang-undang, maka sesuatu pembangunan akan sukar dilakukan yang bererti fizikal dan mental bangsa itu menjadi korban dari keadaan yang tidak kita kehendaki.**

**Syukur Alhamdulillah, kesedaran kita yang tinggi terhadap keadilan dan pemedulian kita dalam mematuhi undang-undang telah memungkinkan kita semua terus-menerus menumpukan sepenuh perhatian dan tenaga dalam mengisi erti kemerdekaan dan kedaulatan sifatnya sebagai bangsa yang mahu maju dan digalati.**

**Baru-baru ini buat pertama kalinya kita telah menjadi tuan rumah kepada mesyuarat majlis tabdir dan jawatankuasa tetap Persatuan Undang-Undang ASEAN. Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin bin Pg. Haji Abbas bersabda bahawa pengasas-pengasas ASEAN dua puluh tahun yang lalu menerusi Deklarasi Bangkok telah menekankan jalinan kerjasama di bidang perundingan dan kehakiman yang mana sebagai objektif kedua pertubuhan serantau ini dalam usaha mewujudkan keamanan dan kemantapan.**

**Penubuhan Persatuan Undang-Undang ASEAN adalah wadah yang tepat dalam melaksanakan pencapaian objektif kedua ASEAN yang setentunya memberi laluan-laluan positif ke arah kerjasama yang meluas di bidang perundangan dan kehakiman. Ini juga petanda kematangan ahli-ahli perundangan di rantau ASEAN ini dalam usaha mewujudkan suatu kesepakatan bersama sepanjang ia tidak merugikan kepentingan negara-negara yang bersangkutan.**

**Kerana itulah, Persatuan Undang-Undang ASEAN mempunyai tanggungjawab yang berat dalam meningkatkan kerjasama dan persahabatan di bidang masing-masing yang merupakan ciri-ciri tersendiri dalam konsep perundingan dan permesyuaratan ASEAN.**

**Kita berkeyakinan, banyak keuntungan akan dapat diperolehi melalui pertukaran-pertukaran pemikiran dan pengalaman yang setentunya dimanfaatkan untuk kepentingan keadilan dan kebijaksanaan dalam menjalankan tugas-tugas harian yang begitu mencabar. Demi kepentingan bersama negara-negara ASEAN, kita berharap, mesyuarat yang diadakan di negara kita dapat memikirkan langkah-langkah konkrit mengenai dengan harmonisasi hukum di negara-negara ASEAN di samping pentingnya perjanjian ekstradisi dalam usaha bersama membenteras sebarang tindakan jenayah.**

# ASEAN-NEW ZEALAND NIKMATI HUBUNGAN MESRA



**SABDA kenyataan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam di Sesi Dialog ASEAN dengan New Zealand di Singapura, 19 Jun, 1987.**

BAGI pihak rakan-rakan ASEAN, saya menyampaikan setinggi-tinggi penghargaan kepada tuan dan rombongan tuan dalam sesi dialog kita tahun ini.

Saya sukacita menyatakan bahawa hubungan dialog kita sepanjang dua belas tahun yang lalu, kedua-dua ASEAN dan New Zealand telah menikmati hubungan yang mesra melalui perundingan yang berterusan. Saya langsung tidak meragukan hubungan kerja yang begitu baik akan terus berkembang bagi peningkatkan kerjasama kita dalam pelbagai bidang menerusi hasil hubungan dialog itu.

Beberapa kegiatan-kegiatan telah berlaku sejak sesi dialog kita yang terakhir di Manila bulan Jun 1986, yang antaranya termasuklah: Pengisytiharan "ASEAN-New Zealand Business Council", (Majlis Niaga ASEAN-New Zealand) di Jakarta bulan Julai lalu, perundingan informal antara pegawai-pegawai dagangan ASEAN dan New Zealand di Bandar Seri Begawan pada 1 April 1987, dan diikuti dengan mesyuarat ke lapan Dialog ASEAN-New Zealand di Wellington dari 7 hingga 8 April 1987.

Saya telah diberi maklum bahawa rundingan informal di kalangan pegawai-pegawai dagangan kita April lalu telah memberikan ruang perbincangan secara terbuka dan terus terang dalam isu-isu perdagangan serantau dan antarabangsa yang ada kepentingan bersama. Dalam mesyuarat dialog yang lalu, pegawai-pegawai kita telah meninjau kembali hubungan dialog itu dan membuat sokongan-sokongan bagi memperbaiki lagi kerjasama ekonomi, perdagangan dan kemajuannya serta perbincang mengenai dengan arah kemajuan kerjasama kita di masa akan datang. Semua perbincangan-perbincangan yang sungguh berguna ini jelas membuktikan tekad gigih ASEAN dan New Zealand dalam mempastikan perhubungan dialog kita terus dinikmati bersama.

Saling faham memahami masalah masing-masing dan usaha-usaha bersama dalam mengatasi masalah-masalah itu adalah dua elemen yang mustahak untuk kita nikmati mana-mana kejayaan kerjasama itu. Saya ingin menyebut satu contoh yang baik. Brunei Darussalam dan Singapura telah mengambil usaha-usaha bersama dalam mengatasi masalah-masalah kesan terkeluarnya kedua-dua buah negara ini daripada senarai keutamaan New Zealand Sistem Preferensi Umum (GSP). New Zealand telah bersetuju untuk mempertimbangkan permintaan-permintaan ASEAN dalam memberi keutamaan barangan hasil-mahsyul Brunei Darussalam dan telah memperakukan 148 jenis barangan ASEAN hasil daripada tindakan positif New Zealand terhadap senarai-senarai permintaan kita yang pertama hingga keempat. ASEAN sangat menghargainya dan berharap senarai-senarai permintaan akan datang akan menerima tindakan positif dan cekap dari New Zealand.

Dalam perjumpaan terakhir jawatankuasa 'post-ministerial' (PMC), kita telah bertukar-tukar pendapat mengenai dengan tujuan di masa akan datang perhubungan dialog kita yang ditumpukan kepada perdagangan, pelaburan dan pelancongan. Langkah-langkah telah pun diambil oleh pegawai-pegawai dari kedua-dua belah pihak bagi melaksanakan pemikiran itu kepada kenyataan. Dalam dialog ke lapan ASEAN-New Zealand, ASEAN telah memajukan cadangan projek mengenai Kegiatan Promosi Perdagangan ASEAN-New Zealand dan satu memorandum mengenai Kerjasama Pelaburan ASEAN-New Zealand. Pihak New Zealand telah mengambil langkah positif dengan mentauliahkan pakar-pakar perunding dalam tempoh peruntukan kewangan tahun ini agar 'package' promosi perdagangan dan pelaburan yang komprehensif dapat disediakan untuk tempoh empat tahun bermula 1988 hingga 1992 untuk dilaksanakan. Kami secara jujur berharap agar pakar-pakar perunding itu akan dapat menyediakan langkah-langkah praktikal yang bersesuaian bagi kita sama-sama mencapai matlamat untuk mengembang dan meneguhkan kerjasama ekonomi dan perdagangan antara ASEAN dengan New Zealand.

Suasana ekonomi dunia masih lagi pudar. Pegawai-pegawai ASEAN dan New Zealand telah berbincang bersama dalam 'New Round of Multilateral Trade Negotiations' yang dilancarkan bulan September lepas bagi mencari kemungkinan kerjasama di bidang-bidang yang punya kepentingan bersama. Bidang-bidang kepentingan bersama kita itu termasuklah isu-isu pertanian dan hasil-hasil tropika. Kedua-dua ASEAN dan New Zealand telah pun bersetuju atas keperluan keputusan awal kepada perundingan-perundingan.

Dengan kerjasama negara-negara membangun, kita berharap 'New Round' akan mencapai kejayaan dalam merundingkan langkah-langkah komprehensif kepada dasar liberalisma perdagangan antarabangsa.

Dalam bidang kemajuan kerjasama ASEAN-New Zealand, projek perhutanan semula ASEAN-New Zealand (ASEAN-New Zealand Afforestation Project) yang berakhir bulan November ini adalah yang terbesar dan projek yang paling berjaya hasil hubungan dialog kita. Bagi pihak rakan-rakan ASEAN, saya sukacita menyatakan penghargaan ASEAN kepada Kerajaan New Zealand terhadap peralihan teknologi perhutanan semula yang begitu berharga kepada negara-negara anggota ASEAN. Kita juga mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan New Zealand atas kejayaan penuh beberapa projek dan aktiviti-aktiviti pada tahun lalu.

Untuk tempoh 1987 hingga 1992, ASEAN dan New Zealand telah mengambil langkah realistik dalam melaksanakan projek-projek dalam lingkungan tahun perundukan dua belas juta ringgit New Zealand. Dalam Dialog ASEAN New-Zealand yang akhir, kedua-dua belah pihak telah berusaha meningkatkan kemajuan kerjasama ini. Senarai projek-projek yang telah dipersetujui bersama dalam lingkungan tahun kewangan ini telah pun disediakan. Perancangan kemuka dan tujuan masa akan datang telah pun ditekankan dalam bidang kerjasama ini bagi musim lima tahun. Kemajuan ini adalah bukti komitmen New Zealand dalam membantu ASEAN dan saya pasti bahawa inilah bidang kerjasama yang kejayaannya begitu meyakinkan.

Masalah Kampuchea yang belum selesai terus menjadi halangan serius kepada keamanan dan kemantapan rantau kita. ASEAN menghargai pandangan yang sama yang diambil oleh New Zealand atas halangan ini, terbukti dari sokongan New Zealand terhadap resolusi Kampuchea di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Adalah menjadi harapan kami bahawa New Zealand bersama dengan lain-lain negara dalam masyarakat antarabangsa akan terus-menerus menyokong usaha-usaha gigih ASEAN dalam memberikan asas bagi menyelesaikan konflik Kampuchea ini.

Saya yakin kerjasama kita yang erat dalam pelbagai bidang kepentingan bersama akan berterusan agar hubungan-hubungan dialog kita bertambah teguh dan kukuh di masa-masa akan datang.

## Pasarneka sempena Hari Keputeraan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jawatankuasa Pasarneka Sempena Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang ke-41 tahun akan mengadakan gerai-gerai jualan pasarneka bertempat di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas, Brunei Darussalam.

Borang-borang permohonan bagi mendapatkan gerai-gerai tersebut boleh didapati daripada: —

* Awang Matali bin Haji Apong dan Awang Dahlan bin Mokti, Lembaga Kemajuan Ekonomi, Tingkat 3, Bangunan Kementerian Kewangan, Bandar Seri Begawan, atau

* Pg. Intan binti Pg. Datu Penghulu Pg. Haji Apong, Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu, 411, Bangunan Guru-Guru, Bandar Seri Begawan, atau

* Awang Tan San Leong Dewan Perniagaan Tiong Hua, 107, Jalan Pemancha, atau

* Awang Mohindar Singh, Dewan Perniagaan India, 302, Bangunan Kiaw Lim, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan, atau

* Bahagian Perlesenan Jabatan Lembaga Bandaran, Bandar Seri Begawan.

Borang permohonan hendaklah dikembalikan kepada Setiausaha Jawatankuasa Pasarneka, Jabatan Lembaga Bandaran, Bahagian Perlesenan, Bandar Seri Begawan tidak lewat pada 6 Julai, 1987.

# Sumbangan berharga ke arah mencapai matlamat ASEAN

Oleh Abd. Karim HAB

BANDAR SERI BEGAWAN. — Menteri Undang-Undang Negara Brunei Darussalam, Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin bin Pengiran Haji Abas melahirkan keyakinan bahawa Persatuan Undang-Undang ASEAN dapat memberikan sumbangan yang berharga ke arah mencapai matlamat kedua penubuhan ASEAN untuk menjadikan kawasan ini rantau yang aman dan stabil.

"Anggota Majlis Tadbir dan Jawatankuasa Tetap Persatuan Undang-Undang ASEAN mempunyai tanggungjawab yang berat dalam hal ini," sabda Yang Amat Mulia di majlis makan malam meraikan para perwakilan ASEAN yang menghadiri Mesyuarat Majlis Tadbir dan Jawatankuasa Tetap Persatuan Undang-Undang ASEAN, yang berlangsung di Mess Pegawai Polis Diraja, Jalan Gadong pada malam 24 Jun lepas.

Mesyuarat selama tiga hari itu diadakan di Kementerian Undang-Undang dan dipengerusikan oleh Tuan Hakim Sansern Kraichotti, Presiden Persatuan Undang-Undang ASEAN.

Yang Amat Mulia juga yakin dengan sokongan penuh dari para negara anggota ASEAN kemajuan perundangan di kalangan negara anggota akan dapat dikongsi bersama untuk menambah pengalaman.



SUASANA ketika Mesyuarat Majlis Tadbir dan Jawatankuasa Tetap Persatuan Undang-Undang ASEAN berlangsung di sini baru-baru ini. — Gambar oleh Pg. Abu Bakar PHO.

## Bengkel dan Peraduan Menambat Dastar

# Hidupkan kembali unsur kebudayaan kita

Oleh Zubaidah HS



PENGIRAN Dato Paduka Haji Ahmad, Penolong Yang Dipertua Adat Istiadat menunjuk cara menambat dastar kepada peserta-peserta bengkel. — Gambar oleh Harun Rashid.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Bengkel dan Peraduan Menambat Dastar buat pertama kalinya telah diadakan di sini, yang mana telah dianjurkan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan bertempat di Bangunan Bumbungan Dua Belas pada 28 Jun lepas.

Menurut pihak penganjur, kurangnya pengetahuan dan kebolehan dalam menambat Dastar di kalangan orang-orang tertentu di negara ini dan hanya sebilangan kecil sahaja mereka yang mahir, menimbulkan kesedaran pihak penganjur agar seni menambat dastar ini dikembangkan terutama kepada generasi muda.

Dengan adanya Bengkel Manambat Dastar penganjur berharap akan dapat memenuhi dan menghidupkan kembali unsur-unsur kebudayaan kita yang telah diwarisi dari zaman berzaman.

Adalah amat merugikan sekiranya warisan kebudayaan kita ini berkurangan dan dikhuatiri pula ilmu serta kemahiran menambat dastar akan pupus, kerana sememangnya sukar didapati ketika ini mereka yang mahir terutama di kalangan muda mudi.

Bengkel selama sehari itu telah dikendalikan oleh Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Ahmad bin Pengiran Mohd. Yusof, Penolong Yang Dipertua Adat Istiadat.

Seramai 69 orang peserta telah menyertai bengkel itu, termasuk 4 orang wanita.

Menurut penganjur, sambutan untuk menyertai bengkel ini amat mengalakkan sehingga mencapai 150 orang peserta, tetapi oleh kerana tempat mengadakan bengkel terlalu kecil, penyertaan terpaksa dikurangkan dari jumlah yang memohon.

Di sebelah petang bengkel, pertandingan menambat dastar juga telah dijalankan. Tempat pertama disandang oleh Awang Jamai bin Puasa, tempat kedua dimenangi oleh Ak. Yussof bin Pg. Bakar dan tempat ketiga dimenangi oleh Awg. Hassan bin Munap.

# PESTA LAGU-LAGU ASEAN DI S'PURA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Negara Brunei Darussalam dan rakan-rakannya dalam ASEAN telah mengambil bahagian dalam Pesta Lagu-Lagu ASEAN yang ke-2 yang berlangsung di Singapura dari 11 hingga 21 Jun 1987. Pesta 10 hari itu disertai oleh 60 orang pegawai, penyanyi, pencipta lagu dan penari dari keenam negara ASEAN.

Pesta ini bertujuan untuk memupuk minat terhadap warisan muzik ASEAN, memberikan peluang bagi pertukaran pandangan dan fikiran tentang tren dan perkembangan muzik di negara-negara ahli dan juga untuk memperkembang dan menyemarak identiti muzik ASEAN.

Melalui pertukaran ini, para peserta berpeluang mendalamkan lagi kebolehan dan kepakaran masing-masing dalam penggubahan lagu-lagu dan meningkatkan lagi kefahaman mereka terhadap muzik dan lagu negara-negara anggota. Pertemuan seumpama ini akan dapat mengukuhkan lagi hubungan kebudayaan dan persahabatan yang sedia terjalin di kalangan para peserta.

Kemuncak Pesta Lagu-Lagu ASEAN ini ialah malam pementasan yang berlangsung di Dewan Kallang pada 20 Jun 1987. Di pementasan itu, setiap negara mempersembahkan tiga buah lagu, dua daripadanya ialah lagu popular dan yang sebuah lagi berbentuk lagu rakyat. Setiap lagu diserikan dengan tarian.

Negara kita membawakan Anding Dida, Damaikan Dunia dan Matahari.

Antara mereka yang menyaksikan pementasan itu ialah pegawai-pegawai kanan ASEAN yang menghadiri Mesyuarat Menteri-Menteri ASEAN yang ke 20 yang berlangsung di Singapura.

Pesta Lagu-Lagu ASEAN yang pertama berlangsung di Negara Brunei Darussalam pada bulan November tahun lalu.



KELIHATAN artis-artis dari negara kita membuat persembahan dalam Pesta Lagu-Lagu ASEAN kali ke-2 di Republik Singapura. — Gambar oleh Pg. Bahar PHO.

# Jadual Lawatan Perpustakaan Bergerak

| PUSAT PERHENTIAN | TARIKH | HARI | MASA |
|---|---|---|---|
| Sekolah Rendah Limau Manis | 1.7.1987 | Rabu | 8.30– 9.30 pagi |
| Sekolah Rendah Pengkalan Batu | 1.7.1987 | Rabu | 9.45–10.45 „ |
| Sekolah Rendah Masin | 1.7.1987 | Rabu | 11.00–12.00 tengah hari |
| Sekolah Rendah Kupang | 1.7.1987 | Rabu | 2.00– 3.00 petang |
| Sekolah Rendah Pantai Berakas | 2.7.1987 | Khamis | 9.00–10.00 pagi |
| Letak Kereta di Kawasan NAAFI Berakas Garison | 2.7.1987 | Khamis | 10.05–11.05 „ |
| Sekolah Rendah Bendahara Sakam Bunut | 2.7.1987 | Khamis | 9.45–10.45 „ |
| Sekolah Rendah Jerudong | 4.7.1987 | Sabtu | 8.30– 9.30 pagi |
| Pusat Tahanan Jerudong | 4.7.1987 | Sabtu | 9.45–10.45 „ |
| Sekolah Rendah Sengkurong | 4.7.1987 | Sabtu | 11.00–12.00 tengah hari |
| Sekolah Ugama Sengkurong (Sekolah Ugama Pg Anak Puteri Amal Umi Kalthum Al-Islam Kampong Mulaut) | 4.7.1987 | Sabtu | 2.00– 3.00 petang |
| Sekolah Rendah OKSB Kilanas | 4.7.1987 | Sabtu | 3.15– 4.15 „ |
| Kawasan Rumah Persatuan Kampong Tanah Jambu | 5.7.1987 | Ahad | 9.00–10.00 pagi |
| Kampong Perpindahan Serasa | 5.7.1987 | Ahad | 10.15–11.15 „ |
| Di Hadapan Kedai Muara | 5.7.1987 | Ahad | 11.30–12.00 tengah hari |
| Sekolah Rendah Lumapas | 6.7.1987 | Isnin | 9.30–10.30 pagi |
| Sekolah Rendah Junjongan | 6.7.1987 | Isnin | 9.00–10.00 „ |
| Sekolah Rendah Panchor Murai | 6.7.1987 | Isnin | 10.15–11.15 „ |
| Sekolah Inggeris Berakas (Bhg Rendah) | 6.7.1987 | Isnin | 2.00– 3.00 petang |
| Sekolah Ugama Kampong Perpindahan Berakas | 6.7.1987 | Isnin | 3.30– 4.30 „ |
| Sekolah Rendah OKBI Subok | 7.7.1987 | Selasa | 8.30– 9.30 pagi |
| Sekolah Rendah Dato Mahawangsa Lambak | 7.7.1987 | Selasa | 10.30–11.30 „ |
| Bolkiah Garrison | 7.7.1987 | Selasa | 10.00–11.00 „ |

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS.....Siri ke-387

# RIBA DAN INTERES

## Faedah yang diambil dari menghutang dan menyimpan wang di bank: (Siri kelima)



YDM Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Awang Haji Ismail bin Omar Abd. Aziz, Mufti Kerajaan.

MENURUT kitab Al-Muaamalatul Masrafiyyah Wahukmuha fil Islam oleh Dr. Nuruddin Al-Atar mahaguru Univesiti Al-Jaamiatul Islamiah di Al-Madinah yang disiarkan oleh Ketua Agung Universiti itu Al-Allaamah Ash-Sheikh Abdul Aziz bin Abdullah bin Baaz:

**(1) Sistem orang bukan Islam:**

1. Kata Doktor itu: Sistem yang ada sekarang pada orang-orang yang bukan Islam ada dua macam:

a. Sistem Ekonomi Komunis yang memandang hak masyarakat atau maslahat ramai dengan tiada memandang maslahat perseorangan dan meletakkan hak peseorangan di bawah maslahat ramai. Mereka berkata perbalahan akan berlaku di antara golongan-golongan, maka golongan pekerja akan menang supaya rakyat dapat memiliki segala jalan mengeluarkan hasil-hasil usaha.

b. Sistem ekonomi Kapitalism yang berdiri bahu perseorangan, mereka berkata orang perseorangan jikalau ia berhajat kepada ramai, tetapi ramai juga berhajat pada perseorangan. Dari itu wajib perseorangan itu diberi kebebasan ekonomi sehingga ia dapat menjalankan segala usaha dan rancangan.

Fikiran mereka itu salah, kerana mereka menyangka orang perseorangan atau orang ramai mempunyai hak milik mutlak. Fikiran itu adalah menjahilkan hakikat manusia dan kufurkan Allah. Sebenarnya milik mutlak itu bagi Allah Taala semata-mata.

Firman Allah, maksudnya: "*Allah jualah yang menguasai alam langit dan bumi serta segala yang ada padanya.*" (Surah Al-Maaidah ayat 120).

Jadi peraturan kewangan juga wajib mengikut peraturan Allah. Dasar bahawa harta itu bagi Allah, banyak tersebut dalam Quran dan hadis, dan ini membatalkan orang-orang yang mengatakan kita mengawal ugama. Dan tiada menentangnya kerana ekonomi kita ialah semata-mata ekonomi yang tiada berhubung dengan ugama. Kata-kata itu adalah sejahat-jahat tipu daya. Banyak orang-orang yang berugama terperangkap ke dalam jeratnya.

**Dasar ekonomi Islam:**

Katanya: Dasar ekonomi Islam ada 4 perkara:

Pertama: Bahawa milik hakiki (sebenarnya) ialah bagi Allah, firman Allah dalam surah Ali 'Imraan ayat 189 maksudnya: "*Dan bagi Allah jualah kuasa pemerintahan langit dan bumi dan Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu.*"

Dan ibadat dan taat semata-mata kepada Allah, firman-Nya yang bermaksud: "*Engkaulah sahaja (Ya Allah) yang kami sembah dan kepada Engkaulah sahaja kami memohon pertolongan,*"

Kedua: Milik orang perseorangan itu ialah suatu amanah Allah kepadanya di atas harta yang ada di tangannya, hanya Allah memberi kemudahan sampai harta itu kepadanya dan memiliki akannya, dan dia jadi wakil dan ia mesti taatkan Allah padanya. Firman Allah yang bermaksud: "*Dan belanjakanlah (pada jalan kebajikan) sebahagian dan harta benda (pemberian Allah) yang dijadikan-Nya kamu menguasainya sebagai wakil.*" (Surah Al-Hadid ayat 7).

Ketiga: Pelbagaikan cara mencari harta supaya orang perseorangan mendapat sepenuh-penuh peluang dan luas sumber kehidupan ramai dan duit bergerak dengan bebas. Ini asas kemakmuran sesuatu umat dan juga jalan menyelesaikan perkara kesusahan-kesusahan ekonomi pada sesuatu umat itu.

Katanya: Sebab mendapatkan milik ada dua macam:

1. Sebab-sebab yang tiada ada campur usaha orang seperti pemberian (hibah), sedekah dan pesaka.

2. Sebab-sebab yang didapatkan dengan jalan rajin orang perseorangan dan usahanya, seperti berniaga, bertanam, membuka tanah hutan dan menyewa dan sebagainya. Ini adalah tempat orang-orang yang berlumba dan ini juga medan pertikaian di antara manusia.

Dari itu Syarak qaidkan dengan beberapa syarat dan telah didapati bahawa Syarak telah mensyaratkan bahawa sah pencarian itu dengan dua syarat:

1. Hendaklah laba itu didapati dari kerja seperti upah buruh dan tukang dan sebagainya.

2. Bahawa untung mestilah ada padanya rugi yakni pada mencari laba itu mestilah juga menanggung rugi kiranya berlaku, seperti dalam jual beli dan dalam berbagai-bagai jenis perkongsian.

Tiap-tiap cara mencari harta dengan tiada ada dua syarat itu adalah ia haram. Dari itu Syarak mengharamkan mencuri, merampas (Ghasab), mengharamkan judi dan mengharamkan segala rupa riba sekalipun sedikit. Firman Allah yang bermaksud: "*Dan tinggalkanlah (jangan menuntut lagi) saki baki riba (yang masih ada pada orang yang berhutang) itu jika benar kamu orang yang beriman.*" (Surah Al-Baqarah ayat 278).

Kerana riba itu berlawanan dengan kaedah ekonomi Islam.

Keempat: Unsur akhlak mestilah ada dalam kerja ekonomi, yakni pada melakukan usaha pencarian hendaklah bersetuju dengan dasar persaudaraan Islam dan rasa muhibah timbang menimbang. Jadinya harta dalam Islam itu mengkhidmatkan manusia dan perangai-perangai yang mulia. Dari itu Islam mengharamkan segala jalan yang menghalang persaudaraan itu atau yang keluar dari kaedah ilmu akhlak. Dari itu Islam mengharamkan:

1. Curang dan memberi amaran padanya sebagaimana hadis Muslim: Siapa yang melakukan penipuan bukanlah dari umatku.

2. Monopoli sebagaimana dalam hadis Muslim: Janganlah kamu memonopoli kecuali kesilapan.

3. Jualan yang ada majhul pada harga atau pada barang atau pada tempoh, supaya tiada jadi pergaduhan di antara dua pihak. Dari itu diharamkan jualan mukhaadharah yakni jualan tanaman yang masih di pokok belum tua buah atau bijinya. Dan jualan munaabazah iaitu campak-mencampak barang dan wang dan jualan mulaamasah iaitu sentuh-menyentuh barang dan harga dan lain-lain jualan yang majhul seperti menjual ikan dalam kolam dan menjual burung terbang di udara dan sebagainya yang membawa kepada perbalahan.

Kelima: Harta Faiun yakni harta orang kafir yang didapati dengan tiada berperang seperti pesaka tiada berwaris, jizyah (ufti) ushur dan seumpamanya. Harta faiun itu dibahagikan 1/5 daripadanya kepada asnaf yang tersebut dalam ayat faiun iaitu kepada maslahat orang Islam dan kepada kerabat Rasulullah dan kepada anak-anak yatim, kepada orang-orang miskin dan kepada orang-orang Ibnu Sabil supaya harta dan kekayaan itu sampai ke tangan orang-orang itu dan tiada harta faiun itu tinggal di tangan orang-orang kaya dengan tiada sampai ke tangan orang-orang yang berhajat itu dan 4/5 daripadanya bahagian askar-askar yang mengawal negeri. Yakni menurut ayat faiun itu dibahagikan kepada bahagian-bahagian yang tersebut dengan tujuan supaya harta itu berpusing di antara umat Islam seluruhnya dan tiada tersimpan di tangan orang-orang kaya sahaja sebagaimana zaman jahiliah dahulu.

Perkara berpusing harta di seluruh umat itu telah terbayang kepada ahli ekonomi sekarang dan supaya menjauhkan bimbang dan menjauhkan kepapaan di kalangan suatu umat dan bangsa itu, Islam telah menjalankan dasar memusingkan harta kepada seluruh umat dengan cara damai dengan tiada mencabuli hak-hak orang perseorangan dan setengah dari dasar itu ialah mewajibkan:

1. Aturan zakat.
2. Aturan pesaka dan wasiat.

Dua aturan ini sentiasa membahagikan kekayaan kepada segala lapisan umat Islam dengan cara damai dan cara persaudaraan dan dengan tenang tiada mencabuli hak-hak perseorangan dan hak-hak masyarakat ramai.

WALLAHUAKLAM

(Bersambung)



AWANG Mohd. Salihin bin Abdullah ketika melafazkan ikrar Islamnya di hadapan Ustaz Haji Mohd. Daud bin Juned (atas). Sementara gambar bawah kelihatan Dayang Sita Aishah binti Abdullah ketika melafazkan ikrar Islamnya di hadapan Dayang Hajjah Salmah binti Haji Abd. Ghani. — Gambar ihsan Awang Matzin bin Menuddin, KHEU.



# Memeluk ugama Islam

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu majlis pengislaman bagi satu keluarga Dusun telah dilangsungkan di rumah PW2 Osman bin Nordin, Jalan Pasir, Berakas Garison, Brunei Darussalam.

Mendahului mengucapkan ikrar pengislaman pada hari tersebut ialah Awang Palih bin Koyok di hadapan Ustaz Awang Haji Daud bin Juned, Guru Ugama dari Pusat Dakwah Islamiah dan memilih nama Islamnya sebagai Awang Muhammad Salihin bin Abdullah.

Sementara isteri beliau Dayang Isah binti Laki memeluk ugama Islam di hadapan Dayang Hajjah Salmah binti Haji Abdul Ghani juga Guru Ugama dari Pusat Dakwah Islamiah dan kini dikenali sebagai Dayang Siti Aishah binti Abdullah.

Ketiga-tiga anak mereka masing-masing memilih nama Islam mereka sebagai Siti Salihah, Abdul Haadi dan Abdul Aziiz.

## Waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU-waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara dan Tutong mulai dari hari Rabu 1 Julai hingga ke hari Selasa 7 Julai, 1987 adalah seperti di bawah ini :—

| HARI BULAN | ZUHUR | | ASAR | | MAGHRIB | | ISYAK | | IMSAK | SUBUH | | MATAHARI TERBIT |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Mulai | Berakhir | Mulai | Berakhir | Mulai | Berakhir | Mulai | Berakhir | | Mulai | Berakhir | |
| Julai | | | | | | | | | | | | |
| 1 | 12.26 | 3.50 | 3.51 | 6.35 | 6.36 | 7.51 | 7.52 | 4.55 | 4.41 | 4.56 | 6.11 | 6.12 |
| 2 | 12.26 | 3.50 | 3.51 | 6.36 | 6.37 | 7.51 | 7.52 | 4.56 | 4.42 | 4.57 | 6.11 | 6.12 |
| 3 | 12.27 | 3.50 | 3.51 | 6.36 | 6.37 | 7.51 | 7.52 | 4.56 | 4.42 | 4.57 | 6.12 | 6.13 |
| 4 | 12.27 | 3.51 | 3.52 | 6.36 | 6.37 | 7.52 | 7.53 | 4.56 | 4.42 | 4.57 | 6.12 | 6.13 |
| 5 | 12.27 | 3.51 | 3.52 | 6.36 | 6.37 | 7.52 | 7.53 | 4.56 | 4.42 | 4.57 | 6.12 | 6.13 |
| 6 | 12.27 | 3.51 | 3.52 | 6.36 | 6.37 | 7.52 | 7.53 | 4.57 | 4.43 | 4.58 | 6.12 | 6.13 |
| 7 | 12.27 | 3.51 | 3.52 | 6.36 | 6.37 | 7.52 | 7.53 | 4.57 | 4.43 | 4.58 | 6.12 | 6.13 |

Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah ditambah tiga minit manakala bagi Daerah Temburong hendaklah dikurangkan satu minit tiap-tiap waktu.

Sembahyang fardu Jumaat di seluruh Negara Brunei Darussalam dimulai dari pukul 12.45 tengah hari.




# Prasangka buruk: Bawa dua perkara tidak baik

MARILAH sama-sama kita bertakwa dengan melakukan segala apa jua suruhan-Nya dan menjauhi apa jua larangan-Nya.

Kita masih berada di dalam bulan Syawal, bulan yang mulia, bulan di mana kaum Muslimin dan Muslimat gembira. Bulan di mana kaum Muslimin dan Muslimat bermaaf-maafan, bulan mengikis dan membuang segala was-was sesama manusia dan bulan mengambil tekad supaya kejahatan dan prasangka dijauhi dari sesama manusia.

Tetapi manusia dengan kejadian yang semula jadi akan lupa apa yang ditekadkan, lupa apa yang dihasratkan namun hukum tetap berjalan pada landasannya, hukum tetap akan menanti mereka yang tergelinchir dari landasannya. Sebahagian manusia tidak dapat lari dari prasangka buruk terhadap orang lain. Sebagaimana manusia tidak dapat membebaskan diri dari melemparkan apa jua tuduhan tanpa usul periksa dan penelitian yang sempurna, sedangkan orang yang dituduh itu tidak melakukan apa-apa sebahagian yang dituduh. Maka orang yang membuat tuduhan itu mendapat dosa dan berhak dikenakan hukum yang berat di dunia mahupun di akhirat. Kecuali ia meminta maaf kepada orang yang dituduhnya itu dan bertaubat dengan sebenar-benar taubat.

Dalam ugama Islam prasangka buruk terbahagi kepada dua dan hukumnya pun terbahagi kepada dua juga. Yang pertama membawa pesalahnya kepada hukuman had dan yang kedua yang membawa pesalahnya kepada hukuman takzir.

Orang yang membuat tuduhan seperti kufur, mencuri, minum arak dan sebagainya termasuk mencerca, memaki hamun yang bertujuan untuk menghina, sedangkan perkara itu tidak pernah dilakukan oleh orang yang tertuduh itu, maka mereka yang membuat tuduhan itu tetaplah berdosa dan boleh dikenakan takzir kepada mereka.

Islam adalah ugama yang benar. Ugama yang diyakini, oleh itu Islam menggalakkan umatnya supaya sentiasa bercakap benar. Islam melarang bercakap bohong dan berputar belit sebagaimana sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam maksudnya,

*"Katakanlah kebenaran itu walaupun pahit. Sebab itu setiap perkataan yang keluar dari mulut orang Islam mestilah benar, supaya mereka sentiasa dipercayai dan dihormati. Mereka yang suka berbohong adalah mereka yang berbohong kepada ugama, berbohong kepada diri sendiri, mereka yang suka berbohong kepada diri sendiri dan suka melemparkan tuduhan-tuduhan adalah manusia perosak dan sama tarafnya dengan orang-orang yang tersebut dalam hadis Rasulullah yang berikut, maksudnya."*

*"Jauhilah tujuh perkara yang merosakkan. Mereka bertanya, Ya Rasulullah, apakah dia itu? Rasullullah menjawab. Menyekutukan Allah, membuat sihir, membunuh diri yang diharamkan oleh Allah, memakan riba, memakan harta anak yatim, lari dari peperangan di jalan Allah dan menuduh perempuan yang baik lagi beriman berbuat zina."*

Islam adalah ugama fitrah, ugama menyuruh umatnya supaya berkasih sayang, ugama yang menggalakkan penganut-penganutnya bersikap tegur-menegur antara satu sama lain. Juga sekiranya ada di antara umat Islam yang mempunyai prasangka buruk terhadap saudaranya, maka kehidupan orang Islam sudah tidak aman, kebahagiaan dan nikmat yang dikurniakan kepada orang Islam semakin berkurangan kerana tiada terjalin kemesraan dan keharmonian dalam masyarakat Islam. Islam adalah ugama majmuk, ugama bermasyarakat, bukan ugama sendiri-sendiri, kau-kau, aku-aku, sebab itu yang mempunyai prasangka buruk adalah tergolong mereka yang menghancurkan perpaduan masyarakat. Islam adalah ugama perpaduan. Oleh itu orang yang mempunyai prasangka buruk juga menghancurkan perpaduan Islam. Betapa tidak, akibat tuduh menuduh banyak rumahtangga menjadi runtuh, ada adik-beradik menjadi renggang malah antara anak dan bapa tidak bertegur sapa dan sebagainya. Inilah antara akibat buruk yang dibawa oleh sikap buruk sangka dan tuduh menuduh yang tidak kena pada tempatnya. Sebab itu Rasulullah telah menggolongkan orang yang berprasangka buruk sebagai orang pembohong atau pendusta sebagaimana hadis Baginda maksudnya,

*"Dari Abu Hurairah Radhiallahu anhu berkata, telah bersabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, "Jauhi prasangka buruk kerana sesungguhnya prasangka itu percakapan yang paling dusta."*

Dari maksud hadis itu nyatalah bahawa prasangka buruk membawa dua perkara yang tidak baik, pertama tentang kesahihan prasangka itu belum tentu sedangkan salahnya lebih besar. Dan kedua boleh mencemarkan kehormatan terhadap mereka yang kena prasangka buruk itu. Hadis tersebut juga menerangkan prasangka buruk itu tergolong dalam dusta. Dalam perkara dusta Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda dari hadis Ahmad riwayat Ibnu Luha'iyah yang bermaksud, apa yang dilakukan oleh ahli neraka? Jawabnya, 'Dusta dan derhaka'. Apabila derhaka ia kuruf, sedangkan kufur dimasukkan ke neraka. Hadis ini adalah terang bahawa perkara dusta dan derhaka adalah sama darjat dosanya oleh itu prasangka buruk adalah sama hukuman dengan apa yang telah dikenakan kepada orang yang berdusta sebagaimana maksud hadis tersebut.

Para ulama telah berpendapat orang yang mempunyai prasangka buruk dan sabit bahawa prasangka itu tidak betul dan tidak berasas, maka apabila mereka menjadi saksi, kesaksian mereka tidaklah diterima selagi mereka tidak bertaubat kerana mereka melakukan maksiat sedangkan maksiat adalah mengurangkan ciri-ciri keadialan di mana adil adalah syarat bagi seseorang saksi. Oleh itu apa jua yang disaksikan oleh mereka yang mempunyai prasangka buruk tidaklah diterima dan tidak sah.

---

## Menuju Keredaan Allah

# BERIMAN KEPADA ALLAH SYARAT UTAMA MASUK SYURGA

UGAMA Islam yang kita anuti menanamkan perasaan saling kasih-mengasihi dan menekankan terjalinnya hubungan silaturahim sesama manusia. Menurut ajaran Islam, mengucapkan salam keislaman boleh menwujudkan perasaan sedemikian iaitu perasaan berkasih-sayang dan bersilaturahim yang timbul dari perasaan iman kepada Allah Subhanahu Wataala dan mengamalkan ajaran-ajaran-Nya. Ini adalah kerana ucapan salam itu mengandungi nilai-nilai doa, rahmat dan kesejahteraan. Jadi apabila kita saling ucap-mengucapkan salam keislaman bererti kita saling doa-mendoakan keselamatan dan kesejahteraan antara satu dengan yang lain, bila demikian, apakah tidak timbul perasaan kasih? Perhatikan sabda Rasulullah yang bererti:

*"Kamu tidak dapat masuk syurga sehingga kamu beriman dan kamu tidak beriman sehinggalah kamu saling cinta-mencintai. Apakah belum aku tunjukkan kepada kamu sesuatu yang jika kamu lakukan menyebabkan kamu saling cinta-mencintai? Sesuatu itu ialah sebarkanlah ucapan salam di antara kamu."* Demikianlah fungsi atau peranan utama salam keisalaman seperti yang diriwayatkan oleh Muslim.

Syarat utama masuk syurga ialah beriman kepada Allah, tidak menyekutukan-Nya. Keimanan yang sempurna hanya akan tercapai bila dalam diri kita wujud perasaan kasih dan sayang terhadap orang lain. Ucapan salam keislaman boleh mewujudkan perasaan demikian. Orang-orang yang beriman berjaya menghayati maksud dan kehendak dari ucapan salam itu iaitu mewujudkan perasaan saling kasih-mengasihi dan bersilaturahim yang akan diperkukuh dan dikekalkan dengan sikap memberi perhatian terhadap sesama manusia, bekerjasama dan bertolong-tolongan dalam menghadapi sebarang kesulitan yang timbul dalam masyarakat sama ada dengan sumbangan tenaga atau harta benda. Inilah kerana dari ucapan salam iaitu menimbulkan suasana hidup bermasyarakat yang saling berkasih sayang dan ambil peduli bukan mengambil sikap seperti 'enau dalam belukar melepas pucuk masing-masing'.

Sabda Rasulullah yang ertinya :

*"Wahai manusia sebarkanlah salam, berilah makanan atau pertolongan kepada yang memerlukan, hubungkan silaturahim dan dirikanlah sembahyang ketika orang lain sedang tidur semoga dengan itu kamu masuk syurga dengan selamat."*

Orang-orang yang dapat menyebarkan salam, iaitu mendoakan kesejahteraan dan kebaikan orang lain dengan penuh penghayatan dan ikhlas adalah orang yang dalam dirinya subur perasaan kasih terhadap sesama manusia dan tidak mempunyai secubit pun perasaan hasad dengki kerana perasaan hasad dengki akan membunuh perasaan berkasih-sayang dan orang yang sedemikian menurut Nabi tidak layak masuk syurga.

Begitu besarnya peranan salam keislaman maka marilah kita mengucapkannya dengan sepenuh penghayatan dan pengertian bahan sebagai basa-besi apalagi untuk bahan mainan, kosong dari penghayatan apalagi mencapai kehendaknya supaya dengan itu salam yang kita beri dan terima mencapai matlamatnya iaitu bersilaturahim dan berkasih sayang. Amat beruntung orang yang dapat menghayati kehendak ucapan salam, mereka akan memberi dan menjawab salam dengan lapang dada dan berterima kasih. Siapa yang tidak gembira didoakan kesejahteraannya? Siang malam itulah doa kita kepada Allah. Bila kita saling doa-mendoakan, ini akan menghidupkan suasana bermanis-manis muka, hidup berbaik-baik dari sikap hina-menghina atau kata-mengata yang boleh menimbulkan kekeruhan dan pertengkaran dalam pergaulan sehari-hari sama ada di pejabat, di rumah dan sebagainya kerana sikap bermasam-masam muka, hina-menghina bertentangan dengan salam tersebut, bukankah baru sebentar tadi kita saling doa-mendoakan kesejahteraan dan keberkatan antara satu sama yang lain?

Untuk lebih jelas kita perhatikan lafaz ucapan salam yang dikehendaki dalam Islam. Salam itu menurut lafaznya mempunyai kelas-kelasnya, sederhana, baik dan sempurna. Lafaz Assalamu alaikum yang bererti (semoga kesejahteraan diberikan kepadamu) adalah lafaz salam sederhana, ia sering kita gunakan dalam pergaulan sehari-hari kerana ia lebih ringkas dan cepat. Assalamu alaikum warahmatullah yang ertinya: (semoga kesejahteraan diberikan kepadamu begitu juga rahmat dan cinta kasih Allah) adalah lafaz yang baik sementara ucapan Assalamu alaikum warahmatullahi wabarkatuh bererti (semoga kesejahteraan diberikan kepadamu, begitu juga Rahmat Allah dan keberkatan-Nya) adalah lafaz salam yang sempurna doa sedemikian.

Kerana sedemikian kedudukan dan peranan salam, Allah memerintahkan kita yang berziarah atau bertamu ke rumah orang lain hendaklah lebih dahulu memberi salam dan mendapat keizinan masuk dari tuan rumah sebelum berbuat demikian. Ini adalah bagi menjamin berkekalannya hubungan silaturahim dan menjaga rumah dan kepentingan tuan rumah. Firman Allah yang ertinya:

*"Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu masuk ke dalam mana-mana rumah yang bukan rumah kamu, sehingga kamu lebih dahulu meminta izin serta memberi salam kepada penghuninya."*

Salam juga menggalakkan kita membiasakan diri mengucapkan salam ketika melangkah masuk ke rumah kita sendiri sama ada ketika balik dari pejabat, dari masjid, dari kerja, dari berbelanja dan sebagainya sekalipun pada zahirnya tidak ada penghuni manusia di dalamnya ucapkanlah Assalamu alaina waala ibadil lahis salihin iaitu (salam sejahtera kepada kami dan kepada orang-orang yang salih). Salam kita tidak hanya dijawab oleh manusia tetapi juga oleh Malaikat. Rumah yang sentiasa mendapat ucapan salam baik pada waktu siang atau malam akan sentiasa disirami cahaya kesejahteraan dan kebahagiaan yang diredai Allah. Anas bin Malik Radiallahu anhu menceritakan nasihat Rasulullullah kepadanya:

*"Hai anakku, jika akan masuk rumahmu, berilah salam kepada penghuninya, sebab salam itu akan membawa keberkatan kepadamu dan kepada penghuni rumahmu."*

Ucapan salam digalakkan juga diucapkan ketika melangkah kaki ke tempat-tempat ibadat seperti masjid kerana para Malaikat berada di sana untuk mendoakan kesejahteraan kita. Begitu juga kita digalakkan mengucapkan salam ketika melintasi atau melewati tanah perkuburan Islam, kita diminta memberi salam kepada penghuninya sambil menghadiahkan bacaan Al-Fatihah kerana diriwayatkan dengan berbuat demikian boleh meringankan siksa kubur bagi mereka di samping mengingatkan kita bahawa apabila sampai waktunya, kita sendiri akan menghuni di sana dalam perjalanan menuju kampung abadi iaitu akhirat kerana setiap yang bernyawa pasti mati.




PEGAWAI Daerah Belait, Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin ketika berucap merasmikan Kursus Mengenai Anai-Anai, yang dihadiri oleh 15 orang kakitangan Jabatan Kerajaan — Gambar oleh Pg. Haji Yaakub PMHH.

# 15 hadiri kursus mengenai 'Anai-Anai'

SERIA. — Lima belas orang kakitangan dari lima buah jabatan Kerajaan telah mengikuti kursus mengenai 'Anai-Anai' selama tiga hari yang bermula pada 23 Jun lepas di Pejabat Perhutanan Sungai Liang di sini.

Mereka terdiri dari kakitangan Jabatan Kerja Raya, Jabatan Perhutanan, Jabatan Kemajuan Perumahan, Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik dan Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan, Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Lembaga Bandaran Tutong.

Menurut penceramah kursus berkenaan, Dr. Tho Yow Phong, Pengarah Tekno-Ekonomi, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia, para peserta akan didedahkan kepada aspek-aspek biologi dan ekologi serangga tersebut yang juga meliputi kajian di makmal dan lawatan ke kawasan hutan dan rumah-rumah yang mengalami kerosakan oleh anai-anai.

"Para peserta kursus ini mempunyai peranan penting dalam usaha mencegah kemusnahan yang disebabkan oleh anai-anai yang mana biasanya terjadi kepada pokok-pokok kayu, rumah-rumah dan bangunan-bangunan," jelas Dr. Tho.

Kursus pertama kali diadakan itu telah dirasmikan oleh Pengawai Daerah Belait, Dato Paduka Awang Haji Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin.

## Peraduan pintu gerbang dan bercucul rumah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jawatankuasa Perayaan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke-41 tahun bagi Daerah Brunei-Muara akan menganjurkan peraduan pintu gerbang dan bercucul rumah-rumah, bangunan-bangunan, kedai-kedai dan sekolah-sekolah di darat dan Kampong Ayer sempena perayaan tersebut.

Ianya terbuka bagi penyertaan jabatan-jabatan Kerajaan, dewan-dewan perniagaan, persatuan-persatuan dan syarikat-syarikat swasta di darat dan Kampong Ayer kawasan Daerah Brunei-Muara.

Keterangan lanjut serta borang penyertaan boleh diperolehi dari pengerusi atau setiausaha peraduan, Pg. Ismail bin Pg. Haji Damit dan Ak. Ali bin Pg. Mohammad di Jabatan Kerja Raya, Bahagian Pemeliharaan Bangunan di Jalan Tasek Lama, Bandar Seri Begawan atau telefon No. 29374/29373 semasa waktu pejabat.

## Makluman

SUKACITA dimaklumkan kepada pelajar-pelajar yang telah pun mendaftar untuk mengikuti kelas pelajaran lanjutan (trengkas) di Sekolah Rendah Anggerik Desa Berakas supaya akan dapat hadir ke sekolah tersebut pada hari Jumaat, 3 Julai jam 8 pagi.

Sementara itu kepada penuntut-penuntut yang ingin mendaftar dan mengikuti kelas tersebut bolehlah hadir pada hari dan waktu yang sama.

## Jika buku di perpustakaan jadi barang tontonan:

# USAHA KERAJAAN AKAN JADI SIA-SIA

Oleh Zubaidah HS

BANDAR SERI BEGAWAN. — Usaha Kerajaan akan menjadi sia-sia kalau semua buku yang terdapat di perpustakaan di seluruh negara hanya menjadi barang-barang tontonan dan pameran saja, sedangkan kerajaan telah menyediakan satu peruntukan yang besar bagi membekali bermacam buku ilmu pengetahuan bagi mengisi gedung-gedung perpustakaan yang berada di bawah kelolaan Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka.

Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Awang Haji Ahmad bin Kadi, berkata memandangkan perkara ini, supaya tidak terbiar, pihaknya telah mengadakan berbagai-bagai aktiviti bagi memupuk semangat membaca di kalangan orang ramai.

Di antaranya ialah Peraduan Mari Bercerita yang dianjurkan oleh Bahagian Perpustakaan Kanak-Kanak Dewan Bahasa dan Pustaka.

Beliau berkata demikian di majlis Peraduan Mari Bercerita peringkat negara bagi tahun ini yang berlangsung di Dewan Pameran Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka di sini pada 21 Jun lepas.

Menurut Awang Haji Ahmad dalam usaha menarik minat kanak-kanak kepada pembacaan tidaklah semata-mata bergantung kepada sekolah dan guru, tetapi apa yang penting dan mesti dititik-beratkan ialah usaha dari ibu bapa kanak-kanak itu sendiri.

"Ibu bapa mestilah menunjukkan contoh dengan membeli dan membaca suratkhabar, majalah atau buku ketika berehat di rumah, atau mengadakan satu perpustakaan kecil di ruang tamu, yang mudah dilihat dan diambil oleh anak-anak, walaupun sekadar untuk melihat gambar.

Beliau berkata, anak-anak yang selalu dekat dengan buku-buku, walaupun ia belum tahu membaca, akan menjadikannya suka kepada buku apabila ia besar kelak.

Tetamu kehormat di Majlis Peraduan Mari Bercerita peringkat negara itu ialah Datin Dayang Norsiah bte Haji Mohd. Daud, Pengarah Kenaziran Sekolah-Sekolah, Kementerian Pelajaran.

Di majlis itu beliau juga telah menyampaikan hadiah-hadiah kepada para pemenang Mari Bercerita tahun ini. Tempat pertama dalam peraduan tersebut ialah Siti Sarinah binti Yaakub, murid Dwibahasa 4B dari Sekolah Rendah Datu Mahawangsa Lambak.

Beliau yang memang gemar membaca buku, di peraduan tersebut telah membawakan tajuk cerita 'Dua Beradik'.

Memenangi tempat kedua ialah adik Haji Jaafar bin Haji Mohd. Zain, pelajar Persediaan 1E dari Sekolah Persediaan Arab Lelaki, Bandar Seri Begawan. Beliau membawakan tajuk cerita 'Anjing dengan Bayang-Bayang'.

Tempat ketiga ialah adik Mohammad Azmi bin Haji Mohd. Yakup, murid Darjah 6 dari Happy Kindergarten, Sungai Basong, Tutong. Mohd. Azmi membawakan cerita bertajuk 'Gagak Yang Malang'.

Peraduan Mari Bercerita Peringkat Negara 87' telah disertai oleh 8 orang pelajar dari seluruh negara. Ianya bertujuan untuk membina daya imaginasi dan berfikir yang kreatif, di samping mendorong kanak-kanak berani berhadapan dengan orang ramai dengan bicara yang petah, pintar dan cerdik.



PENGARAH Kenaziran Sekolah-Sekolah, Datin Dayang Norsiah bte Haji Mohd. Daud ketika menyampaikan hadiah kepada pemenang kedua Peraduan Mari Bercerita 87', Haji Jaafar bin Haji Mohd. Zain. — Gambar oleh Haji Sharbini Taha.




BAGI memupuk semangat membaca di kalangan kanak-kanak, DBP telah menganjurkan Peraduan Mari Bercerita. — Gambar oleh Haji Sharbini Taha.

## Kiriman SPEEDPOS ke M'sia

ADALAH dimaklumkan untuk pengetahuan orang ramai bahawa Perkhidmatan Pos Malaysia boleh menerima kiriman SPEEDPOS yang dikirim ke bandar-bandar utama dalam Malaysia : Alor Star, Pulau Pinang, Ipoh, Petaling Jaya, Selangor Kuala Lumpur, Seremban, Melaka, Johor Baharu, Kuantan, Kuala Trengganu, Kota Baharu, Kota Kinabalu dan Kuching.

## Jubli Perak ASTERWANI

BANDAR SERI BEGAWAN. — ASTERAWANI akan mengadakan jubli peraknya pada 5 Julai depan bertempat di Balai Pameran Dewan Bahasa dan Pustaka bermula jam 8.30 pagi.

Pembukaan rasminya akan dilakukan oleh Menteri Pelajaran, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awang Abd. Rahman.

Orang ramai yang diundang dan para ahli Asterwani adalah dialu-alukan untuk menghadirinya.

Persatuan ASTERAWANI telah ditubuhkan pada 5 Julai 1962. Antara pengasasnya ialah Awang Haji Ahmad Hussein, Haji Leman Ahmad dan Haji Abd. Rahman Yusof serta Haji Aris Baneh.

# Peraduan Menulis Rencana Umum

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dewan Bahasa dan Pustaka akan menganjurkan 'Peraduan Menulis Rencana Umum' yang dibukakan kepada warganegara atau yang berhak menjadi warganegara Brunei Darussalam.

Rencana yang panjangnya tidak kurang daripada 3,000 perkataan mestilah merupakan karya asli dan ditulis dalam Bahasa Melayu dengan menggunakan sistem ejaan rumi baru. Skrip rencana akan diadili oleh sebuah Panel Hakim yang akan membuat keputusan muktamad. Hadiah berjumlah $5,900.00 akan disediakan bagi tiga hadiah penghormatan dan empat hadiah penghargaan.

Tarikh tutup penyertaan ialah pada 29 September 1987 dan keterangan lanjut serta borang peraduan bolehlah diperolehi daripada Setiausaha Peraduan Menulis Rencana Umum, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

## Sebagai bahasa rasmi negara

# WARGANEGARA BUKAN MELAYU DISERU MEMPELAJARINYA

**Oleh Bolhassan HAB**

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pengarah Sekolah-sekolah Awang Ali Hashim bin Haji Mohd. Daud menyeru warganegara bukan berbangsa Melayu supaya akan terus mempelajari Bahasa Melayu, sebagai bahasa rasmi negara.

Menurutnya, Kementerian Pelajaran masih lagi mendapati adanya sekelompok pelajar bukan Melayu yang belum fasih berbahasa Melayu. "Dengan boleh bertutur bahasa Melayu dengan baik, mereka akan dapat berhubung dengan lebih mudah dan rapat dengan rakyat dan penduduk yang berbangsa Melayu," tegasnya.

Beliau berucap demikian di majlis penyampaian hadiah-hadiah peraduan akhir syarahan bagi penuntut bukan Melayu dan menulis jawi yang diadakan di Balai Pameran Dewan Bahasa dan Pustaka di sini, Khamis lepas.

Terdahulu sebelum itu, Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Awang Haji Ahmad bin Kadi telah menyampaikan ucapan alu-aluan.

Peraduan syarahan peringkat akhir pada hari itu dijuarai oleh Dayang Insen Anak Mail dari Maktab Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah dengan mendapat 23.7 setengah peratus. Kedua, Dayang Seteri Nyawing juga dari maktab yang sama mendapat 23.6 peratus. Sementara tempat ketiga Dayang Cheng Yeou Lee, 21.5 peratus dari Sekolah Menengah Chung Ching, Seria.

Hadiah pertama bagi peraduan menulis jawi kumpulan A ialah Dayang Rosmawijah binti Jawawi dari Maktab SOAS. Kedua Dayang Julianah binti Ali Ahmad dari Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Norain, Tutong dan ketiga Dayang Lilysuzana binti Shamsu dari Sekolah Menengah Arab Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Damit.

Dalam peraduan menulis jawi kumpulan B, pertama Awang Weratomo bin Haji Noordin dari Sekolah Ugama Puni, Temburong. Awang Md. Nor Arifin bin Haji Sabtu dari Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan, Jalan Muara mendapat tempat kedua dan ketiga Awang Shahbirin bin Haji Mohd. Noor dari Sekolah Menengah Arab Lelaki Sultan Hassanal Bolkiah, Jalan Tutong.

Peraduan-peraduan syarahan dan menulis Jawi yang dianjurkan oleh DBP ini memberi peluang untuk menunjukkan kefasihan dalam bertutur bahasa Melayu dan berkebolehan dalam seni kreatif menulis jawi.

Ianya bertujuan untuk menyebarluaskan penggunaan bahasa Melayu yang betul dan bermutu tinggi dan memperkembangkan tulisan jawi supaya tidak harus dilupakan dan diabaikan.



PENGARAH Sekolah-Sekolah, Awang Ali Hashim bin Haji Mohd. Daud kelihatan sedang menyampaikan hadiah kepada salah seorang pemenang Peraduan Menulis Jawi kumpulan B. — Gambar oleh Pg. Bahar PHO.



AHLI-AHLI Jawatankuasa Kebudayaan dan Penerangan ASEAN di majlis sidang akhbar di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. — Gambar oleh Pg. Abu Bakar.

# COCI akan pasarkan sebahagian hasil dari projek ASEAN

**Oleh Dk. Fatimah PHMN**

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jawatankuasa Kebudayaan dan Penerangan ASEAN (COCI) berkemungkinan akan memasarkan hasil sebahagian dari projek ASEAN seperti pita-pita rakaman dan buku-buku terbitan negara-negara anggota.

Bagaimanapun menurut Pengerusi ASEAN — COCI, Dato Mohammad Noor bin Abdul Ghani langkah tersebut dihasratkan untuk mendapatkan keuntungan setakat mengimbangi kos perbelanjaan lebih 30 buah projek kesemuanya dengan peruntukan US 1.5 juta ringgit.

Dato Mohammad Noor berkata demikian dalam satu sidang akhbar yang diadakan pada 26 Jun lalu di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan di sini.

Mesyuarat ke-16 Jawatankuasa Kebudayaan dan Penerangan ASEAN yang berlangsung selama lima hari itu antara lain meninjau mengenai kemajuan-kemajuan yang dicapai selama ini serta meningkatkan mutu kebudayaan dan proses penyampaian penerangan di kalangan ahli-ahli jawatankuasa dalam ASEAN, di samping mengulangkaji projek-projek dan rancangan-rancangan yang berhubung dengan kebudayaan dan penerangan.

## Kajian Perbelanjaan Keluarga

BANDAR SERI BEGAWAN. — Senarai nama kawasan-kawasan yang terpilih dalam Kajian Perbelanjaan Keluarga 1987/1988 bagi BULAN JULAI ini mengikut Daerah Kajian adalah seperti beikut: —

**DAERAH KAJIAN BANDAR SERI BEGAWAN** — Kg. Kianggeh, Kumbang Pasang (Gurkha Reserve Unit) dan Kg. Saba Tengah.

**DAERAH KAJIAN BRUNEI/MUARA** — Kg. Orang Kaya Besar Imas, Berakas Kem. Kg. Kilanas dan Kg. Masjid Lama.

**DAERAH KAJIAN BELAIT** — Jalan Lubok Palam. Kg. Sungai Teraban dan Lorong 1—3 (F20/1-F2052).

**DAERAH KAJIAN TUTONG** — Kg. Sengkarai dan Kg. Luagan Timbaran.

## CERAMAH

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sebuah ceramah yang bertajuk 'DARAH TINGGI DAN KENCING MANIS' akan diadakan pada hari Ahad 19 Julai 1987 jam 2.00 petang bertempat di Balai Pameran Dewan Bahasa dan Pustaka, anjuran Perpustakaan Dewasa, Dewan Bahasa dan Pustaka Negara Brunei Darussalam. Orang ramai dipersilakan menghadirinya.

## Harga barang-barang keperluan

**SEPERTI** biasa di bawah ini dicatatkan beberapa jenis barang-barang keperluan sehari-hari yang boleh didapati dijual dengan harga yang sederhana rendah di kedai-kedai Bandar Seri Begawan, Tutong, Kuala Belait dan Seria. Adalah diingatkan kepada orang ramai bahawa harga barang-barang yang berikut di bawah ini bermula pada 24 Jun, 1987.

**BANDAR SERI BEGAWAN**

1. Laksa Putih (Sailing Boat) sebungkus 75 sen.
   a) Kedai Kim Seng Choon
      6 Jalan McArthur.
2. Telur Ayam Tempatan sepapan $4.50.
   a) Kedai Chop Suom Huat
      No. 28, Jalan Sultan.
   b) Taste Top Trading Company
      No. 144A Jalan Pemancha.
3. Kacang Hijau 1 kilogram $1.30/1 kati 80 sen.
   a) Kedai Kim Seng Choon
      No. 6, Jalan McArthur.
   b) Chop Chin Seng
      No. 107, Jalan Pemancha.
4. Kari Kurma (Cap Rusa) setin $2.00.
   a) Kedai A. Muthian
      No. 9, Jalan McArthur.
   b) Kedai Chop Ken Ken
      No. B2 Jalan Robert.

**TUTONG**

1. Laksa Putih (Sailing Boat) sebungkus 75 sen.
   a) Chop Hoe Hing
      No. 4 Jalan Enche Awang.
2. Telur Ayam Tempatan sepapan $3.80.
   a) Kedai Soo Lee Mini Mart
      No. 1 Jalan Enche Awang.
3. Kacang Hijau 1 kilogram $1.80/1 kati $1.10.
   a) Lim Kian Seng
      No. 3, Jalan Enche Awang.
4. Kari Kurma (Cap Rusa) setin $2.00.
   a) Chop Tong Huat
      No. 17 Jalan Enche Awang.

**SERIA**

1. Laksa Putih (Sailing Boat) sebungkus 70 sen.
   a) Kedai Choo Heng and Company
      No. 30, Jalan Sultan Omarali.
2. Telur Ayam Tempatan sepapan $4.50.
   a) Kedai Yuan Ho Hiung
      No. 49, Jalan Bunga Kuning.
   b) Kedai Chop Kian Huat
      No. 53 Jalan Bunga Kuning.
3. Kacang Hijau 1 kilogram $1.60/1 kati $1.00.
   a) Kedai Yick Fatt,
      Lot 2660, Jalan Sultan Omarali.
4. Kari Kurma (Cap Rusa) setin $2.00.
   a) Kedai Yuan Ho Hiung
      No. 49, Jalan Bunga Kuning.
   b) Kedai Choo Heng and Company
      No. 30 Jalan Sultan Omarali.

**KUALA BELAIT**

1. Laksa Putih (Sailing Boat) sebungkus 75 sen.
   a) Chop Yee Seng
      No. 46 Jalan Pretty.
2. Telur Ayam Tempatan sepapan $4.50.
   a) Syarikat M. Haji
      Chinese Chamber of Commerce.
3. Kacang Hijau 1 kilogram $1.65/1 kati $1.00.
   a) Kedai Chin Fatt
      No. 60B, Jalan Pretty.
   b) Koh Kit Hin
      No. 28 Jalan Pretty.
4. Kari Kurma (Cap Rusa) setin $2.00.
   a) Kedai Yick Guan
      No. 3, Jalan Pretty.
   b) Yun Seng Trading
      No. 84 Jalan Bunga.

# CARA HIDUP SIHAT BANTU MENGAWAL MEREBAKNYA AIDS

SECARA sepintas lalu, nampaknya penyakit AIDS hanya menjangkau sedikit di rantau Asia ini — beberapa kes yang telah dilaporkan kebanyakannya terdiri dari orang-orang pendatang, pelacur-pelacur perempuan dan dari mereka yang dijangkiti disebabkan oleh bahan-bahan darah yang diimport dari luar negeri.

Dr. Jonathan Mann, Ketua Rancangan AIDS Pertubuhan Kesihatan Sedunia di Mesyuarat Sedunia mengenai AIDS yang baru-baru ini diadakan di Washington telah mengumumkan bahawa kira-kira 10 juta orang di merata dunia telah dijangkiti oleh virus HIV. Kematian-kematian disebabkan oleh penyakit AIDS boleh memberi kesan yang buruk dari segi politik dan ekonomi. Sejauh ini sebanyak 51,535 kes telah dilaporkan di 113 buah negara. Adalah dikhuatirkan mungkin 10 atau 20 kali ganda dari bilangan ini mungkin telah dijangkiti oleh virus penyakit AIDS ini. Apa yang kita lihat pada masa ini hanyalah 'tip of the ice berg' dan lebih banyak yang telah dijangkiti daripada yang dilaporkan.

Kita di Asia ini beruntung, kerana kita di Asia ini terkemudian menempuh ancaman bala penyakit AIDS dari negara-negara di benua lain dan dari itu dapat mempergunakan pengetahuan-pengetahuan dan pengalaman yang diperolehi secara pahit di negara lain.

**Apakah dia penyakit AIDS dan bagaimanakah keadaan serta bahayanya?**

Penyakit AIDS atau hanya lebih dikenali sebagai AIDS, adalah potongan kata bagi ACQUIRED IMMUNODEFICIENCY SYNDROME. Penyakit AIDS secara ringkas adalah satu keadaan klinikal yang serius, iaitu gabungan beberapa tanda dan gejala penyakit yang disebabkan oleh kerosakan dan kehilangan daya ketahanan melawan penyakit yang semula jadi.

Oleh kerana pesakit-pesakit AIDS kehilangan daya ketahanan melawan penyakit, maka ini menyebabkan mereka terdedah kepada serangan kuman-kuman termasuk juga kuman-kuman yang biasanya tidak mendatangkan bahaya kepada manusia.

Aids adalah penyakit yang merbahaya kerana:

i) Ianya boleh berjangkit;
ii) Ianya adalah satu penyakit seumur hidup dan boleh membawa maut;
iii) Apa yang paling membimbangkan dan mengecewakan pada masa ini ialah penyakit AIDS ini belum terdapat kita ubat untuk menyembuhkannya atau vaksin untuk mencegahnya.

**Apakah yang menyebabkan penyakit AIDS?**

Penyakit AIDS adalah disebabkan oleh retrovirus yang mula-muka dilapor dan dibentangkan di Amerika Syarikat pada tahun 1981.

Apabila virus ini memasuki cell yang sihat di tubuh badan seseorang, mekanisma yang berlaku selepas itu akan berkesudahan dengan apabila cell seseorang itu membiak, cell-cell yang baru itu akan mengandungi genes virus yang menyebabkan penyakit AIDS. Dari itu disebabkan oleh mekanisma ini, hampir semua Pakar Kaji Virus percaya jangkitan virus ini adalah untuk seumur hidup.

**Kenapakah penyakit AIDS dipanggil sebagai syndorme dan apakah tanda-tanda atau sympthomnya?**

AIDS selalu dipanggil sebagai Syndrome kerana disebabkan oleh berbagai gejala penyakit termasuk bermacam-macam penyakit yang mengambil kesempatan (opportunistic diseases), penyakit urat saraf (neurological disorder) dan bermacam penyakit barah (malignancies).

Sehingga pada masa ini, belum semua tanda-tanda atau symptom penyakit AIDS diketahui. Dari penyelidikan yang dijalankan ke atas pesakit-pesakit AIDS di Amerika Syarikat, 80 peratus dari mereka mengidapi atau menunjukkan symptom seperti:

* Jangkitan parasitic pada paru-paru mereka, iaitu pneumocystis carini pneumonia (PCP). Penyakit opportunistic pneumonia ini amat susah diubati dan terjadi berulang-ulang.

**TEMURAMAH pihak Pelita Brunei dengan Pg. Md. Yassin bin Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pg. Haji Abd. Momin, Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Negara Brunei Darussalam dan Dr. Haji Latif bin Ibrahim, Pegawai Perubatan.**

* Mengidapi penyakit barah kaposi's sarcoma (KS) yang selalunya didapati di atas kulit badan atau di dalam mulut.

* Selain dari penyakit pneumocystis carini, pneumonia dan kaposi's sarcoma penyakit-penyakit yang lain seperti jangkitan yang teruk oleh fungus, cytomegalovirus, herpesvirus dan parasites seperti toxoplasma atau crytosporidia juga selalu terjadi.

* Satu siri tanda atau symptom klinikal yang lain adalah dijeniskan sebagai AIDS-Related Complex (ARC) di mana pesakit tersebut mengidapi kesakitan yang membawa masalah demam panas yang amat tenat, hilang selera makan, ceret-beret, berat badan menurun, berpeluh dengan tidak ada sebab tertentu dan lymph gland (buah kelenjar) yang bengkak.

* Selain daripada AIDS Related-Complex ini, virus HIV ini juga mungkin menyebabkan berbagai penyakit urat saraf, tetapi kita hanya akan mengetahui semua gejala penyakit urat saraf ini dalam jangka waktu 10 hingga 30 tahun.

Perlu saya menekankan di sini, iaitu seseorang yang telah dijangkiti oleh virus HIV ini mungkin tidak akan menunjukkan sebarang symptom klinikal bagi tempoh beberapa bulan atau mungkin beberapa tahun akan tetapi ianya tidak akan bebas daripada virus yang berkenaan. Tempoh yang agak panjang di mana seseorang yang telah dijangkiti tidak menunjukkan sebarang symptom klinikal boleh memberikan kesempatan bagi seseorang itu menjangkiti penyakit AIDS kepada orang lain dan dari itu menambahkan masalah-masalah dalam mengawal merebaknya penyakit AIDS ini.

**Apakah kemungkinan seseorang yang telah dijangkiti oleh virus HIV akan mengidap penyakit AIDS?**

Berasaskan kepada maklumat-maklumat yang terdapat di ketika ini, nampaknya kira-kira 20 peratus hingga 50 peratus dari mereka yang dijangkiti oleh virus HIV akan mengidap penyakit AIDS dalam jangka waktu 5 hingga 7 tahun selepas jangkitan.

Scope masalah jangkitan virus HIV belum dapat ditentukan dengan hanya mengambil kira kes-kes AIDS yang terdapat pada masa ini. Kita perlu memperolehi banyak lagi data demi untuk menentukan satu gambaran yang lebih tepat mengenai akibatnya jangkitan virus HIV. Walau bagaimanapun banyak yang percaya bilangan mereka yang dijangkiti oleh virus HIV yang akan mengidap penyakit AIDS mungkin lebih tinggi dari yang dianggarkan.

**Bagaimanakah virus penyakit AIDS merebak?**

Virus HIV yang menyebabkan penyakit AIDS telah didapati dari darah, air mani, air ludah, air mata, susu dan air kencing dan mungkin juga terdapat di macam air dalam badan mereka yang telah dijangkiti oleh virus HIV. Walau bagaimanapun bukti-bukti epidemiological yang ada menunjukkan bahawa cara virus HIV berjangkit adalah melalui darah dan air mani.

Dari itu cara jangkitan adalah:

* Hubungan sex yang intimate dengan seseorang yang telah dijangkiti oleh virus HIV.

* Melalui penerimaan darah atau bahan-bahan darah yang telah dicemari oleh virus HIV.

* Daripada ibu kepada anak semasa mengandung, semasa melahirkan atau sebaik-baik selepas lahir.

* Pendermaan organ, tissue atau air mani yang telah dijangkiti oleh virus HIV.

Walau bagaimanapun dari pengajian yang terdapat pada masa ini tidak ada bukti yang menunjukkan bahawa penyakit AIDS boleh menjangkit dengan cara pergaulan biasa seharian.

Apa yang terbukti adalah hubungan sex di antara seseorang yang belum dijangkiti dengan seseorang yang telah dijangkiti boleh mengakibatkan penjangkitan penyakit AIDS dan ini adalah cara utama virus HIV ini berjangkit. Dari itu seseorang lelaki yang telah dijangkiti akan boleh menjangkiti teman wanitanya atau sesama lelaki melalui hubungan sex. Seterusnya seorang perempuan yang mengidap penyakit AIDS boleh menjangkitkan kepada teman lelakinya juga melalui hubungan sex. Risiko bagi mereka yang mengamalkan hubungan sex bersilih ganti mahupun sejenis (homosexual) atau berlainan jenis (hetrosexual) adalah amat tinggi bagi dijangkiti oleh virus HIV.

Jangkitan melalui darah atau bahan darah yang telah dicemari oleh virus HIV adalah satu cara lagi bagi virus HIV ini merebak. Perkara ini berlaku apabila pemindahan darah atau bahan darah yang dicemari dipergunakan. Lain cara adalah dengan menggunakan alat suntikan yang telah dicemari. Dari itu bagi mereka seperti penagih dadah yang menggunakan alat suntikan yang telah dicemari risiko jangkitan adalah amat tinggi. Penggunaan alat-alat lain seperti alat penindek telinga yang telah dicemari oleh virus HIV juga membawa risiko yang sama.

**Adakah penyakit AIDS boleh berjangkit, melalui udara atau dengan gigitan serangga dan sebagainya?**

Dari data-data yang terdapat pada masa ini, tidak ada bukti yang menunjukkan virus HIV ini boleh berjangkit melalui udara iaitu secara bersin, berjabat tangan, menggunakan bekas minuman yang sama, digigit oleh serangga seperti nyamuk atau tinggal di rumah yang sama dengan seseorang yang telah mengidap penyakit AIDS atau seseorang yang telah dijangkiti oleh virus HIV.

**Siapakah yang mempunyai risiko yang tinggi boleh dijangkiti?**

Seperti yang telah saya huraikan, oleh kerana cara jangkitan adalah utamanya melalui hubungan sex, kira-kira 90 peratus daripada kes-kes yang diketahui di merata dunia adalah melibatkan mereka yang dalam lingkungan umur di antara 20 hingga 49 tahun, iaitu lingkungan umur mereka yang sexually active

Di Amerika Syarikat dan Eropah Barat, hampir semua kes-kes orang dewasa yang dilaporkan adalah melibatkan:

i) Lelaki yang terlibat dalam hubungan sex sejenis dan berlainan jenis;

ii) Hubungan pelbagai jenis (hetrosexual) dengan mereka yang telah dijangkiti oleh virus HIV.

iii) Penagih dadah yang menggunakan alat suntikan yang dicemari;

iv) Mereka yang menerima pemindahan darah atau bahan darah yang telah dicemari;

**Benarkan penyakit ini boleh membawa maut?**

Berasaskan kepada usaha-usaha penyiasatan yang dijalankan di Amerika Syarikat dan di Eropah Barat, di ketika ini 50 peratus daripada kes-kes penyakit AIDS yang telah dilaporkan sudah meninggal dunia.

Walau bagaimanapun, jika kita mengambil kira kes-kes AIDS yang dikenalpasti di Amerika Syarikat 3 tahun yang lalu, 75 peratus telah meninggal dunia dan bagi kes-kes yang dikenalpasti sebelum tahun 1982, 90 peratus telah meninggal dunia.

Di ketika ini, kira-kira 10 juta orang di merata dunia telah dijangkiti oleh virus HIV dan sebanyak 51,535 telah dilaporkan di 113 buah negara. Apa yang dipercayai bilangan ini hanyalah 'tip of iceberg' mungkin ianya adalah 10 atau 20 kali ganda banyaknya.

Secara ringkas dengan berpandukan kepada perangkaan-perangkaan yang terdapat, bolehlah ditafsirkan bahawa penyakit AIDS pada keseluruhannya boleh membawa maut.

**Bagaimanakah cara untuk mengenal pasti seseorang itu mengidap atau membawa penyakit AIDS?**

Seperti yang telah saya terangkan tadi, tempoh tarikh jangkitan oleh virus HIV dan terdapatnya symptom penyakit AIDS mungkin memakan masa beberapa bulan atau beberapa tahun. Dari itu amatlah susah bagi mengenal pasti siapa telah dijangkiti kecuali dengan mengadakan pemeriksaan makmal bagi darah mereka iaitu untuk mempastikan sama ada mereka mempunyai antigen kepada virus HIV.

Jika seseorang itu didapati mempunyai keputusan sero positif kepada dua jenis pemeriksaan darah yang dijalankan, maka mereka akan dianggap sebagai telah dijangkiti oleh virus HIV dan dari itu boleh menjangkitkan penyakit AIDS walaupun mereka secara zahirnya tidak menunjukkan symptom-symptom penyakit AIDS.

Bagi mereka yang telah dikenal pasti sedemikian hendaklah menyesuaikan cara hidup mereka demi untuk tidak menjangkitkannya kepada keluarga dan orang lain.

**Bolehkah penyakit AIDS ini dicegah dan dikawal dan jika boleh bagaimanakah caranya?**

Oleh kerana tiada ada rawatan yang khusus bagi kes AIDS, pencegahannya adalah paling penting untuk mengawal dari merebaknya penyakit AIDS ini. Di antara lain langkah-langkah pencegahan yang perlu kita semua ambil perhatian adalah:

i) Jangan melakukan hubungan seks dengan orang-orang yang disyaki atau diketahui mengidap penyakit AIDS atau dengan penagih dadah.

ii) Kalangan kumpulan-kumpulan yang berisiko tinggi perlu sedar bahawa melakukan hubungan seks dengan pasangan-pasangan yang bersilih ganti boleh meningkatkan kemungkinan dijangkiti penyakit AIDS.

iii) Mereka yang perlu menggunakan alat suntikan hendaklah mempastikan bahawa suntikan yang digunakan adalah tidak dicemari oleh virus HIV.

iv) Mereka yang telah dikenal pasti telah dijangkiti oleh virus HIV ataupun ada kes penyakit AIDS atau mereka yang terdiri dari golongan risiko tinggi atau suami atau isteri golongan risiko tinggi hendaklah tidak menderma darah atau organ atau tissue mereka.

v) Mereka yang telah terdedah dan berasa bimbang perlu mendapatkan dengan segeranya perkhidmatan perubatan dan khidmat nasihat dari pihak kakitangan perubatan yang tertentu.

**Apakah dasar dan langkah-langkah Kementerian Kesihatan dan Jabatan Perubatan dan Kesihatan dalam mencegah jangkitan atau merebaknya penyakit AIDS di Negara Brunei Darussalam?**

Syukur Alhamdulillah kita di Negara Brunei Darussalam dengan cara hidup yang berasaskan ajaran-ajaran Islam yang sentiasa mewajibkan cara hidup yang sihat telah dapat membantu dalam mengawal dari merebaknya penyakit AIDS berjangkit di Negara Brunei Darussalam.

Penyakit AIDS sebagaimana kita semua ketahui, telah merebak hampir-hampir ke seluruh dunia, iaitu diketika ini sebanyak 113 buah negara telah melaporkannya. Dari itu Pertubuhan Kesihatan Sedunia telah menekankan betapa pentingnya supaya usaha-usaha

**Lihat muka 9**

# AIDS BOLEH MEMBAWA MAUT

**SUDUT KESIHATAN**

DIKELUARKAN OLEH
UNIT PENDIDIKAN KESIHATAN
JABATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN

PENYEBARAN meluas telah diberikan di merata dunia terhadap penyakit pembawa maut yang baru diketahui bernama "AIDS" yang mana menyebabkan dunia berasa takut dan khuatir kerana penyakit ini tidak diketahui apa ubatnya. Adalah difahami tentang kebimbangan orang ramai tetapi sebahagian besar daripada kebimbangan itu adalah kerana kurang berpengetahuan tentang cara penyakit ini merebak.

Beribu-ribu kes penyakit AIDS telah dilaporkan dari 113 buah negara sekarang. Oleh yang demikian, awda boleh menghindari penyakit AIDS jika awda mengetahui penyebab-penyebabnya dan mengambil tindakan yang perlu supaya tidak terdedah kepada bahayanya. Ini boleh dicapai melalui pengetahuan, penerangan dan pendidikan.

AIDS ialah suatu penyakit yang baru diketahui, dan walaupun kita tidak tahu kesemua perkara tentang penyakit ini tetapi kita tahu bahawa: —

* Ianya disebabkan oleh kuman virus
* Ianya berjangkit
* Ianya boleh membawa maut
* Tidak ada ubat yang diketahui bagi menyembuhnya
* Sehingga kini tidak ada suntikan untuk mencegah penyakit ini

**TETAPI**

Ianya dapat dicegah dan dikawal.

AIDS ialah suatu penyakit yang menjadi apabila mekanisme pertahanan badan melawan penyakit kurang. Keadaan ini disebabkan oleh virus yang dikenali sebagai "Human Immuno-Deficiency Virus (HIV).

Lazimnya apabila kuman menyerang seseorang maka sel-sel darah putih orang ini akan mengeluarkan 'antibodies' yang akan melawan dan membunuh virus itu dan pesakit itu akan sembuh kembali. Apabila virus AIDS memasuki darah seseorang ia mempunyai kuasa untuk merosakan sel-sel darah putih, supaya 'antibodies' tidak akan dapat dihasilkan dan dengan yang demikian badan pesakit itu tidak akan dapat melawan sebarang jangkitan. Jika seseorang telah terkena sebarang jangkitan ia tidak berdaya untuk melawan jangkitan itu kerana mekanisme pertahanan badan melawan penyakit telah pun dirosakkan oleh Virus AIDS. Akhirnya ia akan mati.

Pesakit-pesakit AIDS biasanya mengidap penyakit kanser kulit, penyakit-penyakit paru-paru yang tenat dan penyakit-penyakit saraf yang lambat-laun akan membawa maut. 75% daripada kes penyakit yang dirawat di Amerika Syarikat tiga tahun yang lalu dan 90% daripada mereka yang dirawat sebelum tahun 1982 dulu telah mati. Ini menunjukkan penyakit ini pembunuh yang besar. Walau bagaimanapun, bukan semua orang yang dijangkiti virus ini menunjukkan tanda-tanda penyakit AIDS tetapi virus itu akan menetap di dalam darah menjadikan mereka 'pembawa kuman' dan punca jangkitan seumur hidup. Mereka dapat menjangkitkan penyakit kepada orang lain. Pembawa kuman AIDS mungkin tidak menunjukkan tanda-tanda penyakit atau akan mengidap AIDS kemudiannya. Menurut keterangan masakini 25% daripada pembawa kuman mengidap AIDS dan 40% mengidap penyakit yang berkaitan dengan AIDS. Jangkamasa antara jangkitan dan timbulnya tanda-tanda penyakit adalah lama — antara enam bulan hingga lima tahun.

**BAGAIMANA VIRUS 'AIDS' MEREBAK?**

— Virus AIDS merebak melalui hubungan seks, kebanyakannya di kalangan homokseksual (lelaki melakukan hubungan seks sesama lelaki), dan mereka yang mempunyai pelbagai pasangan.

— Melalui penerimaan ke dalam badan, darah dan bahan-bahan darah yang mengandungi kuman.

— Jarum-jarum yang berkuman yang kebanyakan digunakan oleh para penyalahguna dan penagih dadah.

— Daripada ibu-ibu yang berpenyakit kepada anak-anak mereka sewaktu sebelum, semasa dan selepas lahir.

— Pendermaan organ-organ, tisu-tisu dan air mani.

Tidak ada bukti bahawa ianya boleh merebak melalui sentuhan biasa di sekolah, di tempat kerja atau di rumah. Tidak juga ada bahayanya daripada pergaulan biasa hari-hari dengan orang yang berpenyakit.

Tidak ada bukti tertulis bahawa penyakit ini boleh berjangkit melalui udara, makanan, air liur, air mata, pakaian, tandas, kolam berenang, atau gigitan nyamuk dan lain-lain serangga.

Adalah dianggarkan pada masa ini ada terdapat lebih 100,000 orang yang mengidap penyakit ini di seluruh dunia yang mana 30,000 darinya terdapat di Amerika Syarikat. Yang menjadi pembawa kuman penyakit AIDS pula berjumlah di antara 5 hingga 10 juta orang. Dianggarkan antara 500,000 dan satu juta orang mungkin akan menjadi pengidap penyakit AIDS dalam masa 5 tahun dari sekarang.




RISALAH-RISALAH dan penerangan mengenai penyakit AIDS — Gambar oleh Pg. Bahar PHO.

**SIAPAKAH YANG MUDAH TERKENA PENYAKIT INI?**

— Homoseksual (lelaki yang melakukan hubungan seks sesama lelaki) dan mereka yang mempunyai pelbagai pasangan.

— Penyalahguna dan penagih dadah yang menggunakan jarum suntikan.

— Orang-orang yang menerima organ-organ, tisu-tisu dan air mani yang ada mengandungi kuman virus AIDS.

**DASAR KEMENTERIAN KESIHATAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

— Semua darah yang digunakan bagi pemindahan kepada orang lain dipastikan tidak mengandungi virus AIDS sebelum ianya dipergunakan.

— Hanya bahan-bahan darah yang siap dibasmi kuman (heat treated) sahaja yang dipergunakan dalam sesuatu rawatan di negara ini.

— Hanya alat-alat suntikan sekali pakai sahaja yang digunakan.

**INGATLAH**

*** TIDAK ADA UBAT ATAU SUNTIKAN BAGI PENYAKIT 'AIDS'.**

*** AMALKAN CARA HIDUP YANG SIHAT DAN DIREDAI ALLAH BAGI MENGELAKKAN 'AIDS'**

## Sambungan dari muka 8

untuk mencegah dan menahan daripada merebak lagi penaykit AIDS supaya terdapat strategi dunia yang mana adalah di-bantu oleh dasar-dasar dan usaha-usaha kebangsaan negara masing-masing. Serba ringkas Kementerian Kesihatan telah:

1. Menubuhkan satu Jawatankuasa Penyakit AIDS di Kementerian Kesihatan yang dipengerusikan sendiri oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan dalam meneliti dan mempertimbangkan dasar-dasar dan usaha-usaha pencegahan dan pengurusan penyakit AIDS. Kami di Kementerian Kesihatan menyedari bahawa isu-isu penyakit AIDS adalah bukan hanya isu-isu kesihatan, malahan ianya adalah lebih luas. Dari itu perwakilan jawatankuasa ini akan diperluaskan untuk mengambil kira institusi-institusi pendidikan serta institusi-institusi yang mengendalikan perkara-perkara mengenai para ibu dan kanak-kanak dan juga sistem penyebaran awam. Dengan cara ini adalah diharapkan usaha-usaha yang diperlukan dapat dihubungkan kepada semua pihak.

2. Kementerian Kesihatan sedang berusaha untuk menilai kedudukan masalah penyakit AIDS di Negara Brunei Darussalam untuk mengetahui kedudukan sebenar penyakit ini supaya dapat menganggarkan apa yan akan terjadi di masa yang akan datang dan dari itu dapat menyediakan usaha-usaha yang perlu.

3. Untuk mengadakan sistem tinjau di mana bukan sahaja untuk laporan penyakit AIDS tetapi juga untuk laporan jangkitan di pelbagai pihak.

4. Untuk memperkukuhkan perkhidmatan Makmal supaya dapat mengenal pasti kes-kes AIDS dan untuk menjalankan rancangan penapisan bagi pencemaran atau penjangkitan virus HIV termasuk kerja-kerja penapisan darah. Pengukuhan dan penggunaan teknologi makmal adalah kritikal.

5. Usaha-usaha untuk memaklumkan pegawai-pegawai dan kakitangan Perkhidmatan Kesihatan disemua peringkat tentang perkembangan dan cara terbaharu mengendalikan penyakit AIDS adalah sedang dan akan dipergiatkan lagi. Usaha-usaha ini adalah diperlukan kerana mereka adalah yang akan menjaga pesakit dan mereka yang telah dijangkiti. Merekalah juga akan menjadi fokus pertemuan dan peranan mereka yang penting adalah dalam penyebaran maklumat-maklumat mengenai penyakit AIDS.

6. Dengan tiadanya ubat atau vaksin untuk penyakit AIDS, rancangan pencegahan menjadi usaha utama dalam mengawal merebaknya penyakit AIDS dan di antara lain rancangan pencegahan adalah:

i) Pencegahan jangkitan melalui hubugan seks akan diusahakan dengan memberikan pengajaran dan makluman yang tertentu kepada orang ramai.

ii) Pencegahan jangkitan melalui darah atau bahan-bahan darah telahpun dijalankan sejak tahun lepas untuk memastikan supaya semua darah atau bahan darah yang dipergunakan adalah selamat dan telah ditapis supaya ia tidak dicemari oleh virus HIV.

iii) Untuk memberi maklumat kepada penyalahguna dadah yang menggunakan alat-alat suntikan supaya mereka tidak akan menjangkitkan virus secara ini dan dengan harapan mereka akan memberhentikan penyalahgunaan dadah secara keseluruhannya.

iv) Untuk memastikan semua alat-alat suntikan dan apa jua alat-alat yang boleh melukakan yang dipergunakan adalah sterile. Kita di Brunei Darussalam sudah lama menggunakan alat-alat suntikan sekali guna (disposable) dan alat-alat lain semuanya disterilise dengan menurut peraturan yang tertentu.

v) Untuk mencegah jangkitan dari ibu kepada anak.

7. Bagi mereka yang telah dijangkiti, kami akan memberi khidmat nasihat atau rawatan yang diperlukan. Khidmat nasihat akan diberikan bukan hanya kepada yang telah dijangkiti tetapi juga kepada keluarga dan masyarakat sekelilingnya untuk mempastikan supaya kita tidak mewujudkan satu kumpulan pesakit yang akan terpencil dan dikeluarkan dari masyarakat disebabkan ketakutan dan kekurangan pengetahuan kita mengenai penyakit AIDS.

Dari itu kita semua hendaklah mengetahui sedikit sebanyak mengenai penyakit AIDS dan cara-cara virus HIV ini berjangkit supaya kita dapat memutuskan perjalanan jangkitan. Perangai 'malas tah ku ingau' kami percaya adalah merbahaya dan mungkin membawa maut.

**Adakah sudah penyakit AIDS di Negara Brunei Darussalam?**

Dukacita saya memaklumkan bahawa melalui penyelidikan-penyelidikan darah yang routine yang dijalankan di rumah sakit, pihak yang berkenaan telah mendapati dua contoh darah yang sero positif apabila menjalani ELISA TEST dan seterusnya juga didapati sero positif apabila menjalani pemeriksaan pengesahan WESTERN BLOT TEST. Secara ringkas kita di Brunei Darussalam dari itu ada mempunyai dua orang yang sero positif tetapi kedua mereka ini belum lagi menjadi kes penyakit AIDS. Kedua-dua mereka ini juga telah diiktiraf sebagai pembawa (carrier) virus HIV dan telah dinasihatkan supaya berjaga-jaga supaya tidak menjangkitkan virus mereka. Pihak-pihak tertentu di Kementerian Kesihatan dan Jabatan Perubatan dan Kesihatan adalah sentiasa memerhati dan mengawasi perkembangan jangkitan kedua-dua mereka ini dan semua langkah berwaspada dan tindakan yang perlu dijalankan telahpun diusahakan.

Kita tidak perlu panik dengan penyakit AIDS ini jika tidak mengamalkan cara hidup yang diredai Allah dan menjauhkan diri dari aktiviti-aktiviti yang boleh menggalakan merebaknya penyakit AIDS ini.

# Persatuan BERSATU diharap dapat membimbing belia

Oleh: Dk. Fatimah Pg. Haji Mohd. Noor

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Bekas Peserta Kapal Belia Asia Tenggara (Bersatu) atau (BRUNEI SSEAYP ALUMNI) telah membuka lambaran sejarahnya dengan mengadakan mesyuarat agung yang pertama pada 28 Jun lepas di Balai Pameran DBP di sini.

Pengarah Kebajikan, Belia dan Sukan, Pengiran Asmalee bin Pengiran Ahmad telah merasmikan mesyuarat agung persatuan itu. Antara lain beliau berharap dengan lahirnya Persatuan Bersatu ini akan dapatlah mendukung hasrat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke arah membimbing dan menyatupadukan bukan sahaja belia-belia di negara ini malah ke arah perpaduan, persefahaman, kemajuan, kestabilan dan keamanan serantau.

Terdahulu dari itu, Yang Dipertua Persatuan Bersatu, Awang Abd. Hamid bin Abas dalam ucapannya berharap, "Dengan tertubuhnya persatuan ini akan menjadi daya pendorong (motivating force) kepada mereka untuk bergiat lebih aktif sebagai belia yang laparkan kerja dan bersedia melibatkan diri dalam pembangunan masyarakat."

Majlis pada hari itu juga melantik jawatankuasa tertinggi bagi tahun 1987/1988 dan membincangkan beberapa agenda termasuklah projek-projek serta rancangan-rancangan persatuan itu.

Ahli-ahli jawatankuasa yang baru bagi 1987/1988 itu terdiri dari Yang Dipertua: Awang Abdul Hamid bin Abas, Timbalan Yang Dipertua : Moksin Haji Omar, Setiausaha Agung : Tamrin bin Haji Ibrahim, Timbalan Setiausaha Agung I : Dayang Hajjah Tiamah binti Dollah, Timbalan Setiausaha Agung II : Abdullah bin Hamid, Bendahari Agung : Jailani bin Haji Ibrahim dan Timbalan Bendahari Agung : Dk. Zaleha binti Pengiran Sulaiman.

Jawatankuasa Penerangan dan Perhubungan : Dk. Fatimah Pengiran Hj. Md. Noor, Jawatankuasa Kebajikan dan Keugamaan : Jamil bin Haji Md. Yusof, Jawatankuasa Penerbitan : Mohammad bin Haji Hassan, Jawatankuasa Kebudayaan, Belia dan Sosial : Muslim bin Hj. Yusof, Jawatankuasa Sukan dan Olahraga : Nasir bin Hj. Pungut, Jawatankuasa Seksi Wanita : Zainon binti Haji Abdullah, Jawatankuasa Ekonomi dan Perdagangan : Hj Aminuddin bin Hj Sabtu, Penyelaras Daerah (Temburong) : Jeludin bin Tuah, Penyelaras (Tutong) : Hassan bin Haji Shari dan Penyelaras (Belait) : Latifah binti Haji Tengah.

Persatuan Bersatu di tubuhkan pada awal tahun 1987 dan telah didaftarkan pada bulan Mac 1987. Ahli-ahlinya terdiri dari belia-belia yang pernah menyertai Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara yang dianjurkan oleh Kerajaan Jepun dengan kerjasama negara-negara ASEAN.

Persatuan Bersatu antara lain bertujuan :

* Bagi memenuhi kehendak dan matlamat Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara ke arah menyatupadukan belia di seluruh ASEAN, Jepun dan di peringkat antarabangsa.

* Untuk memberi peluang dan tempat bagi tujuan pertemuan semula (reunion) kepada bekas peserta Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara ke arah mewujudkan persahabatan yang berkekalan, persefahaman antarabangsa dan pertukaran muhibah.

* Merancang dan melaksanakan kegiatan-kegiatan yang berkebajikan bersesuaian dengan kehendak negara dan aspirasi nasional.

Persatuan Bersatu mempunyai keramaian ahli kira-kira 80 orang dan dijangka akan meningkat kepada lebih seratus orang menjelang akhir tahun ini iaitu setelah 35 orang belia lagi menyertai Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara yang ke-14. Penubuhan persatuan ini adalah juga diselaraskan dengan penubuhan persatuan yang sama di negara-negara ASEAN dan Jepun yang juga menyertai rancangan yang sama.

Kegiatan utama Persatuan Bersatu sejak penubuhannya ialah menghadiri Persidangan Belia ASEAN 1987 di Tokyo, Jepun pada 30 April hingga 6 Mei 1987. Persidangan itu juga dihadiri oleh perwakilan dari Negara Filipina, Indonesia, Jepun, Malaysia, Singapura dan Thailand.

Selain daripada itu, Persatuan Bersatu juga telah menjadi tuan rumah kepada 7 orang belia Jepun yang melawat negara ini pada bulan Februari yang lalu.



SEBAHAGIAN dari para jemputan di majlis pembukaan rasmi Mesyuarat Agung Pertama Persatuan Bekas Peserta Kapal Belia Asia Tenggara (Brunei SSEAYP ALUMNI).



YANG Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Paduka Haji Awang Hussien, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan ketika menyempurnakan penanaman pokok kelapa di Pantai Golf Mentiri. — Gambar oleh Harun Rashid.



SEBAHAGIAN daripada ahli-ahli pengakap menanam pokok kelapa. — Gambar oleh Harun Rashid.

## Persatuan pengakap adakan projek tanam pokok kelapa

MENTIRI. — Persekutuan Pengakap Negara telah mengadakan projek menanam pokok kelapa di sepanjang Pantai Kelab Golf Mentiri di sini Ahad lepas, 28 Jun.

Penanaman pokok-pokok itu terlebih dahulu telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Paduka Haji Awang Hussain, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, yang juga selaku Ketua Pengakap Negara.

Kira-kira 40 orang pengakap terlibat dalam projek penanaman itu. Selain dari aktiviti persekutuan, ianya juga dihasratkan bagi mencantikkan lagi suasana Pantai Kelab Golf Mentiri.

## Rancangan Persahabatan Abad ke-21 di Jepun

BERAKAS. — Rombongan 25 orang pegawai kerajaan, guru-guru dan penuntut-penuntut kini berada di Jepun bagi menghadiri Rancangan Persahabatan Abad ke-21 yang bemula pada 21 Jun lepas.

Rombongan diketuai oleh Haji Abdul Hamid bin Haji Abdullah. Semasa berada di Jepun, mereka akan dibawa melawat sambil belajar ke beberapa tempat dan mendengar beberapa ceramah mengenai kebudayaan dan ekonomi Negara Jepun.

Rancangan bertujuan untuk meninjau lebih dekat lagi tentang kebudayaan termasuklah cara hidup orang-orang Jepun.

Sebelum bertolak ke negara itu, mereka telah menghadiri majlis suaikenal selama lima hari di Stadium Negara Hassanal Bolkiah bagi mendengar beberapa taklimat mengenai dasar luar Negara Brunei Darussalam, dasar belia dan perkhidmatan belia oleh Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan.

Rancangan Persahabatan Abad ke-21 itu akan berakhir pada 20 Julai depan.



ROMBONGAN Negara Brunei Darussalam ke Rancangan Persahabatan Abad ke-21 bergambar ramai dengan Pengarah Kebajikan, Belia dan Sukan, Pg. Asmalee bin Pg. Ahmad (baris depan, enam dari kanan) dan Duta Besar Jepun ke Negara Brunei Darussalam TYT, Tomoya Kawamura sejurus sebelum berlepas ke Tokyo. — Gambar oleh Pg. Haji Yaakub.

# rtb Intisari minggu ini

## Radio Minggu Ini:

# PERADUAN MENCIPTA LAGU-LAGU ASEAN 87'

LAGU-lagu dan muzik memang tidak dapat dipisahkan dalam dunia penyiaran, khasnya dalam media penyiaran radio dan televisyen. Tanpa adanya irama dan lagu, radio dan televisyen tidak akan dapat berfungsi dengan baiknya, bagi memenuhi kehendak masyarakat penonton ataupun pendengarnya.

Perkembangan seni lagu dan muzik di Radio Televisyen Brunei di akhir-akhir ini, tahap pencapaiannya agak mencabar sedikit, jika dibandingkan dengan tahun-tahun sebelumnya. Dengan daya inisiatif yang tinggi Radio Televisyen Brunei telah berusaha gigih, untuk menggali dan menampilkan pencipta-pencipta lagu tanahair. Menerusi projek tahunan 'Peraduan Mencipta Lagu-Lagu Popular', yang dikendalikan sejak tahun 1985, sedikit sebanyak pencipta-pencipta lagu yang berbakat telah dapat diketengahkan. Seterusnya, lagu-lagu ciptaan yang terbaik dapat pula didendangkan di luar negeri, menerusi pertandingan-pertandingan mencipta lagu dan juga persembahan-persembahan kebudayaan ASEAN.

Pada tahun 1987 ini seperti kelazimannya pada tahun-tahun sudah, Radio Televisyen Brunei berjaya lagi mengendalikan pertandingan kemuncak 'Peraduan Mencipta Lagu-Lagu Popular' bagi tahun 1987. Dalam pertandingan kemuncak yang telah berlangsung di Dewan Raya Radio Televisyen Brunei, pada 27 Jun, 1987 itu, seramai sembilan orang pencipta-pencipta lagu tanahair, yang mencipta sebanyak 10 buah lagu-lagu ciptaan mereka yang dipilih telah dipertandingkan.

Kesemua lagu-lagu ciptaan yang dipertandingkan ini telah dihakimkan oleh beberapa orang tokoh muzik dan juga pencipta lagu yang terkenal dari negara-negara jiran, iaitu seperti Ahmad Nawab dari Malaysia dan S. Atan dari Singapura. Di samping itu, Radio Televisyen Brunei tidak ketinggalan melantik pemuzik-pemuzik tanahair sebagai hakim, bagi berganding bahu dengan hakim-hakim undangan tadi.

Sememangnya, pencipta-pencipta muda tanahair kita haruslah menimba lebih banyak lagi ilmu pengetahuan dan juga pengalaman-pengalaman dalam mencipta lagu-lagu dan muzik. Kerana lagu-lagu ciptaan yang baik dan tinggi mutunya adalah berpunca dari usaha-usaha gigih dan tidak jemu-jemu berguru.

Walaupun begitu, Radio Televisyen Brunei sentiasa memberikan galakan dan juga dorongan kepada pencipta-pencipta lagu tanahair menerusi berbagai-bagai pertandingan yang dianjurkan. Selain daripada 'Peraduan Mencipta Lagu-Lagu Popular', bermacam-macam lagi peraduan yang dianjurkan. Antaranya ialah, pertandingan Juara Kugiran dan Bintang Kecil, yang kebanyakannya menonjolkan lagu-lagu ciptaan setempat.



SEBUAH siri baru L. A. Law yang mengandungi 22 episod yang akan dapat awda saksikan tiap-tiap hari Rabu kira-kira jam 7.55 malam.



## Sudut Remaja

SUDUT Remaja minggu ini memperkenalkan Dk. Widayanordi Pg. Hj. Tajuddin. Penyanyi Remaja ini akan bersama awda pada hari Isnin 6 Julai jam 4.00 petang dan akan diulang siarannya pada hari Rabu 8 Julai jam 8.30 malam.

Sukacita dimaklumkan kepada awda yang berminat untuk menyertai rancangan ini adalah dialu-alukan untuk menghubungi penerbit.

## Sandiwara Radio:

# *"Hujan Di Rembang Petang"*

PENULIS Kamarulzaman Zakaria dengan skripnya yang berjudul 'HUJAN DI REMBANG PETANG' dipilih untuk mengisikan ruangan sandiwara radio minggu ini.

Watak Idah yang ditonjolkan selalu benar berhadapan dengan penderitaan. Mula-mula sekali ia terpaksa tunduk terhadap kemahuan keluarga untuk berkahwin dengan pemuda pilihan mereka. Untuk tidak menderhakai mereka, Idah tunduk saja terhadap kemahuan mereka dan terpaksa memutuskan perhubungannya dengan Taufik.

Taufik yang pada masa itu cuma seorang pekerja biasa di sebuah syarikat swasta, merelakan keputusan yang diambil oleh Idah itu, memandangkan ia sendiri pun serba kekurangan dan hanya menetap bersama seorang ibu angkat.

Idah pula setelah berkahwin dengan Lofti tidak mendapat kebahagiaan seperti yang diharap-harapkan. Setelah ia mengandung tujuh bulan, Idah berperang besar dengan suaminya sehingga membawa perpisahan kepada mereka. Idah kemudiannya kembali tinggal bersama-sama ibunya.

Tidak berapa lama setelah itu, mereka menerima jiran baru yang membeli tanah dan rumah bersebelahan dengan rumah mereka dan sekaligus menjemput mereka untuk datang di hari pertunangan anak angkatnya.

Bila saja hari itu tiba, Idah begitu terperanjat bila mengetahui orang yang hendak melangsungkan pertunangan itu adalah Taufik bekas kekasihnya dulu. Bagaimanakah kisah selanjutnya? Ikutilah kesudahannya nanti pada 5 Julai, 1987 jam 11.30 pagi.

Rancangan ini diterbitkan oleh Dy. Helen Thu.

## Mari Memasak:

# PIZZA

BAHAN-BAHAN UNTUK KULITNYA:

- 15 gram ibu roti basah
- ½ sudu kecil gula
- ½ cawan + 1 sudu besar air panas kuku
- 2 cawan tepung gandum (230 gram)
- 1 sudu teh garam
- 1 sudu teh minyak zaitun.

INTINYA:

- 1 sudu besar + 1 sudu teh minyak zaitun
- 1 biji bawang dipotong bulat
- 1 ulas bawang putih
- 400 gram tomato dalam tin
- 1 sudu besar tomato puree
- ½ sudu teh thyme kering
- ¼ sudu teh oregano kering
- ¼ sudu teh serbuk lada hitam
- ¼ sudu teh garam
- 170 gram keju Mozzarella dihiris
- 120 gram cendawan butang dihiris
- 1 biji lada besar dihiris
- 4 biji buah olive jeruk
- 1 cawan daging cincang (150 gram)

CARA-CARA MEMBUATNYA:

1. Hancurkan ibu roti bersama 1 sudu besar air dan gula. Biarkan selama 15 - 20 minit hingga berbuih.
2. Ayak tepung bersama garam, tuang adunan ibu roti di tengah-tengah dan ½ cawan air. Adunlah hingga sebati.
3. Uli dalam 10 minit dan tambahkan tepung sedikit-sedikit jika adunan melekat.
4. Simpan adunan di mangkuk yang sudah diberi sedikit minyak lalu ditutup dengan kain yang dibasahi dan dan diperah kering. Biarkan ia naik kira-kira 45 minit hingga 1 jam.
5. Panaskan minyak di kuali kemudian tumis bawang putih dan bawang besar dalam 5 - 7 minit. Masukkan tomato bersama airnya, tomato puree, thyme, oregano, garam, lada hitam dan cendawan. Masaklah hingga pekat.
6. Adunan tepung dibahagi dua. Uli sebentar lalu dicanai bulat ¼ inci tebal. Taruh adunan perlahan-lahan di loyang yang sudah disapu minyak.
7. Senduk tomato sos di atas adunan dan ratakan. Atur keju, lada besar dan renjis 1 sudu teh minyak di atasnya.
8. Bakar di Oven 10 - 15 minit atau hingga masak.
9. Hidangkan ketika masih panas.

# Mesyuarat Menteri Luar ASEAN kali ke-20

Gambar-gambar oleh Pengiran Bahar PHO



KEBERANGKATAN tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri di Lapangan Terbang Antarabangsa Changi, Singapura dijunjung oleh Yang Berhormat Tuan Wong Kan Seng, Menteri bagi Kemajuan Masyarakat dan Menteri Kedua bagi Hal Ehwal Luar Singapura.






DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri ketika bersabda di pembukaan rasmi Mesyuarat Menteri-Menteri Luar ASEAN kali ke-20.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran
Menteri Hal Ehwal Luar Negeri semasa menga
Setiausaha Negara Amerika. Rundingan yang d
bersama.



SETIAP peluang digunakan sepenuhnya untuk membincangkan pelbagai perkara bagi kepentingan bersama. Kelihatan dalam gambar Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah Menteri Hal Ehwal Luar sedang membincangkan sesuatu dengan rakan dari negara dialog semasa majlis yang dipanggil makan tengah hari sambil berbincang diadakan pada 17 Jun.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri membincangkan sesuatu dengan Tuan Yang Terutama Profesor Dr. Mochtar Kusumaatmadja, Menteri Luar Republik Indonesia semasa pembukaan Mesyuarat Menteri-Menteri Luar ASEAN dijalankan.






MENTERI-MENTERI Luar ASEAN sedang bersidang dengan salah satu rakan dialog, sidang ini menyusuli Mesyuarat Menteri-Menteri Luar ASEAN (atas).

WAKTU rehat selepas dan sebelum persidangan seperti ini membolehkan jemaah menteri menyambung perbincangan-perbincangan mereka (kanan).



Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, [illegible] rundingan dua hala dengan Tuan Yang Terutama Tuan George Shultz, [illegible] pada 20 Jun itu berkisar mengenai hal-ehwal serantau dan kepentingan



KELIHATAN Menteri-Menteri Luar ASEAN bersarapan pagi sambil bermesyuarat antara jemaah menteri ASEAN dengan wakil Setiausaha Agung Bangsa-Bangsa Bersatu, Tuan Rafeeuddin Ahmad pada hari ke-2 Mesyuarat Menteri-Menteri Luar ASEAN.




[illegible] yang dirakamkan di majlis makan malam yang diberikan oleh Menteri Hal Ehwal Luar Singapura, Tuan Yang Terutama [illegible] Dhanabalan kepada Menteri-Menteri Luar ASEAN dan rakan dialog dan isteri masing-masing yang diadakan di salah [illegible] hotel terkemuka di Republik Singapura. Dalam gambar kelihatan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak [illegible] bersama-sama dengan isteri-isteri Menteri Luar ASEAN yang lain.



YANG Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Zariah di majlis makan malam yang diberikan oleh Menteri Hal Ehwal Luar Singapura kepada Menteri-Menteri Luar ASEAN dan rakan dialog serta isteri-isteri mereka.

# RANCANGAN TV MINGGU INI

PIHAK Radio Televisyen Brunei berhak untuk menukar mana-mana jua rancangan yang difikirkan perlu tanpa memberitahu terlebih dahulu.

## HARI RABU 1 JULAI

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
4.17 AL-QURAN
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 FLINTSTONE KIDS
5.00 EUREKA: "Another Man's Poison"
5.25 DEFENDERS OF THE EARTH
5.45 RINGKASAN BERITA
6.20 WORLD OF SURVIVAL: "Earth Station Goonhilly" Stesen Bumi Telekom British di Goonhilly, Cornwall adalah pusat perhubungan dalam erti kata yang sebenarnya. Unggas dan binatang yang tinggal disekelilingnya memanggil-manggil, berlagu-lagu, bersinar marak, mengeluarkan bau dan menghantar isyarat di antara satu dengan yang lain.
6.36 AZAN MAGHRIB
6.41 AL-QURAN DAN TERJEMAHAN-NYA
6.51 WORLD OF SURVIVAL — sambungan

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.17 SMALL WONDER: "My Mother The Teacher"
7.52 AZAN ISYAK
7.57 L.A. LAW: "Episod Pengenalan" (Siri baru) Siri ini memaparkan secara dramatik kehidupan peribadi dan profesional sekumpulan peguam di sebuah syarikat guaman yang ternama di Los Angeles.
9.00 WARTA BERITA
9.25 SUDUT PELITA
9.35 LIPUTAN NASIONAL
10.00 BIMBINGAN ISLAM
10.10 THE COLBYS (Siri baru)
11.00 SPORTS: Rothmans Snooker 1986
12.00 SIARAN TAMAT.

## HARI KHAMIS 2 JULAI

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
4.17 AL-QURAN
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 SESAME STREET
5.25 HEATHCLIFF (Siri baru)
5.45 RINGKASAN BERITA
5.50 ONCE UPON A TIME: "The Fox And The Stork" (ulangan)
6.05 1, 2, 3 GO
6.15 GHOSTBUSTERS: "The Bad Old Dayd"
6.37 AZAN MAGHRIB
6.42 AL-QURAN DAN TERJEMAHAN-NYA
6.52 GHOSTBUSTERS — sambungan

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.17 WEBSTER: "The Landlords" Setelah membeli sebuah rumah lama, George dan Katherine terpaksa menghadapi berbagai masalah sebelum dapat hidup selesa dalam rumah mereka yang baru itu.
7.52 AZAN ISYAK
7.57 MIAMI VICE: "Free Verse"
9.00 WARTA BERITA
9.25 HIDAYAT
9.55 BIMBINGAN ISLAM
10.05 DUNIA MINGGU INI
11.35 MAGNUM: "Straight And Narrow"
11.25 TAYANGAN GAMBAR: "The Klansman" Cerita yang mengisahkan tentang pertembungan dua pihak yang bermusuhan di sebuah bandar kecil di Alabama, Amerika Syarikat di antara militan kulit hitam dengan Kumpulan Ku Klux Klan.
1.00 SIARAN TAMAT.

## HARI JUMAAT 3 JULAI

**TENGAH HARI**

12.00 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
12.02 AL-QURAN
12.12 SUSUNAN RANCANGAN
12.15 CERAMAH UGAMA
12.25 HIDAYAT (ulangan)
12.45 AZAN SEMBAHYANG FARDU JUMAAT
12.49 HIDAYAT — sambungan
1.00 MUTIARA/NADASARI

**PETANG**

1.25 MR T: "The Cape Kennedy Caper" (Episod akhir)
1.55 HE-MAN AND THE MASTERS OF THE UNIVERSE
2.15 ARENA SUKAN
3.15 CODENAME ICARUS (Episod terakhir)
3.45 AL-KISAH: "Semut Dengan Punai" (ulangan)
3.51 AZAN ASAR
3.56 AL-KISAH — sambungan
4.05 LIFE WITH LUCY: "Lucy Makes Curtis Bite The Dust"
4.30 ODYSSEY FEATURES: "Time Wrap"
5.20 Q.E.D.: "Robots: Taking The Biscuit"
5.45 RINGKASAN BERITA
5.50 FARRINGTON OF THE FO:
6.15 MUPPET BABIES
6.37 AZAN MAGHRIB
6.42 AL-QURAN DAN TERJEMAHAN-NYA
6.52 MUPPET BABIES — sambungan

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.17 THE MAKING OF . . .
7.52 AZAN ISYAK
7.57 HOT PURSUIT: "Identity Crisis" Kate telah disalah-sangkakan sebagai Cathay Ladd di suatu pesta bergerak dan ia cuba menghilangkan sangkaan ini untuk mendapatkan satu bukti yang penting.
9.00 WARTA BERITA
9.25 LIPUTAN NASIONAL
9.55 BIMBINGAN ISLAM
10.05 TOO CLOSE FOR COMFORTS: "No Deposit, No Retur'n'
10.30 KNOTS LANDING: "Phoenix Rises'
11.40 SIARAN TAMAT.

## HARI SABTU 4 JULAI

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
4.17 AL-QURAN
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 SESAME STREET
5.30 360 DEGREE: "Liechtenstein Monaco"
5.45 RINGKASAN BERITA
5.50 ALF: "Pennsylvania 6–5000" Apabila Alf menggunakan telefon keluarga Willie Tanner, yang datang tidak bukan hanyalah masalah dan kesusahan.
6.20 THUNDERCATS
6.37 AZAN MAGHRIB
6.42 AL-QURAN DAN TERJEMAHAN-NYA
6.51 THUNDERCATS — sambungan

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.17 THREE'S COMPANY: "Alias Jack Tripper"
7.53 AZAN ISYAK
7.58 THE WIZARD: "The Heart Of A Dancer" Tracy Daniels seorang penari telah ditembak oleh seorang lelaki yang sangat tergila-gilakannya. Mujur Tracy tidak mati tetapi bahagian pinggangnya lumpuh. Paige yang tidak henti-henti berusaha untuk membunuhnya. Berjayakah Paige?
9.00 WARTA BERITA
9.25 LIPUTAN NASIONAL
9.35 TAYANGAN GAMBAR INDONESIA: "Jari Jari Lentik"
11.05 ENTERTAINMENT THIS WEEK
12.00 SIARAN TAMAT.

## HARI AHAD 5 JULAI

**TENGAH HARI**

12.00 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
12.02 AL-QURAN
12.12 SUSUNAN RANCANGAN
12.15 TUBE COMPILATION: "Marc
12.27 AZAN ZUHUR
12.32 TUBE COMPILATION—sambungan

**PETANG**

1.05 REAL PEOPLE
1.55 TAYANGAN GAMBAR: "Sahara"
3.25 SMURFS
3.52 AZAN ASAR
3.56 SILVERHAWKS: "Gold Shield"
4.20 DRAMA INDONESIA: "Secerah Wajah Sejuta Rasa" Bhg I
5.00 SPORTS: Embassy World Darts — Separuh Akhir Kedua
5.45 RINGKASAN BERITA
5.50 CENTURIONS
6.15 GROWING PAINS: "Mike Madonna Story" Seorang gadis yang meniru stail Madonna menyebabkan kekecuhan dalam keluarga Seaver apabila ia muncul di rumah mereka dengan perhiasan yang menjolok mata dan dengan niat hendak menggoda Mike.
6.37 AZAN MAGHRIB
6.42 AL-QURAN DAN TERJEMAHAN-NYA
6.52 GROWING PAINS — sambungan

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.17 ALLO ALLLO
7.53 AZAN ISYAK
7.58 MATLOCK: "Matlock: Dairy Of A Perfect Murder" Bhg. II
9.00 WARTA BERITA
9.25 BIMBINGAN ISLAM
9.35 SELINGAN
10.00 TENNIS — WIMBLEDON 1987: Men's Single (Siaran langsung dari Wimbledon, London)
1.10 SIARAN TAMAT.

## HARI ISNIN 6 JULAI

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN.
4.17 AL-QURAN
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 UNDER FIVE
4.55 JOHNNY QUEST
5.20 THE WORLD ABOUT US: "Mantanzza: The Death Of Giant Tuna"
5.45 RINGKASAN BERITA
5.50 WORLD ABOUT US — sambungan
6.15 EDISON TWINS: "Smile For The Blue"
6.37 AZAN MAGHRIB
6.42 AL-QURAN DAN TERJEMAHAN-NYA
6.52 EDISON TWINS — sambungan

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.17 WHO'S THE BOSS?
7.45 HEART OF THE CITY: "Working Without A Net"
7.53 AZAN ISYAK
7.58 HEART OF THE CITY — sambungan
9.00 WARTA BERITA
9.25 LIPUTAN NASIONAL
9.55 BIMBINGAN ISLAM
10.05 SUPERSTAR OF WRESTLING
11.00 TAYANGAN GAMBAR:
12.40 SIARAN TAMAT.

## HARI SELASA 7 JULAI

**PETANG**

4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
4.17 AL-QURAN
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 CARTOONS
4.55 THE KID FROM 47A: "The Weekend Away" Jess begitu sayang hendak menolak undangan pergi ke London bersama anak saudara lelaki majikannya dan siapa pula yang akan menjaga anak-anaknya? Tetapi nampaknya boss dan setiausahanya lebih dari mampu melakukannya.
5.20 PUNKY BREWSTER: "Glomer Punks Out"
5.45 RINGKASAN BERITA
5.50 TUNAS BIMBINGAN (ulangan)
6.15 CHARLES IN CHARGE: "Baby Doll"
6.37 AZAN MAGHRIB
6.42 AL-QURAN DAN TERJEMAHAN-NYA
6.52 CHARLLES IN CHARGE — sambungan

**MALAM**

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.17 MARI MEMASAK: "Pizza" (Resepi masakan ini ada dimuatkan di muka lain akhbar ini)
7.53 AZAN ISYAK
7.59 STARMAN
9.00 WARTA BERITA
9.25 BELIA
9.45 BIMBINGAN ISLAM
9.55 NORTH AND SOUTH
10.45 EASY STREET
11.20 SIARAN TAMAT.



SIRI komidi Farrington Of The F.O. akan dapat awda saksikan pada tiap-tiap hari Jumaat jam 5.50 petang.

# ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI
# KEMENTERIAN PERTAHANAN
# NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

## PENGAMBILAN LELAKI KE-73
## BERAKHIR PADA 2 SEPT. 1987

***BERKHIDMATLAH DENGAN ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI***



Mendaftarlah kepada
Pejabat Pengambilan
Angkatan Bersenjata Diraja Brunei
Bolkiah Garison
Negara Brunei Darussalam

Nama : ..........................................

No. Kad Pengenalan : .................... Warna : ....................

Tarikh Lahir : .................... Umur : ....................

Alamat Sekarang : ..........................................

..........................................

Kelulusan Sekolah : ..........................................

Nama Ayah/Penjaga : ..........................................

No. Kad Pengenalan : .................... Warna : ....................

Tarikh Lahir : .................... Tempat Lahir : ....................

Alamat Sekarang : ..........................................

..........................................

No Telefon Rumah/Pejabat : ..........................................

Tandatangan : .................... Tarikh : ....................

**NEGARA AMAN MAKMUR RAKYAT HIDUP BAHAGIA**
**KEAMANAN DAN KEMAKMURAN NEGARA TERLETAK**
**DI TANGAN AWDA**

SYARAT-SYARAT YANG DIKEHENDAKI

1. Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
2. Awang-Awang mestilah lulus sekurang-kurangnya Darjah 6 Melayu atau yang sebanding dengannya.
3. Berumur 17½ tahun hingga 25 tahun, bujang atau beristeri.
4. Berat badan tidak kurang 47.25 kg, tinggi tidak kurang dari 1.54 meter dan berbadan sihat.
5. Awang-Awang mestilah lulus pemeriksaan perubatan dan ujian pelajaran yang diadakan oleh ABDB.
6. Awang-Awang hendaklah berasal dari salah satu puak seperti : Brunei, Tutong, Belait, Kedayan, Dusun, Murut dan Bisaya.

# JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## DI DALAM PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam Perkhidmatan-Perkhidmatan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

1. a) PEMANDU TINGKAT I (Bilangan Kod: 078 98–503)
(Di Jabatan Percetakan, Kementerian Undang-Undang)
b) PEMANDU KERETA TINGKAT I
(Bilangan Kod: 060 98–519)
(Di Jabatan Laut, Kementerian Perhubungan)
**Tanggagaji:** F. 4-5 EB. 6 — $620-$790 sebulan.
**Kelayakan:**
a) Umur di antara 25 hingga 45 tahun serta boleh menulis dan membaca.
b) Mempunyai lesen memandu kelas 3 dan 5 yang sah dan tidak pernah didakwa kerana kesalahan-kesalahan memandu serta boleh membaiki kerosakan-kerosakan kecil.
c) Telah berkhidmat sebagai Pemandu Tingkat II sekurang-kurangnya selama 3 tahun.
d) Berpengalaman memandu semua jenis kenderaan adalah merupakan satu kelebihan.

2. a) PEMANDU TINGKAT II
i) (Di Jabatan Adat Istiadat, Jabatan Perdana Menteri) (Bilangan Kod: 002 98–604)
ii) (Di Jabatan Pusat Sejarah, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan) (Bilangan Kod: 041 98–504)
b) PEMANDU KERETA TINGKAT II
i) (Di Jabatan Laut, Kementerian Perhubungan) (Bilangan Kod: 060 98–518)
ii) (Di Maktab Jururawat Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Kementerian Pelajaran) (Bilangan Kod: 028 98–518)
iii) (Di Jabatan Pelabuhan-Pelabuhan, Kementerian Perhubungan) (Bilangan Kod: 076 98–518)
**Tanggagaji bagi Jawatan No. 2(a) & 2(b):** F. 3-4 EB 5 — $550-$700 sebulan.
**Kelayakan bagi Jawatan 2(a) & 2(b):**
a) Umur di antara 20 hingga 40 tahun dan tahu menulis dan membaca dalam Bahasa Melayu.
b) Pemandu-pemandu yang berpengalaman dan mempunyai lesen memandu kelas 3 yang sah serta tidak pernah didakwa kerana kesalahan-kesalahan memandu dan boleh membaiki kerosakan-kerosakan kecil.
c) Mempunyai lesen memandu Kelas 5 dan Kelas 11 (sebelas) dan berpengalaman memandu semua jenis kenderaan adalah merupakan satu kelebihan.

3. TUKANG KEBUN (Bilangan Kod: 112 62–741)
(Di Kementerian Hal Ehwal Ugama)

4. PEMBERSIH (Bilangan Kod: 028 55–293)
(Di Maktab Jururawat Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Kementerian Pelajaran)

5. TUKANG KEBUN/PEMBERSIH
(Bilangan Kod: 034 62–742)
(Di Jabatan Pasukan Bomba, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri)
**Tanggagaji bagi jawatan No. 3, 4 & 5:** F. 1-2-3 EB. 4 $445-$650 sebulan.

6. PENJAGA
a) i) (Di Jabatan Perdana Menteri)
(Bilangan Kod: 101 58–939)
ii) (Di Kementerian Hal Ehwal Ugama)
(Bilangan Kod: 11 58–939)
b) PENJAGA MALAM (Bilangan Kod: 028 58–941)
(Di Maktab Jururawat Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Kementerian Pelajaran)
**Tanggagaji bagi Jawatan No. 6(a) & 6(b):** F. 1-2 EB.3 $445-$590 sebulan.
**Kelayakan bagi Jawatan No.: 3, 4, 5 dan 6:**
a) Berumur di antara 20 hingga 45 tahun dan tahu menulis dan membaca.
b) Berbadan sihat dan telah mempunyai pengalaman sebagai Pembersih/Penjaga/Penjaga Malam.
c) Tinggal di kawasan yang berdekatan merupakan satu kelebihan.

7. PEMANDU MOTOR SANGKUT TINGKAT II
(Bilangan Kod: 009 98–157)
(Di Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Bahagian Radio dan Televisyen, Jabatan Perdana Menteri)
**Tanggagaji:** F. 2-3-4 EB. 5 — $495-$700 sebulan.
**Kelayakan:**
a) Berumur di antara 20 hingga 45 tahun dan hendaklah tahu menulis dan membaca dalam bahasa Melayu.
b) Mempunyai tubuh badan yang sihat, penglihatan yang baik dan lulus peperiksaan. Mestilah pandai berenang.
c) Berpengalaman sebagai pemandu Motor Sangkut sekurang-kurangnya dua tahun dan boleh membaiki kerosakan-kerosakan kecil.
d) Mengetahui selok-belok sungai-sungai di negara ini adalah merupakan satu kelebihan.

8. TUKANG MASAK (Bilangan Kod: 034 53–130)
(Di Jabatan Pasukan Bomba, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri)
**Tanggagaji:** F. 3-4 EB. 5 — $550-$700 sebulan.
**Kelayakan:**
a) Umur tidak lebih dari 45 tahun.
b) Sijil City and Guilds 855 Basic Cooking atau kelulusan dan bidang yang berkaitan sebanding dengannya.
c) Berpengalaman memasak di Mess/Kantin atau Restoran bagi makanan Melayu, Cina dan Inggeris.
d) Calon-calon adalah dikehendaki menjalani ujian memasak sebelum ditemuduga oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.

9. MANDUR (Bilangan Kod: 066 70–103)
(Di Jabatan Lembaga Bandaran Belait dan Seria, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri)
**Tanggagaji:** F. 2-3-4 EB. 5 — $495-$700 sebulan.
**Kelayakan:**
a) Berumur di antara 25 hingga 40 tahun.
b) Lulus Darjah V atau yang sebanding dengannya.
c) Mempunyai pengalaman dalam kerja-kerja mandur dan pengawasan buruh.

10. TUKANG KAYU (Bilangan Kod: 034 95–413)
(Di Jabatan Pasukan Bomba, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri)
**Tanggagaji::** E. 2-3 EB. 4 — $590-$875 sebulan.
**Kelayakan:**
a) Sijil City and Guilds dalam bidang pertukangan 'Carpentry and Joinery' atau yang sebanding dengannya.
ATAU
b) i) Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya.
ii) Berpengalaman praktikal tidak kurang dari 5 tahun sebagai Kakitangan Pentas dan boleh membaca "Construction Plan"

11. JURUMESIN TINGKAT I
(Bilangan Kod: 034 84–170)
(Di Jabatan Pasukan Bomba, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri)
**Tanggagaji:** E. 1-2-3 EB. 4 — $515-$875 sebulan.
**Kelayakan:**
Telah mendapat latihan di Sekolah Pertukangan Kerajaan atau B.S.P. atau mempunyai pengalaman dalam auto engnieering di mana-mana bengkel.

**Am:**
Pemohon-pemohon yang berjaya bagi satu-satu jawatan yang dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

**Peringatan:**
Pemohon-pemohon adalah diingatkan supaya mencatatkan nama jawatan serta Bilangan Kod yang berkenaan dengan nama jawatan yang dipohonkan di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan Bilangan Kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang bagi tiap-tiap satu jawatan yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup: 29 Julai, 1987.
Bilangan Pendaftaran: 68/1987
(E/932/87)

## DI DALAM PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KERAJAAN

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam Perkhidmatan-Perkhidmatan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

1. PENGUASA PERKAPALAN:
(Bilangan Kod: 060 04 — 251)
(Di Jabatan Laut, Kementerian Perhubungan)
**Tanggagaji:** C. 1-2 EB. 3 — $1280-$2270 sebulan.
**Kelayakan:**
a) Berumur di antara 20 hingga 40 tahun.
b) i) Ordinary National Diploma dalam bidang Nautical Studies atau kelulusan yang sebanding dengannya dari Institut yang diiktiraf oleh Kerajaan dan berpengalaman dalam kerja-kerja perkapalan sekurang-kurangnya selama 2 tahun.
ATAU
ii) Sedang dan telah berkhidmat dengan kerajaan dalam jawatan yang bersesuaian di Bahagian IV sekurang-kurangnya selama 5 tahun.
— 4 mata pelajaran Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran termasuk mata pelajaran Ilmu Hisab dan Sains.
— Berpengalaman dan berminat dalam kerja-kerja perkapalan dan laut serta pengetahuan dalam pengurusan pejabat dan kakitangan adalah merupakan satu kelebihan.

**Tugas-tugas dan Tanggungjawab:**
a) Mengetuai pentadbiran pejabat kecil perkapalan di Jabatan Laut.
b) Melayan dan memproses permohonan - permohonan bagi melesen kapal, dan membuat persediaan-persediaan bagi melesen kapal.
c) Mengeluarkan pelepasan pelabuhan dan menjalankan tugas-tugas yang dikehendaki berkaitan dengan pelepasan pelabuhan.
d) Mengenakan tuntutan-tuntutan yuran-yuran dan cukai-cukai.

**Lain-lain Syarat:**
Calon-calon yang dilantik sebagai Penguasa Perkapalan hendaklah sanggup dihantar keluar negeri untuk mengikuti kursus/latihan yang ditetapkan.

2. JURUTULIS JAWI:
(Bilangan Kod: 028 16 — 191)
(Di Jabatan Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pelajaran)
**Tanggagaji:** C. 1-2 EB. 3 — $1280-$2270 sebulan.
**Kelayakan:**
a) 4 mata pelajaran di Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya dengan memperolehi kepujian dalam mata pelajaran Pengetahuan Ugama Islam dan Bahasa Melayu.
b) Mempunyai latihan asas atau pengalaman luas dalam kerja-kerja khat tulisan Jawi dan berkebolehan menulis lebih daripada satu khat Tulisan Jawi.

**Lain-lain Syarat:**
Satu ujian bertulis akan diadakan untuk mempastikan kelayakan dan pengalaman.

**Tugas-tugas dan Tanggungjawab:**
a) Menulis bahan-bahan penerbitan yang akan diterbitkan oleh Jabatan Perkembangan Kurikulum dalam tulisan jawi sebagaimana yang dikehendaki dalam penerbitan itu.
b) Menyalin bahan-bahan penerbitan dari huruf-huruf rumi ke jawi sebagaimana yang dikehendaki oleh Penerbitan yang dikendalikan oleh Jabatan Perkembangan Kurikulum.

Am:
Pemohon-pemohon yang berjaya bagi satu-satu jawatan yang dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

**Peringatan:**
Pemohon-pemohon adalah dikehendaki supaya mencatatkan nama jawatan serta bilangan kod di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan bilangan kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh tutup: 25 Julai, 1987.**
(Bilangan Pendaftaran: 63/1987)
(E/884/85 (FT))

## TAWARAN JABATAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN ELEKTRIK

**BIL.: PPL/TB/25/1987**

Tajuk kerja: ELECTRICAL AND FIRE DETECTION / PROTECTION INSTALLATION FOR TELEPHONE EXCHANGE BUILDING SERIA.

Cengkeram: $200.00.
Tarikh tutup: 20 Julai, 1987 (hari Isnin) jam 12.00 tengah hari.

Tempat tutup: Peti Tawaran, Kementerian Pembangunan.

Kelayakan pemborong: Kelas "A" atau "B".

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-Perkhidmatan Bangunan di Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik.

---

**BIL.: PPL/MTB/220/1987**

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Penanam Kabel yang berdaftar Kelas 'A' dan 'B' sahaja, yang akan diterima oleh Lembaga Tawaran Mini Tender yang beralamat di Bangunan Pejabat Setiausaha Tetap (Teknikal), Tingkat 3, Bangunan Kementerian Pembangunan, Lapangan Terbang Lama, Berakas sehingga jam 12.00 tengah hari, hari Selasa 14 Julai, 1987 bagi kerja-kerja berikut: —

REINFORCEMENT OF LT O/H SYSTEM ALONG JALAN TUTONG FROM KAMPONG BUNOT UP TO SIMPANG BENGKURONG.

Dokumen-dokumen dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.

Deposit (cengkeram) untuk tawaran tersebut adalah $100.00.

---

**BIL.: PPL/MTB/221/1987**

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong yang berdaftar dari JKR Kelas 'AX' dan 'A' dan Pemborong-pemborong Penanam Kabel Kelas 'A' dan 'B' sahaja, yang akan diterima oleh Lembaga Tawaran Mini Tender yang beralamat di Bangunan Pejabat Setiausaha Tetap (Teknikal), Tingkat 3, Bangunan Kementerian Pembangunan, Lapangan Terbang Lama, Berakas sehingga jam 12.00 tengah hari, hari Selasa 14 Julai, 1987 bagi kerja-kerja berikut: —

ELECTRICITY SUPPLY TO LAND FOR LANDLESS CITIZENS SCHEME AT KAMPONG TUNGKU — PART I

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan - Perkhidmatan Elektrik, di Lapangan Terbang Lama, Berakas, Negara Brunei Darussalam.

Deposit (cengkeram) untuk tawaran tersebut adalah $100.00.

# JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## DI PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KERAJAAN

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam Perkhidmatan-Perkhidmatan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

1. PENGAWAS PEMANDU JURUTEMALI O/B

(Bilangan Kod: 009 97 — 295)

(Di Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Bahagian Radio dan Televisyen Brunei, Jabatan Perdana Menteri)

Tanggagaji: D. 4-5 EB. 6—$1225-$1785 sebulan.

**Kelayakan:**

a) Berumur tidak kurang dari 25 tahun.

b) Pemandu Jurutemali O/B yang telah ditetapkan dalam jawatannya dan telah berkhidmat sekurang-kurangnya 5 tahun.

c) Mempunyai laporan nilaian prestasi kakitangan yang memuaskan.

d) Mempunyai sifat-sifat kepimpinan yang baik.

e) Berkebolehan dalam menyelenggarakan perkakas perkakas mekanik dan berpengetahuan dalam bidang elektrik.

f) Boleh membaca dan bertutur dalam Bahasa Melayu dan Inggeris adalah merupakan satu kelebihan.

2. PEMBANTU BILIK GELAP:

a) (Di Jabatan Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pelajaran)

(Bilangan Kod: 028 92 — 760)

b) (Di Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan)

(Bilangan Kod: 056 92 — 760)

**Tanggagaji:** D. 1 EB. 2-3 — $530-$1125 sebulan.

**Kelayakan:**

a) i) 1 mata pelajaran Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya.

ATAU

ii) Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya serta 3 tahun pengalaman dalam memproses filem.

b) Keutamaan akan diberikan kepada pemohon-pemohon yang pernah memasuki kelas senifoto atau ahli kelab senifoto.

c) Pengetahuan khas dalam kerja-kerja penggambaran serta pengurusan dan pemeliharaan bilik gelap merupakan satu kelebihan.

**Tugas-tugas dan Tanggungjawab:**

a) Mencuci filem.

b) Membuat indeks negatif filem.

c) Menyusun indeks negatif filem mengikut sistem tertentu dan memastikan agar sentiasa dikemaskini.

d) Membantu Jurugambar membuat kerja penggambaran bila diperlukan.

3. PENGAWAS TINGKAT II:

(Bilangan Kod: 059 70 — 098)

(Di Angkatan Bersenjata Di-Raja Brunei, Kementerian Pertahanan)

**Tanggagaji:** D. 3 EB. 4 — $900-$1465 sebulan.

**Kelayakan:**

a) Berumur di antara 30 hingga 50 tahun serta boleh menulis dan membaca dengan baik.

b) Sedang dan telah berkhidmat sebagai Pemandu Tingkat Khas tidak kurang dari 3 tahun.

c) Mempunyai lesen memandu Kelas 3 dan 5 yang sah dan tidak pernah didakwa kerana kesalahan-kesalahan memandu.

d) Boleh membaiki kerosakan-kerosakan kecil serta berkebolehan memandu semua jenis kenderaan.

e) Berpengalaman dalam pengawasan, pengurusan kakitangan pemandu-pemandu kenderaan dan pemeliharaan kenderaan adalah merupakan satu kelebihan.

4. PENGENDALI PENYEDIAAN DATA:

(Bilangan Kod: 052 34 — 222)

(Di Jabatan Tanah, Kementerian Pembangunan)

**Tanggagaji:** D.1-2-3 EB.4-5 — $530-$1625 sebulan.

**Kelayakan:**

a) 1 mata pelajaran Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya.

ATAU

i) Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya.

ii) 3 tahun pengalaman dalam kerja-kerja memasukkan perangkaan bagi kegunaan Komputer melalui DDE.

b) Fasih dalam Bahasa Inggeris adalah satu kelebihan.

**Tugas-tugas dan Tanggungjawab:**

Memasukkan data ke dalam komputer melalui Kemasukan Terus Data (DDE) dan menyemak ketetapan data.

**Am:**

Pemohon-pemohon yang berjaya bagi satu-satu jawatan yang dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

**Peringatan:**

Pemohon-pemohon adalah diingatkan supaya mencatatkan nama jawatan serta bilangan kod di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan bilangan kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup: 27 Julai, 1987.
(Bilangan Pendaftaran: 67/1987)
(E/349/82)

### PEMBERITAHUAN TAWARAN
### INSTITUT PENDIDIKAN SULTAN HASSANAL BOLKIAH, GADONG
### NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

| Bil. Tawaran | Keterangan |
|---|---|
| IPSHB/L/6 Pt. 9 (1) | Membekal dan Menghantar Alat-alat Sains Rumahtangga. |
| IPSHB/L/6 Pt. 9 (2) | Membekal, Menghantar dan memasang alat-alat perpustakaan. |

**Syarat-syarat Tawaran**

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Pelajaran yang terletak di luar bilik Pengarah Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan.

Kementerian Pelajaran,
Tingkat Satu,
Lapangan Terbang Lama,
Berakas, Negara Brunei Darussalam.

Tidak lewat jam 3.00 petang pada hari Khamis 16 Julai, 1987.

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan jam ditetapkan tidak akan diterima dan dilayan.

3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup, ditulis dengan nama perkara yang berkenaan tanpa menunjukkan identiti pembekal/pemborong, dan ditujukan kepada:

Pengerusi
Lembaga Tawaran Kecil,
Kementerian Pelajaran,
Tingkat Satu,
Lapangan Terbang Lama,
Berakas, Negara Brunei Darussalam.

4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Institut Pendidikan Sultan Hassanal Bolkiah, Gadong, Negara Brunei Darussalam.

Waktu menerima cagaran tawaran adalah seperti berikut:—

| | | |
|---|---|---|
| Isnin-Khamis | 8.30 pagi | — 11.00 pagi |
| | 2.00 petang | — 3.00 petang |
| Sabtu | 8.30 pagi | — 10.00 pagi |

5. Cagaran tawaran adalah dikehendaki bagi tiap-tiap satu tawaran sebanyak $100.00. Cagaran akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fiide tender).

6. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.

7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

## Di Jabatan Penyiaran dan Penarangan

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di JABATAN PENYIARAN DAN PENERANGAN, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

1. PEGAWAI LUAR KANAN:

(Bilangan Kod: 009 15 908)

(Bahagian Penerangan)

**Tanggagaji:** C. 1-2 EB. 3 — $1280-$2270 sebulan.

**Kelayakan:**

a) i) 2 mata pelajaran Peringkat Lanjutan Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya.

ii) Berpengalaman dalam kerja-kerja Pegawai Luar.

ATAU

b) i) Sedang dan telah berkhidmat sebagai Pegawai Luar tidak kurang dari 5 tahun.

ii) Berpengalaman dan berkebolehan yang mendalam dalam tugas-tugas Pegawai Luar.

**Tugas-tugas dan Tanggungjawab:**

Memberikan syarahan-syarahan yang berhubung dengan kemajuan dan perkembangan negara. Mengatur dan mengadakan rancangan-rancangan sivik dan mengetuai Unit-Unit Luar Bahagian Penerangan di Daerah-Daerah.

2. PENYELIA SARIKATA:

(Bilangan Kod: 009 15 — 951)

(Bahagian Radio dan Televisyen)

**Tanggagaji:** C. 1 EB. 2 — $1280-$1930 sebulan.

**Kelayakan:**

a) i) 2 mata pelajaran di Peringkat Lanjutan dan 4 mata pelajaran di Peringkat Biasa (termasuk Bahasa Melayu dan Inggeris) Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya serta 3 tahun pengalaman dalam kerja-kerja Sarikata.

ATAU

ii) 1 mata pelajaran di Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran serta 5 tahun pengalaman dalam bidang yang berkaitan.

b) Boleh menterjemah dialog filem secara serentak dari Inggeris ke Bahasa Melayu.

c) Kebolehan menaip dan pengetahuan trengkas merupakan satu kelebihan.

**Tugas-tugas dan Tanggungjawab:**

Bertanggungjawab kepada Penyelia Alihsuara, bertanggungjawab dalam pensarikataan rancangan-rancangan, menjadi orang kanan kepada Penyelia Alihsuara, menterjemah skrip-skrip, menyunting skrip-skrip terjemahan, mempreview filem-filem yang hendak disarikata, membetulkan kesilapan ejaan, ayat di mesin 'Screen Electronics', mengawasi pensarikataan rancangan semasa siaran dan membuat laporan jika perlu.

**Am:**

Pemohon-pemohon yang berjaya bagi satu-satu jawatan yang dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

**Peringatan:**

Pemohon-pemohon adalah diingatkan supaya mencatatkan nama jawatan serta bilangan kod di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan bilangan kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup 28 Julai, 1987.
(Bilangan Pendaftaran: 71/1987)
(E/1160/79)

### PEMBERITAHUAN TAWARAN
### JABATAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN ELEKTRIK

**BIL.: PPL/MTB/202/1987**

Tajuk kerja: PEMASANGAN ELEKTRIK UNTUK CADANGAN UBAHSUAI BANGUNAN LAMA IBU PEJABAT KASTAM (BAHAGIAN SEBELAH BARAT) PHASE II, B.S.B.

Cengkeram: $200.00.

Tarikh tutup: 8 Julai, 1987 (hari Rabu) jam 12.00 tengah hari.

Tempat tutup: Peti Tawaran Kecil, Kementerian Pembangunan.

Kelayakan pemborong: Kelas 'A' atau 'B' (Wiring).

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-Perkhidmatan Bangunan di Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik.

**BIL.: PPL/MTB/203/1987**

Tajuk kerja: PEMASANGAN ELEKTRIK UNTUK KLINIK PHC DI SINAUT, TUTONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Cengkeram: $100.00.

Tarikh tutup: 8 Julai, 1987 (hari Rabu) jam 12.00 tengah hari.

Tempat tutup: Peti Tawaran Kecil, Kementerian Pembangunan.

Kelayakan pemborong: Kelas: "A", "B" atau "C" (Wiring).

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah di perolehi dari Perkhidmatan-Perkhidmatan Bangunan di Jabatan Pekhidmatan-Perkhidmatan Elektrik.

**BIL.: PPL/MTB/204/1987**

Tajuk kerja: PEMASANGAN ELEKTRIK UNTUK KLINIK PHC DI RAMBAI, TUTONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Cengkeram: $100.00.

Tarikh tutup: 8 Julai, (hari Rabu) jam 12.00 tengah hari.

Tempat tutup: Peti Tawaran Kecil, Kementerian Pembangunan.

Kelayakan pemborong: Kelas: "A", "B" atau "C" (Wiring).

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-Perkhidmatan Bangunan di Jabatan Pekhidmatan-Perkhidmatan Elektrik.

**BIL.: PPL/MTB/205/1987**

Tajuk kerja: PEMASANGAN ELEKTRIK UNTUK KLINIK PHC DI TELISAI, TUTONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Cengkeram: $100.00.

Tarikh tutup: 8 Julai, 1987 (hari Rabu) jam 12.00 tengah hari.

Tempat tutup: Peti Tawaran Kecil, Kementerian Pembangunan.

Kelayakan pemborong: Kelas: "A", "B" atau "C" (Wiring).

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-Perkhidmatan Bangunan di Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik.

**BIL.: PPL/MTB/196/1987**

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, yang beralamat Kementerian Pembangunan, Tingkat Satu, Bangunan Kementerian Pembangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tajuk: SUPPLY AND DELIVERY OF GLS LAMP BULBS.

Tarikh tutup: 22 Julai, 1987.

Cagaran: $200.00.

Dokumen-dokumen dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.

**BIL.: PPL/MTB/198/1987**

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, yang beralamat Kementerian Pembangunan, Bangunan Kementerian Pembangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tajuk: SUPPLY AND DELIVERY OF ASSORTED LAMP BULBS.

Tarikh tutup: 22 Julai, 1987.

Cagaran: $200.00.

Dokumen-dokumen dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.

**BIL.: PPL/MTB/199/1987**

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, yang beralamat Kementerian Pembangunan, Tingkat Satu, Bangunan Kementerian Pembangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tajuk: SUPPLY AND DELIVERY OF UPVC PIPES AND FITTINGS.

Tarikh tutup: 22 Julai, 1987.

Cagaran: $200.00.

Dokumen-dokumen dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.

# JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## DI DALAM PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam Perkhidmatan-Perkhidmatan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

1) PEGAWAI ISTILAH: (Bilangan Kod: 056 19–506)

(Di Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan)

**Tanggagaji:** C. 2 EB. 3 — $1450-$2270 sebulan.

**Kelayakan:**

a) i) Diploma dalam bidang yang berkaitan yang di iktiraf oleh Kerajaan.

ATAU

ii) Dua mata pelajaran Peringkat Lanjutan Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya. Mempunyai pengalaman dalam kerja-kerja bahasa tidak kurang dari tiga tahun.

ATAU

iii) Empat mata pelajaran dalam Sijil Am Peringkat Biasa atau 5 tahun pengalaman dalam bidang yang berkaitan dengannya.

b) Mempunyai inisiatif untuk merancang kerja-kerja bagi kemajuan dan perkembangan bahasa.

c) Dapat membaca dan menulis jawi dengan baik.

d) Menguasai bahasa Inggeris dan bahasa ketiga merupakan satu kelebihan.

**Tugas-tugas dan Tanggungjawab:**

a) Berkerjasama dalam menjayakan rancangan dan aktiviti cawangan.

b) Membimbing dan mengawas Penolong Pegawai Istilah.

c) Menjadi Setiausaha atau Penolong Setiausaha Jawatankuasa Istilah.

d) Berkerjasama dengan Pegawai Istilah Kanan atau Ketua Cawangan bagi mempastikan supaya Jawatankuasa Istilah bekerja mengikut kehendak Jawatankuasa Bahasa Melayu dan Rancangan Tahunan Cawangan serta Bahagian Pembinaan dan Pengembangan Bahasa.

e) Membantu persediaan daftar peristilahan.

f) Mengumpul data dan menyimpan rekod kemajuan Jawatankuasa Bahasa Melayu dan Jawatankuasa Istilah.

g) Membantu Setiausaha Jawatankuasa Tetap Bahasa Melayu.

h) Menjadi penceramah dalam kegiatan mengadakan taklimat/kursus/penerangan tentang istilah di dalam dan luar Dewan Bahasa dan Pustaka jika dikehendaki.

2) PENJADUAL: (Bilangan Kod: 093 08–320)

(Di Jabatan Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Kementerian Kewangan)

**Tanggagaji:** C. 2 EB. 3 — $1450-$2270 sebulan.

atau

C. 3 EB. 4 — $1990-$2620 sebulan.

**Kelayakan:**

a) Higher National Diploma dalam Computer Studies atau kursus yang sebanding dalam penjadualan (programming) bagi tempoh yang tidak kurang dari dua tahun akademik dan pengalaman bekerja adalah satu kelebihan.

ATAU

g) Ordinary National Diploma dalam Computer Studies atau kursus yang sebanding dalam penjadualan (programming) bagi tempoh tidak kurang dalam satu tahun akademik dan berpengalaman dalam penjadualan (programming) tidak kurang dari 5 tahun di sebuah syarikat/perbadanan dalam penggunaan bahasa komputer COBOL, IDMS, TME-TO dan RPG II.

ATAU

c) i) Sedang dan telah berkhidmat dengan Kerajaan dalam Bahagian III.

ii) Dua mata pelajaran Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran.

iii) Berpengalaman menjadual (programming) tidak kurang dari 5 tahun dan pandai menggunakan bahasa komputer COBOL, IDMS, TME-TO dan RPG II.

**Tugas-tugas dan Tanggungjawab:**

Membuat penjadualan (programming) dan juga membantu Sistem Penganalisaan dalam beberapa segi perkembangan sistem.

3) PENOLONG PEGAWAI LAUT:

(Bilangan Kod: 060 02–444)

(Di Jabatan Laut, Kementerian Perhubungan)

**Tanggagaji.** C. 1-2 EB. 3 — $1280-$2270 sebulan.

**Kelayakan:**

a) Berumur tidak kurang dari 34 tahun, dan mempunyai sekurang-kurangnya 18 tahun dalam perkhidmatan laut di mana sekurang-kurangnya 5 tahun berada di dalam kedudukan yang tidak rendah dari Serang Tingkat I atau lantikan yang sebanding.

b) Sijil Kecekapan sebagai Master Local Trade Ship.

c) Berpengalaman yang meluas mengenai perairan Negara Brunei Darussalam. Pengalaman dalam kerja-kerja pemanduan adalah merupakan satu kelebihan.

d) Mempunyai sifat kepimpinan dan berkemampuan untuk mengurus dan mengawasi kakitangan bawahan dalam pelaksanaan tugas-tugas mereka masing-masing. Boleh membaca laporan-laporan, senarai-senarai kerosakan dan rang untuk inden-inden bagi barang-barang simpan dan kerja-kerja membaiki.

**Tugas-tugas dan Tanggungjawab:**

Bertanggungjawab terhadap pengawasan harian alat-alat atas dek di dalam kapal-kapal besar dan kecil. Membantu mengawal bahagian atas dek dan menyediakan kakitangan atas dek untuk kapal-kapal besar dan kecil. Memeriksa kapal-kapal kerajaan yang besar dan kecil setiap minggu. Membantu pegawai laut dan kerja-kerja operasi laut.

4) PEGAWAI PERANGKAAN RENDAH:

(Di Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Perubatan, Kementerian Kesihatan)
(Bilangan Kod: 062 08–114)

**Tanggagaji:** C. 1-2-3 EB. 4 — $1280-$2620 sebulan.

**Kelayakan:**

a) i) Dua mata pelajaran Peringkat Lanjutan Sijil Am Pelajaran dan lulus Ilmu Hisab dalam Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya serta 3 tahun pengalaman dalam bidang perangkaan.

ATAU

ii) Empat mata pelajaran Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran serta 5 tahun pengalaman dalam bidang perangkaan.

ATAU

iii) Lulus Bahagian I dari Peperiksaan Institute of Statistician atau Sijil-sijil yang sebanding dengannya serta 3 tahun pengalaman dalam bidang perangkaan.

b) Boleh bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Inggeris dengan fasih.

**Tugas-tugas dan Tanggungjawab:**

Membantu sepenuhnya kepada Pegawai Rekod-rekod Perubatan untuk bekerja dalam pemungutan, pengumpulan, penyusunan dan maklumat data-data perangkaan dari Rumah Sakit dan Klinik Kesihatan seluruh negara untuk diproses bagi dihadapkan kepada Pengarah Perkhidmatan-perkhidmatan Perubatan.

5) PEGAWAI FOTO KANAN:

A) (Di Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan)

(Bilangan Kod: 056 16–313)

B) (Di Jabatan Muzium-Muzium, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan)

(Bilangan Kod: 068 16–313)

**Tanggagaji:** C. 2 EB. 3 — $1450-$2270 sebulan.

**Kelayakan:**

a) i) Higher National Certificate dalam bidang fotografi atau kelulusan yang sebanding dengannya.

ATAU

ii) Dua mata pelajaran Peringkat Lanjutan Sijil Am Pelajaran dan mempunyai 3 tahun pengalaman dalam bidang yang berkaitan dengannya.

ATAU

iii) Empat mata pelajaran Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran serta 5 tahun pengalaman dalam kerja-kerja penggambaran.

ATAU

iv) Sedang dan telah berkhidmat dengan Kerajaan sebagai Jurugambar atau jawatan-jawatan yang sebanding dengannya tidak kurang dari 10 tahun serta berkebolehan dan berkemahiran dalam kerja-kerja penggambaran.

b) Dapat menunjukkan hasil-hasil penggambaran yang baik dan bermutu.

**Tugas-tugas dan Tanggungjawab di Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka**

a) Mengetuai cawangan dan bertanggungjawab kepada Ketua Bahagian.

b) Menyelaras dan menyelia kerja-kerja penggambaran.

c) Berusaha meningkatkan mutu penggambaran kakitangan.

d) Mengadakan satu sistem simpanan gambar yang baik dan mudah.

e) Memelihara harta benda Cawangan.

f) Memberi perkhidmatan cawangan yang baik, cepat dan bermutu kepada yang memerlukan.

g) Bertanggungjawab terhadap disiplin dan prestasi kerja kakitangan Cawangan.

**Tugas-tugas dan Tanggungjawab di Jabatan Muzium-Muzium:**

a) Akan bertugas di Bahagian Pameran dan Perkhidmatan teknik Jabatan Muzium-Muzium Brunei dalam menyelia kerja-kerja photographic dalam jurusan mengatalog, mendaftar dan memelihara negatif-negatif koleksi Jabatan Muzium-Muzium Brunei.

b) Akan menjadi Pegawai Kanan dalam Bahagian penggambaran dan melakukan semua kerja bidang penggambaran.

6) PENOLONG PENYELIA ARKIB:

(Bilangan Kod: 056 19–129)

(Di Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan)

**Tanggagaji:** C. 2 EB. 3 — $1450-$2270 sebulan.

**Kelayakan:**

a) i) Higher National Certificate dalam bidang Arkib atau kelulusan yang sebanding dengannya.

ATAU

ii) Dua mata pelajaran Peringkat Lanjutan Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya serta 3 tahun pengalaman dalam kerja-kerja Arkib.

ATAU

iii) Empat mata pelajaran (tidak termasuk mata pelajaran lukisan) Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya serta 5 tahun pengalaman dalam kerja-kerja Arkib.

b) Boleh membaca dan menulis jawi dengan baik.

**Tugas-tugas dan Tanggungjawab:**

a) Mengetuai cawangan dan bertanggungjawab kepada Ketua Bahagian.

b) Bertanggungjawab kepada keselamatan dokumen dan harta benda Arkib.

c) Berusaha membantu mendapatkan bahan-bahan Arkib.

d) Menyediakan satu sistem rujukan yang baik dan mudah.

e) Memestikan perkhidmatan rujukan yang baik.

f) Bertanggungjawab terhadap disiplin dan prestasi kerja kakitangan.

g) Menyumbangkan penulisan bagi majalah terbitan Dewan.

**Am:**

Calon-calon yang berjaya bagi satu-satu jawatan yang dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa kehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir (shift) atau semasa cuti awam dan hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

**Peringatan:**

Pemohon-pemohon adalah dikehendaki mencatatkan nama jawatan serta Bilangan Kod yang bertentangan dengan jawatan yang dipohonkan di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan bilangan kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang bagi tiap-tiap satu jawatan yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup: 30 Julai, 1987.

( E/2400/81 )

(Bilangan Pendaftaran: 60/1987)

### PEPERIKSAAN ROYAL SOCIETY OF ARTS BAGI MUSIM AUTUMN (NOVEMBER 1987)

PERSEDIAAN-persediaan sedang dibuat bagi mengadakan Peperiksaan Mata Pelajaran Tunggal (Single Subject) Royal Society of Arts dalam bulan November, 1987 di pusat-pusat berikut:

1. Maktab Teknikal Sultan Saiful Rijal, Jalan Muara, Negara Brunei Darussalam.
2. Sekolah Rendah Delima Satu, Jalan Muara, Negara Brunei Darussalam.
3. Maktab Anthony Abell, Seria.
4. Sekolah Menengah Perdana Wazir, Kuala Belait.
5. Maktab Teknikal Jefri Bolkiah, Kuala Belait.

Di antara Mata Pelajaran yang ditawarkan ialah Book-keeping, Accounting, Shorthand, Typewriting, Commerce, English Language, Communicative Use of English as a Foreign Language (CUEFL) and Office Practice.

Borang-borang permohonan boleh diperolehi daripada Jabatan Peperiksaan, Kementerian Pelajaran, Negara Brunei Darussalam sewaktu pejabat dibuka.

Bayaran-bayaran peperiksaan adalah seperti berikut:—

| | | |
|---|---|---|
| PERINGKAT PERMULAAN | | |
| bagi tiap-tiap satu mata pelajaran | — | $50.00 |
| PERINGKAT MENENGAH | | |
| bagi tiap-tiap satu mata pelajaran | — | $55.00 |
| PERINGKAT TERTINGGI | | |
| bagi tiap-tiap satu mata pelajaran | — | $60.00 |
| BAHASA INGGERIS SEBAGAI BAHASA ASING: | | |
| Peringkat Permulaan | — | $65.00 |
| Peringkat Menengah | — | $70.00 |
| Peringkat Tertinggi | — | $75.00 |

Bayaran-bayaran peperiksaan hendaklah dibayar dengan wang tunai atau dengan cek kepada Jabatan Peperiksaan, Negara Brunei Darussalam.

Semua borang-borang kemasukan peperiksaan yang diisikan berserta dengan bayarannya hendaklah sampai ke Jabatan Peperiksaan, Negara Brunei Darussalam mulai 18 Jun, 1987 hingga 16 Julai 1987. Borang-Borang permohonan yang dihantar lewat dari tarikh yang disebutkan tidak akan dilayan.

# JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## TAWARAN MENGURUS KANTIN DAN KEDAI RUNCIT JERUDONG PARK

1. TAWARAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon bumiputera yang mempunyai lesen perniagaan untuk menyewa dan menguruskan kantin dan kedai runcit (Provision Shop) di Jerudong Park.

2. Tawaran adalah untuk tempoh TIGA tahun.

3. Borang tawaran hendaklah disertakan kenyataan lengkap seperti lesen perniagaan, pengalaman lalu serta senarai barang-barang makanan, minuman dan jenis-jenis masakan termasuk harganya. Bagi barang-barang kedai runcit tidaklah perlu diberi senarai nama-nama barang dan harga, tetapi jabatan ini akan sentiasa mengawasi barang-barang dan harga yang ditetapkan.

4. Pemohon hendaklah menyatakan kadar sewa yang ditawarkan.

5. Pemohon hendaklah membayar cagaran (deposit) sebanyak $300.00 tunai dan wang cagaran akan dikembalikan kepada pemohon yang tidak berjaya.

6. Pemohon yang berjaya dikehendaki menyediakan perkhidmatan seperti berikut : —

a. Khidmat menggunakan pelayan kantin (waiter service type)

b. Khidmat layan sendiri (self service counter)

c. Boleh menyediakan makanan dan minuman, bagi orang-orang kenamaan bila diperlukan.

d. Menyediakan makanan dan minuman yang ditanggung halal mengikut hukum Islam.

7. Pemohon yang berjaya tidak dibenarkan sama sekali menyewakan semula kepada orang lain dan jika didapati berbuat demikian kebenaran akan dibatalkan.

8. Pemohon yang berjaya dikehendaki menjalankan perkhidmatan dari 0700 pagi hingga 1000 malam.

9. Pemohon yang berjaya dikehendaki menyediakan pelayan yang cukup dan berpakaian seragam serta bersopan santun bila melayan pelanggan.

10. Pemohon yang berjaya adalah bertanggungjawab ke atas kebersihan dan keselamatan termasuk kawasan dan perkakas kantin.

11. Pemohon yang berjaya mestilah membayar bekalan air, elektrik dan telefon yang digunakan.

12. Alat-alat perkakas seperti dapur, peti sejuk, meja dan kerusi dan lain-lain kemudahan asas adalah disediakan.

13. Pemohon adalah dibenarkan untuk melawat dan melihat bangunan dan kawasan kantin ini pada waktu bekerja dengan menghubungi Kuartermaster Jerudong Park.

14. Segala tawaran hendaklah dialamatkan kepada :

Pengerusi
Lembaga Tawaran
Kementerian Kewangan
Tingkat 4
Jalan James Pearce
Bandar Seri Begawan
Negara Brunei Darussalam.

15. Permohonan akan ditutup pada 6 Julai, 1987.

16. Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke peti tawaran yang terletak di tingkat 4, Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan sehingga jam 1200 tengah hari, hari Isnin 6 Julai, 1987.

17. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang paling rendah atau lain-lain tawaran.

## KENYATAAN TAWARAN JABATAN STOR DAN PERBEKALAN NEGARA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, di Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 20 Julai, 1987 bagi membekalkan perkara di bawah untuk Jabatan Stor dan Perbekalan Negara :

**TAWARAN BIL. 41/1987**

1. Tyre, Yokohama, Model : Y98, 10.00 x 20 — 14 Ply — 100 Nos
2. Tyre, Yokohama, Model : Y20, 10.00 x 20 16 Ply — 100 Nos
3. Tyre, Yokohama, Model : Y67, 16.00 x 25 — 28 Ply — 12 Nos
4. Tyre Tubeless 17.5 x 25–, 12 Ply, "SGL" or Equivalent — 50 Nos
5. Tyre Tubeless Michelin Model : XZX 185 SR x 14 — 300 Nos
6. Tyre Tubeless Yokohama Model : Y884, 195/70HR x 14 — 100 Nos
7. Tyre, Tubeless Michelin, Model : XWX, 205/70 x 14 — 100 Nos

**TAWARAN BIL. 42/1987**

1. Liquid chlorine to BS23947 : 1976 Packed in 1,000 Kilos Drum

Analysis : Chlorine Content (Minimum) — 99.5%
Water Content (maximum) — 100 Mg/Kg
Residue on Evaporated — 200 Mg/Kg
Nitrogen Trichloride — 0.007%

Quantity : 150 Drums

Delivery : To be supplied in monthly shipment of 12 drums w.e.f. January 1987.

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran boleh diperolehi dari Jabatan Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

## DI DALAM PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KERAJAAN

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam Perkhidmatan-Perkhidmatan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

1. a) PEMANDU TINGKAT KHAS

(Bilangan Kod: 002 98 — 502)

(Di Jabatan Adat Istiadat, Jabatan Perdana Menteri)

b) PEMANDU KERETA TINGKAT KHAS

i) (Di Jabatan Penyiaran dan Penerangan Bahagian Penyiaran, Jabatan Perdana Menteri)

(Bilangan Kod: 009 98 — 506)

ii) (Di Jabatan Muzium-Muzium, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan)

(Bilangan Kod: 068 98 — 506)

**Tanggagaji :** E. 2-3 EB. 4 — $590-$875 sebulan.

Kelayakan :

a) Berumur di antara 30 hingga 45 tahun serta boleh menulis dan membaca.

b) Berpengalaman sebagai Pemandu tidak kurang dari 10 tahun yang mana 5 tahun daripadanya sebagai Pemandu Tingkat (I) satu.

c) Mempunyai lesen memandu Kelas 3 dan 5 yang dan tidak pernah didakwa kerana kesalahan-kesalahan memandu serta boleh membaiki kerosakan-kerosakan kecil.

d) Berpengalaman memandu semua jenis kenderaan adalah merupakan satu kelebihan.

2. OPERATOR TELEFON/ RECEPTIONIST

(Bilangan Kod: 002 39 — 417)

(Di Jabatan Adat Istiadat, Jabatan Perdana Menteri)

**Tanggagaji :** E. 1-2-3 EB. 4 — $515-$875 sebulan.

**Kelayakan :**

a) i) Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya.

ATAU

ii) Sedang dan telah berkhidmat dengan Kerajaan serta berpengalaman sebagai Penyambut Tetamu/Telefon Operator tidak kurang dari 3 tahun.

b) Boleh bertutur dalam Bahasa Melayu dan Inggeris.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab :

Selain daripada menjadi Penyambut Tetamu, calon-calon yang berjaya akan juga dikehendaki membantu kerja-kerja pejabat jika diperlukan.

3. PENGHANTAR SAMAN

(Bilangan Kod: 112 37 — 051)

(Di Kementerian Hal Ehwal Ugama)

Tanggagaji : E. 1-2-3 EB. 4 — $515-$875 sebulan.

**Kelayakan :**

a) Umur 18 tahun ke atas.

b) i) Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya.

ATAU

ii) Berpengalaman dalam kerja-kerja penghantaran saman dalam perkhidmatan Kerajaan tidak kurang dari 2 tahun.

Am :

Pemohon-pemohon yang berjaya bagi satu-satu jawatan yang dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

Peringatan :

Pemohon-pemohon adalah diingatkan supaya mencatatkan nama jawatan serta bilangan kod di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan bilangan kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya, dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA. Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup: **23 Julai, 1987.**

(Bilangan Pendaftaran : 70/1987)

(E/1835/76)

## DI DALAM MAHKAMAH PEGAWAI PENGUASA WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN

### No. 133/1987

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh Haji Abd. Rahman bin Haji Hussin kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang dipunyai oleh Haji Hussin bin Abdullah @ Haji Metussin yang telah meninggal dunia di dalam Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah anak kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengar di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan, pada 7 Julai, 1987 jam 10.15 pagi.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pesaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Waris Bandar Seri Begawan sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Betarikh 20 Jun, 1987.

### No. 102/1987

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh Haji Abd Latif bin Adi kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang dipunyai oleh Adi bin Dato Bandar yang telah meninggal dunia di dalah Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah anak kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengar di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 7 Julai, 1987 jam 9.45 pagi.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pesaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Waris Bandar Seri Begawan sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Bertarikh 17 Jun, 1987.

### No. 128/1987

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh Wong Soi Pau @ Wong Hui Ming kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang dipunyai oleh Pang Shu Nyen yang telah meninggal dunia di Malaysia dengan sebab iaitu si pemohon ialah balu kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengar di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan, pada 7 Julai, 1987 jam 9.00 pagi.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pesaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Waris Bandar Seri Begawan sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Bertarikh 15 Jun, 1987.

### No. 327/1984

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah di perbuat oleh Rasiah binti Safar kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang dipunyai oleh Haji Abdul Aziz bin Haji Ibrahim @ A. Brahim yang telah meninggal dunia di dalam Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah balu kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengar di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 7 Julai, 1987 jam 10.45 pagi.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pesaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Waris, Bandar Seri Begawan sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Bertarikh 23 Jun, 1987.

### No. 28/1987

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh Minah binti Hj. Samat kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang dipunyai oleh Jumat bin Haji Samat yang telah meninggal dunia di dalam Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah adik-beradik kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengar di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 7 Julai, 1987 jam 10.00 pagi.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pesaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Waris Bandar Seri Begawan sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Bertarikh 18 Jun, 1987.

### No. 98/1987

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh Yong Kim Liong kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang dipunyai oleh Yok Fok Hing yang telah meninggal dunia di dalam Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah anak kepada si mati

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengar di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan, pada 7 Julai, 1987 jam 9.30 pagi.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pesaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Waris Bandar Seri Begawan sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Bertarikh 17 Jun, 1987.

## KENYATAAN TAWARAN JABATAN PENGANGKUTAN DARAT

TAWARAN adalah dipelawa daripada yang berkeinginan untuk mendapatkan nombor pendaftaran Siri **BJ 2001** hingga BJ 2500.

Tawaran tersebut hendaklah dikembalikan kepada Jabatan Pengangkutan Darat Brunei, Jalan Gadong/Kuala Belait dengan menyatakan butir-butir berikut : —

i) Nombor pendaftaran yang dipohonkan.
ii) Harga Tawaran
iii) Nama Penuh dan Alamat
iv) Nombor Kad Pengenalan dengan menyertakan wang bayaran perkhidmatan sebanyak $25.00 bagi tiap-tiap satu tawaran.

Borang tawaran hendaklah dihantar dengan menggunakan sampul surat berukuran 4" × 9" dan catatan perkataan "TAWARAN NOMBOR PENDAFTARAN" di bahagian atas/kiri sampul surat tersebut.

Harga tawaran yang ditawarkan hendaklah tidak kurang dari $100.00 (Satu Ratus Ringgit Sahaja) bagi tiap-tiap tawaran.

Borang Tawaran dan butir-butir mengenai perkara ini boleh didapati daripada Jabatan Pengangkutan Darat Brunei Jalan Gadong/Kuala Belait.

Tawaran ditutup pada 13 Julai, 1987 jam 12.00 tengah hari.

| BJ | BJ |
|---|---|
| 2002 | 2266 |
| 2020 | 2277 |
| 2100 | 2288 |
| 2112 | 2299 |
| 2121 | 2300 |
| 2200 | 2323 |
| 2211 | 2332 |
| 2222 | 2400 |
| 2233 | 2424 |
| 2244 | 2442 |
| 2255 | 2500 |

# KENYATAAN DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## TAWARAN JABATAN KERJA RAYA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

### BIL: JKR 206 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'A' sahaja untuk:

PROJEK No.: AD524/0501
KOMPLEKS KUARTERMASTER, BATTALION PERTAMA, ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI, BERAKAS, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 9 Julai, 1987.
Tarikh tutup: 13 Julai, 1987.
Cagaran tawaran: $1,000.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 207 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'A' sahaja untuk:

PROJEK No.: 87AW/13700
PEMBINAAN PAM-PAM, TANGKI-TANGKI DAN SALURAN PAIP BAGI BEKALAN AIR DARI KAMPONG KENUA KE KAMPONG TEMADA, TEMBURONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 9 Julai, 1987.
Tarikh tutup: 13 Julai, 1987.
Cagaran tawaran: $1,000.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 208 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: AD527/0401
KOMPLEKS KUARTERMASTER, ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI, MUARA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 9 Julai, 1987.
Tarikh tutup: 13 Julai, 1987.
Cagaran tawaran: $500.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 209 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong dan Pembekal-pembekal untuk:

PROJEK No.: 87AW/28700
MEMBEKALKAN DUA (2) UNIT JET-PAC BULK TRANSPORT TANKER 10,000 KG. CAPACITY TANK MOUNTED.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 2 Julai, 1987.
Tarikh tutup: 6 Julai, 1987.
Cagaran tawaran: $200.00.

### BIL: JKR 210 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong dan Pembekal-pembekal untuk:

PROJEK No.: 87AW/28700
MEMBEKALKAN DUA (2) UNIT SEWA JETTING CLEANER 5,000 LITRES TRUCK MOUNTED.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 2 Julai, 1987.
Tarikh tutup: 6 Julai, 1987.
Cagaran tawaran: $200.00.

### BIL: JKR 211 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 87AB/000934
MEMBAIKI SEPENUHNYA, MENCAT SEMULA DAN MENUKAR ATAP KOMPLEKS SEKOLAH YANG SEDIA ADA DI SEKOLAH RENDAH ORANG KAYA BESAR IMAS, JALAN SUBOK, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 4 Julai, 1987. Tarikh tutup: 8 Julai, 1987.
Cagaran tawaran: $200.00.

### BIL: JKR 212 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong dan Pembekal-pembekal Am untuk:

PROJEK No.: 87AB/001008
MENGADAKAN SARUNG TILAM UNTUK JABATAN KERJA RAYA BAHAGIAN PERABOT SELAMA LAPAN BELAS BULAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 4 Julai, 1987.
Tarikh tutup: 8 Julai, 1987.
Cagaran tawaran: $100.00.

### BIL: JKR 213 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 87AB/PTN040
PEMBINAAN STOR BAGI STESEN PEJABAT PERTANIAN PUNI, TEMBURONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 4 Julai, 1987.
Tarikh tutup: 8 Julai, 1987.
Cagaran tawaran: $100.00 + $100.00 (lukisan).

### SYARAT-SYARAT TAWARAN

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran sama ada kepada alamat di bawah seperti dikehendaki dan dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.

   (a) Pengerusi Lembaga Tawaran,
   Tingkat Tiga, Bangunan Kementerian Kewangan,
   Jalan James Pearce,
   Bandar Seri Begawan.

   Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tiap-tiap hari Isnin (seperti tarikh yang ditetapkan)

   ATAU

   (b) Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil
   Tingkat Satu, Bangunan Kementerian Pembangunan,
   Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas,
   Bandar Seri Begawan.

   Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tiap-tiap hari Rabu (seperti tarikh yang ditetapkan)

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

3. Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang tertutup rapi (sealed) dengan menyatakan Tajuk Projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan dihantar kepada alamat di para satu menurut arahan yang dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.

4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan.

5. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yagg jujur (bona-fide tender).

6. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam kelas yang ditetapkan.

7. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.

8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

### BIL: JKR 214 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 87AB/PDP003
MENGUBAHSUAI BILIK BERITA DI BANGUNAN RADIO DAN TELEVISYEN BRUNEI, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 4 Julai, 1987. Tarikh tutup: 8 Julai, 1987.
Cagaran tawaran: $100.00.

### BIL: JKR 215 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 87AB/000939
MEMBAIKI DAN MENCAT SEMULA KESELURUHAN PUSAT PERKEMBANGAN KURIKULUM, JABATAN PELAJARAN, JALAN BERAKAS, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 4 Julai, 1987. Tarikh tutup: 8 Julai, 1987.
Cagaran tawaran: $100.00.

### BIL: JKR 216 TAHUN 1987

TAWARAN-Tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 87AB/000940
MEMBAIKI DAN MENCAT SEMULA KESEMUA BANGUNAN YANG SEDIA ADA BAGI SEKOLAH RENDAH PG MUDA MAHKOTA, KUALA TUTONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 4 Julai, 1987.
Tarikh tutup: 8 Julai, 1987.
Cagaran tawaran: $100.00.

### BIL: JKR 217 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "A" sahaja untuk:

PROJEK No.: AR507/2000
KERJA-KERJA MEMPERBAIKI JALAN-JALAN KAMPUNG—JALAN BERIBI, JALAN LAMBAK KANAN, JALAN LAMBAK KIRI, JALAN KAMPONG KIANGGEH DAN JALAN KAMPONG BARANGAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 9 Julai, 1987.
Tarikh tutup: 13 Julai, 1987.
Cagaran tawaran: $1,000.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 218 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 87AB/000935
MEMBAIKI DAN MENCAT SEMULA KESELURUHAN ASRAMA PENUNTUT JURURAWAT, RUMAH PANGSA PUSAT LATIHAN JURURAWAT DAN PUSAT LATIHAN KULIAH JURURAWAT YANG SEDIA ADA DI KIULAP, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 9 Julai, 1987.
Tarikh tutup: 13 Julai, 1987.
Cagaran tawaran: $500.00.

### BIL: JKR 219 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: AR507/2200
MEMBEKAL DAN MENGHANTAR BATU-BATU PECAH BAGI JALAN-JALAN DAERAH DI KAWASAN JERUDONG, DAERAH BRUNEI/MUARA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 9 Julai, 1987.
Tarikh tutup: 13 Julai, 1987.
Cagaran tawaran: $500.00.

### BIL: JKR 220 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 87AD/ABD/P1
PEMBINAAN DAN PENYIAPAN STESEN MINYAK YANG BARU DI PERKHEMAHAN BERAKAS, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 16 Julai, 1987.
Tarikh tutup: 20 Julai, 1987.
Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 221 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong yang pakar untuk:

PROJEK No.: AD429/0401
KONTRAK BAGI ALAT-ALAT KAJICUACA YANG BARU BAGI PEMBESARAN KEMUDAHAN ANGKATAN UDARA DIRAJA BRUNEI, DI LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA BRUNEI, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 18 Julai, 1987.
Tarikh tutup: 22 Julai, 1987.
Cagaran tawaran: $500.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 222 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Elektrik Kelas "A" & "B" untuk:

PROJEK No.: 84AB/DTM001
PEMASANGAN ELEKTRIK DAN PENCEGAH KEBAKARAN BAGI KEDIAMAN PEGAWAI DAERAH TEMBURONG DAN DEWAN SANTAPAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 18 Julai, 1987.
Tarikh tutup: 22 Julai, 1987.
Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 223 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Elektrik Kelas "A" & "B" untuk:

PROJEK No.: AD411/0305
PEMASANGAN ELEKTRIK DAN PENCEGAH KEBAKARAN BAGI IBU SAWAT TELEKOM, BANGAR, TEMBURONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 18 Julai, 1987.
Tarikh tutup: 22 Julai, 1987.
Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 224 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pembekal-pembekal untuk:

PROJEK No.: 87AW/25600
PROJEK RINTIS PEMBUANGAN SAMPAH KAMPONG AYER: TONG SAMPAH BERGERAK DAN TONG SAMPAH DI RUMAH-RUMAH, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 18 Julai, 1987. Tarikh tutup: 22 Julai, 1987.
Cagaran tawaran: $200.00 + $15.00 (lukisan)

# KENYATAAN DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## TAWARAN JABATAN KERJA RAYA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

### BIL: JKR 225 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pembekal-pembekal untuk :

PROJEK No. : 87AW/25600
PROJEK RINTIS PEMBUANGAN SAMPAH KAMPONG AYER : PEDATI KUASA ELEKTRIK, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 18 Julai, 1987.

Tarikh tutup : 22 Julai, 1987.
Cagaran tawaran : $200.00 + $15.00 (lukisan)

### BIL: JKR 226 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pembekal-pembekal untuk :

PROJEK No. : 87AW/25600
PROJEK RINTIS PEMBUANGAN SAMPAH KAMPONG AYER : TRAK SAMPAH, KEMUDAHAN BEKAS ANGKUT, BEKAS DAN PASANGAN JENANGKUT BOT, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 18 Julai, 1987.

Tarikh tutup : 22 Julai, 1987.
Cagaran tawaran : $200.00 + $20.00 (lukisan)

### BIL: JKR 227 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Elektrik Kelas "A" untuk :

PROJEK No. : AD519/2301
PEMASANGAN ELEKTRIK BAGI TAMBAHAN BANGUNAN JABATAN PELAJARAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 18 Julai, 1987.

Tarikh tutup : 22 Julai, 1987.
Cagaran tawaran : $500.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 228 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Hawa Dingin Kelas "A" untuk :

PROJEK No. : AD519/2301
PEMASANGAN HAWA DINGIN BAGI TAMBAHAN BANGUNAN JABATAN PELAJARAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 18 Ju'ai, 1987.

Tarikh tutup : 22 Julai, 1987.
Cagaran tawaran : $500.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 229 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong yang pakar untuk :

PROJEK No. : AD519/2301
PEMASANGAN LIF BAGI TAMBAHAN BANGUNAN JABATAN PELAJARAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 18 Julai, 1987.

Tarikh tutup : 22 Julai, 1987.
Cagaran tawaran : $500.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 230 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk :

PROJEK No. : 87AW/03500
PEMASANGAN PAIP AIR 200MM GARIS PUSAT A.C. SEPANJANG JALAN TUTONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 18 Julai, 1987.

Tarikh tutup : 22 Julai, 1987.
Cagaran tawaran : $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 231 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk :

PROJEK No. : 87AB/PTN044
MEMBEKAL DAN MENGHANTAR TANAH YANG DILULUSKAN BAGI TAPAK RUMAH TERNAKAN DAN JALAN RAYA DI STESEN PERTANIAN MENTIRI DI KM16 JALAN KOTA BATU, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 18 Julai, 1987.

Tarikh tutup : 22 Julai, 1987.
Cagaran tawaran : $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 232 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk :

PROJEK No. : AR507/2200
PEMBINAAN PARIT DAN BEBENDUL JALAN KIULAP DARI LEBUHRAYA KE PASAR, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 18 Julai, 1987.

Tarikh tutup : 22 Julai, 1987.
Cagaran tawaran : $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: JKR 233 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk :

PROJEK No. : 87AR/03000
KONTRAK PENGGAL SATU TAHUN — MEMBEKAL DAN MENGHANTAR PASIR PANTAI DI PADANG PERMAINAN GOLF PANTAI MENTIRI, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 18 Julai, 1987.

Tarikh tutup : 22 Julai, 1987.
Cagaran tawaran : $200.00.

### BIL: JKR 234 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran ada'ah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk :

PROJEK No. : 87AB/PEL044 & 87AB/PEL045
KERJA-KERJA MEMBAIKI PADANG PERMAINAN SEKOLAH RENDAH BOKOK DAN SEKOLAH RENDAH LABU ESTATE, TEMBURONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 18 Julai, 1987.

Tarikh tutup : 22 Julai, 1987.
Cagaran tawaran : $100.00.

### BIL: JKR 235 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk :

PROJEK No. : 87AB/17300
MENGATAP DAN MENCAT SEMULA RUMAH GURU BESAR, SEKOLAH ARAB LELAKI, DI JALAN TUTONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 18 Julai, 1987.

Tarikh tutup : 22 Julai, 1987.
Cagaran tawaran : $100.00.

### BIL: JKR 236 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran ada'ah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk :

PROJEK No. : 87AB/LET001
MEMBAIKI DAN MENGUBAHSUAI STESEN TENAGA DIESEL LAMA GADONG, JALAN GADONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 18 Julai, 1987.

Tarikh tutup : 22 Julai, 1987.
Cagaran tawaran : $100.00 + $100.00 (lukisan).

## PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN LAUT KEMENTERIAN PERHUBUNGAN

1. PEMBERITAHUAN TAWARAN BIL. : JL/15/1987
   Tawaran-tawaran akan diterima dari limbungan kapal kategori MEA Kelas 2 dan 3 atau dari limbungan kapal lain yang berkebo!ehan bagi DRYDOCKING AND REPAIR OF PILOT VESSEL SERI BANDAR, Jabatan Laut, Kementerian Perhubungan, Negara Brunei Darussalam.
   Cagaran tawaran : $100.00.
2. PEMBERITAHUAN TAWARAN BIL. : JL/16/87
   Tawaran-tawaran akan diterima dari limbungan kapal kategori MEA Kelas 2 dan 3 atau dari limbungan kapal la n yang berkebo!ehan bagi DRYDOCKING AND REPAIR OF PILOT VESSEL SERI ALAN, Jabatan Laut, Kementerian Perhubungan, Negara Brunei Darussalam.
   Cagaran tawaran : $100.00.
3. Dokumen-dokumen tawaran dan syarat am kontrak boleh d perolehi dari Pejaba. Pengarah Laut, Kementerian Perhubungan, Negara Brunei Darussalam setelah membayar cagaran seperti yang dinyatakan.
4. Tarikh tutup : 22 Julai 1987 jam 3.00 petang.

## JABATAN PENERBANGAN AWAM KEMENTERIAN PERHUBUNGAN

1. TAWARAN adalah dipelawa dari pemborong-pemborong yang berkebolehan dalam kerja-kerja pembersihan bagi PEMBERSIHAN HARIAN KOMPLEKS TERMINAL LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA bagi tempoh dua tahun.
2. Lawatan bagi maksud melihat kawasan berkenaan akan dibuat pada 20 Julai, 1987 jam 10.00 pagi. Semua pemborong adalah diminta berkumpul di Pejabat Pembantu Pengurus Lapangan Terbang pada tarikh ditetapkan. Semua pemborong adalah dimestikan hadir bagi lawatan tersebut. Tawaran dari pemborong-pemborong yang tidak hadir pada hari lawatan tersebut mungkin tidak akan diterima
3. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari pejabat Pengarah Penerbangan Awam Tingkat 4, Bangunan Operation, Lapangan Terbang Antarabangsa, Negara Brunei Darussalam dengan cagaran $200.00.
4. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup, ditulis dengan

   TAWARAN BAGI PEMBERSIHAN HARIAN KOMPLEKS TERMINAL LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA

   Bilangan Tawaran : JPA/TB/1/87

   tanpa menunjukkan identiti pemborong dan ditujukan kepada :

   Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil
   Kementerian Perhubungan
   Tingkat 1, Bangunan Sekretariat,
   Jalan Elizabeth II,
   Bandar Seri Begawan,
   Negara Brunei Darussalam.

   Tidak lewat jam 3.00 petang pada hari Rabu 5 Ogos, 1987.
5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN JPn. 14/1987 KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PEMBORONG - pemborong adalah dipelawa untuk menghantarkan tawaran-tawaran mereka kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Tingkat Satu Bangunan Kementerian Hal Ehwal Ugama, Jalan Elizabeth II, Bandar Seri Begawan hingga jam 3.00 petang hari Rabu 8 Julai, 1987 untuk membekalkan perkara berikut bagi Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan:—

i) Almari penuntut ukuran 6″x3′x5′ — 50 buah
ii) Kerusi/meja penuntut — 150 buah

2. Penerangan-penerangan lanjut boleh d dapati dari Pengetua maktab yang berkenaan dan tawaran hendaklah d hantar melalui sampul surat yang tertutup tanpa menunjukkan identiti pemborong dan di luar sampul surat hendaklah ditanda dengan perkara "TAWARAN MEMBEKALKAN ALMARI DAN KERUSI/MEJA PENUNTUT, MAKTAB PERGURUAN UGAMA SERI BEGAWAN."

3. Tawaran-tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan di atas, tidak akan dilayan.

4. Jika pemborong-pemborong ingin mendapatkan penerangan-penerangan lanjut, maka Pengetua Maktab yang berkenaan bolehlah dihubungi di pejabatnya, Batu 1½, Jalan Tutong.

5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat bagi menerima tawaran yang tinggi atau sebarang tawaran yang tidak munasabah.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN IMIGRESEN DAN PENDAFTARAN KEBANGSAAN

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa daripada Firma-Firma tempatan yang berdaftar dengan Pejabat Pendaftaran Perniagaan, Jabatan Undang-Undang, Negara Brunei Darussalam untuk membekal kepada Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Brunei.

20,000 KEPING RIGID-FLEX CLEAR PLASTIC SHEET UKURAN 9″ × 13½″ × .012″ TEBAL UNTUK MELAPIS KAD PENGENALAN.

2. Penawar-penawar hendaklah menyatakan:—

i) Tempoh pembekalan.
ii) Harga tiap-tiap sekeping C.I.F. Bandar Seri Begawan termasuk cukai Kastam dan belanja pengangkutan.
iii) Tempoh sah harga tawaran (validity of tender price).
iv) Negeri asal (country of origin).

3. Tawaran-tawaran hendaklah dikemukakan di dalam sampul surat yang tertutup dan berlak (sealed). Di sebelah atasnya hendaklah ditanda dengan perkataan "TAWARAN MEMBEKAL PLASTIK UNTUK JABATAN IMIGRESEN" dan hendaklah dialamatkan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Negara Brunei Darussalam. Sampul surat itu hendaklah dimasukkan di dalam Peti Tawaran yang terletak di Tingkat Empat, Bangunan Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan sehingga jam 12.00 tengah hari,, hari Isnin, 20 Julai, 1987.

4. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat untuk menerima tawaran yang termurah atau seumpamanya,

# KENYATAAN DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## TAWARAN JKR, KUALA BELAIT

### SYARAT-SYARAT TAWARAN

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran sama ada kepada alamat di bawah seperti dikehendaki dan dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.
   (a) Pengerusi Lembaga Tawaran,
   Tingkat Tiga, Bangunan Kementerian Kewangan,
   Jalan James Pearce,
   Bandar Seri Begawan.

   Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tiap-tiap hari Isnin (seperti tarikh yang ditetapkan)

   ATAU

   (b) Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil
   Kementerian Pembangun n,
   Tingkat Satu, Bangunan Kementerian Pembangunan,
   Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas,
   Bandar Seri Begawan.

   Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tiap-tiap hari Rabu (seperti tarikh yang ditetapkan)
2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang tertutup rapi (sealed) dengan menyatakan Tajuk Projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan dihantar kepada alamat di para satu menurut arahan yang dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.
4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait.
5. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).
6. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam kelas yang ditetapkan.
7. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.
8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

## BIL: JKR KB 33 TAHUN 1987

TAWARAN-Tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "A" untuk:

PROJEK No. : AD519/4501

CADANGAN IBU PEJABAT JABATAN KERJA RAYA, KUALA BELAIT PERINGAKAT I — FILING AND FOUNDATION.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan bo'eh dilihat dan didapati di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 2 Julai, 1987.

Tarikh tutup : 6 Julai, 1987.

Cagaran tawaran : $1,000.00 + $100.00 (lukisan).

## BIL: JKR KB 34 TAHUN 1987

TAWARAN-Tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'C' untuk :

PROJEK : KONTRAK PENGGAL BAGI PEMELIHARAAN ELEKTRIK DAN KERJA-KERJA MEMPERBAIKI.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan bo'eh dilihat dan didapati di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 4 Julai, 1987.

Tarikh tutup : 8 Julai, 1987.

Cagaran tawaran : $100.00.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN KEMENTERIAN PELAJARAN

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa bagi PEMELIHARAAN SISTEM SUPERMINI PRIME COMPUTER INSTITUT TEKNOLOGI BRUNEI/MAKTAB TEKNIK SULTAN SAIFUL RIJAL.

2. Dokumen tawaran dan penerangan lanjut boleh didapati dari Pejabat Pengarah Institut Teknologi Brunei, Jalan Muara sewaktu pejabat dibuka.
3. Mereka yang berminat untuk memberikan tawaran dikehendaki membayar wang cagaran sebanyak $100.00 tunai sewaktu mengambil dokumen tawaran. Cagaran ini akan dikembalikan kepada mereka yang tidak berjaya setelah mereka menghantar tawaran yang jujur.
4. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang ditutup tanpa menunjukkan identiti pembekal dan ditanda dengan :

| Bil. Tawaran | Keterangan |
|---|---|
| ITB/ 7/87 | Pemeliharaan Sistem Supermini Prime Computer, Institut Teknologi Brunei / Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal. |

5. Tawaran-tawaran hendaklah dialamatkan kepada :
   Pengerusi,
   Lembaga Tawaran Kecil,
   Tingkat Satu,
   Kementerian Pelajaran,
   Jalan Lapangan Terbang Lama,
   Berakas,
   Negara Brunei Darussalam.
6. Tarikh tutup tawaran ialah pukul 3.00 petang hari Khamis 16 Julai, 1987.
7. Pembekal-pembekal yang tidak mempunyai penerangan yang lengkap atau yang diterima lewat dari masa dan tarikh yang ditetapkan tidak akan dilayan.
8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat bagi menerima tawaran yang termurah atau lain-lain tawaran.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN TELEKOM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

BILANGAN RANCANGAN P4D0106/87

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa daripada pemborong-pemborong Kelas A atau B yang berdaftar dengan Jabatan Telekom.

2. Tawaran-tawaran ini ialah bagi pemasangan/pembinaan Manholes, Laying Ducts and Cables and Erecting Cabinets and Distribution Poles.

3. Tawaran-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Negara Brunei Darussalam di Bangunan Sekretariat (Kementerian Perhubungan) di Jalan Elizabeth, Bandar Seri Begawan, tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Rabu 22 Julai, 1987.

4. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar di dalam sampul surat biasa dan hendaklah bertutup bertanda "SALAR — JALAN MUARA CONSTRUCTION OF MANHOLES, LAYING CONDUITS AND CABLES".

5. Dokumen-dokumen tawaran serta penerangan lanjut boleh diperolehi dari pejabat Pengarah Telekom, Jalan Istana Darussalam, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam dengan cagaran tawaran $1,000.00 yang akan dikembalikan kepada setiap tawaran yang tidak berjaya. Cagaran tawaran akan menjadi milik kerajaan bagi pemborong yang gagal menghantar sebarang tawaran.

6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang termurah atau sebarang tawaran.

7. Perbincangan bersama dengan wakil Pengarah di tempat pemasangan/pembinaan adalah satu syarat yang dimestikan bagi tawaran dan bakal pemborong-pemborong pada jam 10.00 pagi hari Rabu, 8 Julai, 1987 di Ibusawat Telefon Baharu Salar, Kampong Salar, Negara Brunei Darussalam. Tawaran-tawaran tidak akan diterima dari pemborong-pemborong yang tidak hadir bagi perbincangan bersama di tempat pemasangan/pembinaan.

## TAWARAN JABATAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN ELEKTRIK

BIL. : PPL/MTB/222/1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Menanam Kabel yang berdaftar Kelas 'A' dan 'B' sahaja, yang akan diterima oleh Lembaga Tawaran Mini Tender yang beralamat di Bangunan Pejabat Setiausaha Tetap (Teknikal), Tingkat 3, Bangunan Kementerian Pembangunan, Lapangan Terbang Lama, Berakas sehingga jam 12.00 tengah hari, hari Selasa 14 Julai, 1987 bagi kerja-kerja berikut:—

ELECTRICITY SUPPLY TO LAND FOR LANDLESS CITIZEN SCHEME AT KAMPONG TUNGKU — PART II.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan - Perkhidmatan Elektrik, di Lapangan Terbang Lama, Berakas, Negara Brunei Darussalam.

Deposit (cengkeram) untuk tawaran tersebut adalah $100.00.

BIL. : PPL/MTB/212/1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Menanam Kabel yang berdaftar Kelas 'A', 'B' dan 'C' sahaja, yang akan diterima oleh Lembaga Tawaran Mini Tender yang beralamat di Bangunan Pejabat Setiausaha Tetap (Teknikal), Tingkat 3, Bangunan Kementerian Pembangunan, Lapangan Terbang Lama, Berakas sehingga jam 12.00 tengah hari, hari Rabu 22 Julai, 1987 bagi kerja-kerja berikut :—

KERJA-KERJA PEMELIHARAAN BAGI MEMBERSIHKAN KAWASAN PEJABAT MUARA BARU, BARIK BARU DAN STESEN 66KV BARU.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan - Perkhidmatan Elektrik, di Lapangan Terbang Lama, Berakas, Negara Brunei Darussalam.

Deposit (cengkeram) untuk tawaran tersebut adalah $100.00.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN INSTITUT TEKNOLOGI BRUNEI

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa untuk membekalkan alat-alatan kursus ELECTRICAL AND ELECTRONIC ENGINEERING INSTITUT TEKNOLOGI BRUNEI.

2. Dokumen tawaran dan penerangan lanjut boleh didapati dari Pejabat Pengarah, Institut Teknologi Brunei, Jalan Muara, sewaktu pejabat dibuka.
3. Mereka yang berminat untuk memberikan tawaran dikehendaki membayar wang cagaran sebanyak $100.00 tunai bagi setiap tawaran sewaktu mengambil dokumen tawaran. Cagaran ini akan dikembalikan kepada mereka yang tidak berjaya setelah mereka menghantar tawaran yang jujur.
4. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang ditutup tanpa menunjukkan identiti pembekal dan ditanda dengan :

| Bil. Tawaran | Keterangan |
|---|---|
| ITB/ 8/87 | Centre Lather 3½" or 150 m.m. Centre Height. 2'–0" or 610 m.m. Between Centres Minimum. Back-Geared, Sliding, Surfacing and Screwcutting with Milling and Grinding Accessories. Single Phase 230 V.A.C. |
| IBT/ 9/87 | Oscilloscopes. 40 MHz Bandwidth. Double Beam. 150 m.m. x 150 m Flat Screen. With Probes Ratio 1 and 10. |
| ITB/10/87 | Logis Analysers. Thurlby 160A or Equivalent Complete with all Accessories. |
| ITB/11/87 | Engraving Machine. Deep Cut For Relief and Cut-Out Work. Auxiliary Pantograph 1/1 Ratio. Cutters For Steel, Brass, and Plastic. Vice. Cutting Area 500 x 200 m.m. At Ratio 2 230 Volt Single Phase. |

Tawaran-tawaran hendaklah dialamatkan kepada :

Pengerusi,
Lembaga Tawaran Kecil,
Tingkat Satu,
Kementerian Pelajaran,
Lapangan Terbang Lama,
Berakas,
Negara Brunei Darussalam.

5. Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang terletak di luar bilik Pengarah Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan. Tarikh tutup tawaran ialah pukul 3.00 petang hari Rabu 8 Julai, 1987.
6. Pembekal hendaklah menyertakan bersama salinan sijil Pendaftaran Perniagaan.
7. Tawaran-tawaran yang tidak mempunyai penerangan yang lengkap atau yang diterima lewat dari masa dan tarikh yang ditetapkan tidak akan dilayan.
8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat bagi menerima tawaran yang termurah atau lain-lain tawaran.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN PENTADBIRAN DAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KEMENTERIAN PELAJARAN

| Bil. Tawaran | Keterangan | Tarikh Tutup |
|---|---|---|
| DA/TQ/136/87 | Membekal dan Menghantar Universal Geared Engine Stand | 22 Julai |
| DA/TQ/137/87 | Membekal dan Menghantar "Materials Testing Equipment" 1. Framed Structures Apparatus Conversions Set III 2. Universal Mechanic Apparatus Accessories. | 22 Julai |
| DA/TQ/138/87 | Membekal dan Menghantar "Feedback Lan 521 Display Oscilloscope | 22 Julai |
| DA/TQ/139/87 | Membekal dan Menghantar China Geared Head Gap Lathe | 22 Julai |
| DA/TQ/140/87 | Membekal dan Menghantar Vehicle Body Jig Dataliner 800 | 22 Julai |
| DA/TQ/141/87 | Membekal dan Menghantar Electrical Demonstration Kit | 22 Julai |
| DA/TQ/142/87 | Membekal dan Menghantar Industrial Safety Shoes bagi Tahun 1987/1988 | 22 Julai |
| DA/TQ/143/87 | Membuat dan Menjahit Pakaian "Lightweight Coverall" bagi Tahun 1987/1988 | 22 Julai |
| DA/TQ/144/87 | Membekal dan Menghantar Alatan "Catering" 1. Mobile Refrigerated Salad Bar 2. High Pressure Steamer. | 22 Julai |

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang terletak di luar bilik Pengarah Pentadbiran dan Perkhidmatan-perkhidmatan :
   Tingkat Satu,
   Kementerian Pelajaran,
   Lapangan Terbang Lama,
   Berakas,
   Negara Brunei Darussalam.

   Tidak lewat jam 3.00 petang pada tiap-tiap hari Rabu (seperti tarikh yang ditetapkan)
2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan jam ditetapkan tidak akan diterima dan dilayan.
3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup. Pada bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis tajuk dan bilangan tawaran sepertimana yang diiklankan serta tarikh tutup tawaran itu, tanpa menunjukkan identiti pembekal/pemborong dan ditujukan kepada :
   Pengerusi,
   Lembaga Tawaran Kecil,
   Tingkat Satu,
   Kementerian Pelajaran,
   Lapangan Terbang Lama,
   Berakas,
   Negara Brunei Darussalam.
4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Unit Penyelaras Tawaran, Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-perkhidmatan, Kementerian Pelajaran, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.

   Waktu menerima cagaran tawaran adalah seperti berikut : —

   | | | | |
   |---|---|---|---|
   | Selasa-Khamis | 8.00 pagi | — | 11.00 pagi |
   | | 1.30 petang | — | 2.30 petang |
   | Isnin-Sabtu | 8.00 pagi | — | 10.00 pagi |
5. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dengan wang tunai sebanyak $100.00 bagi setiap tawaran. Cagaran akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).
6. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.
7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.



YANG Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa, Penasihat Khas KDYMM di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menerima hadiah bagi orang-orang kenamaan. — Gambar oleh Haji Sharbini Taha.



MENTERI KESIHATAN, Yang Berhormat Dato Paduka Dr. Haji Johar menyampaikan hadiah kepada pemenang golf tahun ini yang disandang oleh David Miller. — Gambar oleh Haji Sharbini Taha.

## 169 pemain sertai kejohanan golf

DAVID MILLER, pemain daripada Kelab Golf Pantai Mentiri muncul sebagai juara Kejohanan Kelab Golf Pantai Mentiri dengan meraih mata sejumlah 226.

Naib juara disandang oleh Anthony Chin dari Kelab Golf Miri dengan memungut mata sejumlah 230, dan tempat ketiga ialah H.M Lim dari Kelab Golf Pantai Mentiri yang telah memperolehi sejumlah 232 mata.

Dalam bahagian wanita, E.K. William muncul sebagai juara dengan mendapat 247 mata, tempat kedua Linda Ecggon dengan 279 mata manakala tempat ketiga ialah Hazzel Sexfon juga memperolehi 279 mata.

Kira-kira 169 orang pemain termasuk pemain-pemain wanita dari Singapura, Australia, Malaysia dan Negara Brunei Darussalam menyertai kejohanan kali ketiga itu dan hadiah-hadiah telah disampaikan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Paduka Dr. Haji Johar bin Dato Paduka Haji Noordin.

## Perlumbaan Perahu Naga Antarabangsa:

# NEGARA KITA DUDUKI TEMPAT KEDUA

PASUKAN dari Negara Brunei Darussalam telah mendapat tempat kedua dalam salah satu acara di Perlumbaan Perahu Naga Antarabangsa yang berlangsung di Singapura pada 14 Jun 1987. Pasukan kita mengalahkan pasukan-pasukan dari Jepun, Hongkong dan Macau dalam acara tersebut. Indonesia mendapat tempat pertama.

Acara utama kejohanan antarabangsa dimenangi oleh Thailand bagi kedua tahun berturut-turut. Australia mendapat tempat kedua.

Pesta tahunan itu berlangsung di Marina Bay berhampiran dengan tempat berlangsungnya Mesyuarat Menteri-Menteri ASEAN yang ke-20. Pesta air ini menarik penyertaan 48 pasukan tempatan dan luar negeri.

Bagi para peminat di Singapura, pesta tahun ini adalah penting kerana ia menandakan pesta yang ke-10 tahun dan diadakan pula di Marina Bay bagi pertama kali.

Perahu Naga yang digunakan di pesta ini dibuat dari "fibreglass" yang berukuran 11.7 meter panjang dan 1.1 meter lebar. Menurut salah seorang peserta Negara Brunei Darussalam pekayuh-pekayuh kita menghadapi kesukaran untuk membiasakan diri dengan perahu yang diperbuat daripada "fibreglass" ini kerana ia amat berbeza dari banyak segi jika dibandingkan dengan perahu lumba kita.



Kelolaan Jaafar Haji Ibrahim dan Ahat Ismail

**BELIA & SUKAN**



SUASANA dirakamkan ketika Perlumbaan Perahu Naga Antarabangsa dilangsungkan di Singapura. Di perlumbaan tersebut negara kita menduduki tempat kedua. — Gambar oleh Pg. Bahar PHO.

# United Star muncul juara bulu tangkis

UNITED STAR keluar sebagai juara Kejohanan Bulu Tangkis berpasukan Piala Lim Eng Ming kali pertama setelah menewaskan Pasukan Jasra "A" dengan kemenangan tipis 4-3 di Dewan Darussalam, Sekolah Menengah Chung Hwa malam Ahad lepas.

Dalam perlawanan perseorangan pertama, Pasukan Jasra mendahului United Star melalui Abd. Rauf Kadir yang begitu mudah menewaskan pemain perseorangan United Star, Ng Hui Hua dengan kiraan straight set 15-7, 15-3.

Kemudian di perlawanan perseorangan kedua, United Star berjaya menyamakan kedudukan setelah pemain perseorangan kedua mereka, Dallen Foo menundukkan Awang Zaki Kadir straight set 15-8, 15-3.

Bagaimanapun di perlawanan perseorangan ke tiga United Star, Tan Koon Yong terpaksa berhempas-pulas untuk menewaskan pemain perseorangan ketiga Jasra, Abd. Aziz Ali dengan kiraan rubber set 15-9, 15-5 dan 15-7.

Jasra kemudiannya menyamakan kedudukan 2-2 apabil pasangan bergu pertama mereka Awang Zaki Kadir dan Abd. Aziz Ali berjaya menewaskan dengan mudah bergu pertama United Star iaitu Benard Chan dan Mike Lee straight set 15-0, 15-2.

Seterusnya United Star sekali lagi mengatasi Jasra 3-2 apabila pasangan bergu kedua mereka, Dallen Foo dan Ng Hui Hua menumpaskan Mohamed Osman dan Idris Osman straight set 15-2, 15-5.

Setelah tewas satu perlawanan, Pasukan Jasra terus bermain berhati-hati dan kemudiannya berjaya menyamakan kedudukan 3-3 melalui pemain bergu ketiga mereka Pengiran Ahmad dan Abdullah Ali yang menewaskan pasangan bergu United Star Steven Wong dan Kon Chian Kiew 15-6, 15-5.

Bagaimanapun dalam perlawanan penentu, United Star lebih bernasib baik apabila pasangan bergu mereka yang terdiri dari Tan Konn Yen dan Thomas Foo menewaskan pasangan Jasra Yusri dan Norman Zaidi straight set 15-4, 15-4.

Sejumlah 14 pasukan menyertai kejohanan dua minggu itu yang antara lain bertujuan untuk mempertingkatkan mutu permainan bulu tangkis negara ini.



KETUA Pasukan United Star menerima Piala Lim Eng Ming setelah mereka menewaskan Pasukan Jasra 4-3 dalam perlawanan akhir. — Gambar oleh Pg. Bahar PHO.




PERLAWANAN bergu pertama antara Samad Osman dan Idris Osman dari Jasra menentang Dallen Foo dan Mike Lee dari United Star. Pasangan United Star menang dengan straight set 15-2, 15-5. — Gambar oleh Pg. Bahar PHO.



DULI Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam beserta ahli-ahli kerabat Diraja ketika berangkat menyaksikan persembahan kebudayaan oleh kanak-kanak Sekolah Antarabangsa. — Gambar oleh Pg. Abu Bakar PHO.

# DYTM Pg. Isteri Hajjah Mariam berangkat saksikan pementasan

JERUDONG. — Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam telah berangkat ke satu pementasan yang dianjurkan oleh Lembaga Sekolah Antarabangsa di Jerudong Park pada 27 Jun lepas.

Berangkat sama ke majlis itu ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Masna, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Amal Umi Kalthum Al-Islam dan tiga orang anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Abdul Azim, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Azemah Ni'matul Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadzillah Lubabul Bulqiah.

Di majlis itu, Duli Yang Teramat Mulia menyaksikan persembahan kebudayaan negara-negara seperti India, Ireland, Thailand, Filipina dan Australia oleh murid-murid Sekolah Antarabangsa.

# PROJEK PERHUTANAN ASEAN — KANADA DITANDATANGANI

Dari muka 1

margin tarif keutamaan dari 50% kepada 75%. ASEAN menaruh harapan bahawa kenaikan ini akan menggalakan sektor-sektor swasta untuk meneruskan usaha ke arah mewujudkan usahasama dan menggunakan kemudahan yang diberikan melalui skim AIJV.

Satu lagi dokumen yang ditandatangani ialah dokumen protokol bagi fasa kedua Projek Pusat Biji Benih Pokok Hutan ASEAN-Kanada. Dokumen protokol ini ditandatangani oleh Menteri Luar Thailand, Tuan Yang Terutama Ketua Marshal Udara Siddhi Savetsila bagi pihak ASEAN dan Menteri Hal Ehwal Luar Kanada Tuan Yang Terutama Joe Clark pada 20 Jun 1987.

Projek ini menyusuli Projek Pusat Biji Benih Pokok Hutan ASEAN-Kanada yang bermula pada tahun 1982 yang ditempatkan di Thailand. Fasa pertama projek ini akan siap menjelang lewat tahun ini dan fasa kedua pula akan bermula pada 1 Januari 1988.

Matlamat jangka panjang projek ini antara lainnya ialah untuk meningkatkan bekalan biji pokok-pokok hutan yang bermutu tinggi bagi rancangan perhutanan ASEAN dan untuk melindungi pelbagai baka hutan-hutan ASEAN. Projek ini dihasratkan untuk memajukan keupayaan pusat ini bagi memudahkan kajian dan perkembangan, menyediakan sokongan operasi kepada perhutanan ASEAN, menyediakan latihan dan penerangan.

Kanada akan memberikan sumbangan sebanyak 9,400,000.00 ringgit Kanada sementara Thailand selaku tuan rumah kepada projek ini menyumbangkan 2,300,000.00 ringgit Kanada dan lain-lain negara ASEAN pula menyumbangkan sebanyak 2,900,000.00 ringgit Kanada.

Projek ini akan mengambil masa selama lima tahun selepas memoranda persefahaman mengenainya ditandatangani pada masa yang akan datang.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Pertahanan, Dato Paduka Awang Haji Alimin bin Haji Abd. Wahab menyampaikan hadiah kepada Juara Peraduan Mencipta Lagu-Lagu Popular, Awang Mohd. Junaidi Haji Mohd. Salleh. — Gambar oleh Pg. Haji Yaakub PMHH.

## "Tengkujuh" juarai Pertandingan Mencipta Lagu-Lagu Popular

BANDAR SERI BEGAWAN. — 'Tengkujuh' lagu ciptaan Awang Mohd. Junaidi bin Haji Mohd. Salleh telah menjuarai Pertandingan Mencipta Lagu-Lagu Popular 1987 yang berlangsung di Dewan Raya Radio Televisyen Brunei di sini, malam Sabtu lepas.

Lagu ciptaan Awang Mohd. Junaidi dinyanyikan oleh penyanyi remaja tanahair, Awangku Mohd. Yusri bin Pengiran Yahya, berjaya mengalahkan sembilan orang pencipta di pertandingan tersebut.

Tempat kedua disandang oleh Awang Merali Tuah dengan lagu ciptaannya 'Kedamaianmu', dan di tempat ketiga pula ialah Ak. Metussin Pg. Matserudin dengan ciptaannya 'Impian Cinta'.

Tetamu kehormat dipertandingan pada malam itu, Setiausaha Tetap Dasar dan Pentadbiran di Kementerian Pertahanan Dato Paduka Awang Haji Alimin menyempurnakan penyampaian hadiah-hadiah kepada para pemenang.

Awang Mohd. Junaidi, pencipta muda yang berbakat menerima hadiah berjumlah $2,500.00, sebuah piala rebutan dan piala iringan.

# Poster 4 orang pelajar dipilih

BANDAR SERI BEGAWAN. — Poster-poster hasil rekaan empat orang pelajar telah dipilih untuk Sampul Surat Hari Pertama dan setem kenang-kenangan sempena Kempen Anti Dadah Nasional.

Poster tersebut disesuaikan dari peraduan melukis sempena kempen yang dilancarkan tahun lalu, dihasilkan oleh Othman bin Ramboh dari Sekolah Menengah Sufri Bolkiah, Tutong; Arman bin Mohd. Zaman dari Sekolah Menengah Serasa, Muara; Abidin bin Haji Rashid dari Sekolah Menengah Awang Semaun, Sungai Kebun dan Murasedi Haji Muhammad dari Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah.

Hasil rekaan Awang Murasedi dipilih untuk Sampul Surat Hari Pertama, sementara yang lainnya untuk setem kenang-kenangan. Sampul Surat Hari Pertama dan setem kenang-kenangan itu mula dijual pada 15 Mac, 1987 dengan harga 10 sen, 75 sen dan $1.00.

Kesemua mereka menerima hadiah berupa wang tunai berjumlah $300.00 setiap seorang. Majlis penyampaian hadiah berkenaan berlangsung di Bilik Persidangan, Pejabat Besar Pos di sini pagi kelmarin oleh Penolong Ketua Pos Agung, Awang Ali bin Haji Metussin.

Peraduan melukis poster diadakan pada bulan Mac tahun lepas yang dibukakan khusus untuk para pelajar peringkat menengah dan dianjurkan oleh Unit Anti-Dadah Kementerian Pelajaran.

Kempen Anti-Dadah Nasional bertujuan untuk memberi penerangan yang lebih lanjut kepada masyarakat berkenaan dengan dadah dan masalahnya dan untuk menyatupadukan usaha-usaha negara ASEAN dalam membenteras masalah dadah.

Kempen yang bertemakan "DADAH PEROSAK MASYARAKAT DAN NEGARA" menekankan kepada orang ramai akan pandangan kerajaan yang mengambil berat tentang pentingnya masalah penyalahgunaan dadah mempunyai sejarah yang bukan sahaja menyekat perkembangan sosio-ekonomi sesebuah negara bahkan juga ia akan mengurangkan tenaga manusia yang segera diperlukan.

## Persediaan Peperiksaan RSA

PERSEDIAAN-persediaan sekarang sedang dibuat bagi mengadakan Peperiksaan The Royal School of Music (Peperiksaan-peperiksaan Teori) di Negara Brunei Darussalam dalam bulan November, 1987.

Borang-borang permohonan boleh diperolehi dari Jabatan Peperiksaan, Kompleks Lapangan Terbang Lama, Berakas, Negara Brunei Darussalam mulai dari 1 Julai, 1987 hingga 15 Julai, 1987. Bayaran-bayaran peperiksaan hendaklah dibayar melalui cek atau bankdraft (Matawang Sterling) dan hendaklah dibayar terus kepada The Royal School of Music, London dan bukan kepada Jabatan Peperiksaan, Negara Brunei Darussalam.

Borang-borang permohonan yang dihantar lewat dari 15 Julai, 1987 tidak akan dilayan.

## RAMALAN CUACA ←— minggu ini —→

HUJAN berasingan dijangka berlaku pada awal minggu dan hujan mungkin bertambah pada hujung minggu.

Ramalan cuaca ini bermula dari 1 hingga 7 Julai, 1987.

Wallahuaklam.

Diterbitkan oleh Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Kementerian Undang-Undang, Negara Brunei Darussalam.